

**IMPAK PEMBANGUNAN PELANCONGAN MARITIM  
KE ATAS SOSIOEKONOMI KOMUNITI DI PULAU  
PERHENTIAN, TERENGGANU**

**MUHAMMAD FAIZ BIN RAMLI**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**IMPAK PEMBANGUNAN PELANCONGAN MARITIM  
KE ATAS SOSIOEKONOMI KOMUNITI DI PULAU  
PERHENTIAN, TERENGGANU.**

**MUHAMMAD FAIZ BIN RAMLI**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA PENGAJIAN ASIA TENGGARA**

**JABATAN PENGAJIAN ASIA TENGGARA  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

## UNIVERSITI MALAYA

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: (No. K.P/Pasport: )

No. Pendaftaran/Matrik:

Nama Ijazah:

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:  
Jawatan:

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana diberikan ruang dan kesempatan bagi menyiapkan kajian ini. Penulisan ini tidak lengkap tanpa kerjasama daripada beberapa pihak terutamanya isteri Nur Nazrila yang sentiasa membantu memberikan sokongan moral, keluarga yang terus menyokong sepanjang sesi pembelajaran. Seterusnya kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam proses kajian terutamanya keluarga En. Zainuddin B Muhammad selaku Ketua Komuniti Pulau Perhentian yang banyak membantu proses soal selidik serta kajian setempat.

Terima kasih juga kepada Pensyarah-pensyarah yang banyak memberikan tunjuk ajar berguna terutamanya Penyelia Prof Madya Dr Hanizah Idris yang banyak memberikan tips dan panduan berguna dalam menyiapkan kajian ini, staf-staf Jaabtan Pengajian Asia Tenggara yang banyak membantu serta rakan-rakan seperjuangan. Terpenting adalah penghargaan buat ayahanda dan bonda yang sentiasa menyokong segala tindakan adakanda, terima kasih tidak ternilai diucapkan hingga berjaya juga kajian ini disiapkan.

## **ABSTRACT**

The development of the tourism industry is part of an effort to diversify the country's economic resources especially in the services sector so that the sector is becoming more dynamic, progressive and viable. However, maritime and island tourism among the most important form of tourism as it offers an attraction for tourists in terms of the beauty of the islands, environment, maritime resources, Marine Park, and also includes recreational activities such as scuba diving, snorkeling, jet ski down to the cruise (cruise ship). Therefore, the main focus of this research is to study the impact of marine tourism development on the socioeconomic of the local community at Pulau Perhentian, and also to analyze the role of government in developing maritime tourism on the island. Quantitative research method is used mainly through questionnaires and interviews to the locals. One of the important findings showed that the development of maritime tourism had positive impact on the local community, especially in providing business opportunities through Small Medium Enterprise (SME), and others. Accordingly, there is a need to ensure that the development of maritime tourism especially resorts on Pulau Perhentian will not affect the socioeconomic of the local community. This can be done through the development of sustainable tourism which had been introduced by the government.

## ABSTRAK

Pembangunan industri pelancongan adalah sebahagian daripada usaha membina, memperluas dan mempelbagaikan sumber ekonomi negara dalam sektor perkhidmatan, agar sektor ini menjadi lebih dinamik, progressif dan berdaya maju. Namun begitu, pelancongan maritim dan pulau antara yang paling meningkat dari tahun ke tahun kerana bentuk pelancongan ini menawarkan tarikan utama seperti keindahan alam sekitar, sumber maritim, privasi, taman laut, dan turut melibatkan aktiviti rekreasi seperti *scuba diving*, snorkeling, jet ski sehinggalah kepada aktiviti pelayaran kapal persiaran (cruise ship). Oleh itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mengkaji impak pembangunan pelancongan maritim ke atas sosioekonomi komuniti di Pulau Perhentian di samping menganalisa peranan kerajaan dalam membantu proses pembangunan pelancongan maritim. Kaedah penyelidikan kuantitatif yang digunakan sebahagian besarnya adalah melalui borang soal selidik dan temuramah terhadap penduduk setempat. Hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah kebanyakan aktiviti pembangunan pelancongan maritim memberikan impak positif terhadap komuniti setempat terutamanya bagi aktiviti perniagaan, Industri Kecil Sederhana (IKS), dan lain-lain. Sehubungan itu, terdapat keperluan bagi memastikan agar pembangunan kawasan peranginan terutamanya resort di Pulau Perhentian tidak menjelaskan sosioekonomi komuniti. Ini dapat dilaksanakan melalui pembangunan pelancongan mampan yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
<b>Abstrak</b>	<b>iii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>v</b>
<b>Senarai Rajah</b>	<b>xi</b>
<b>Senarai Jadual</b>	<b>xiii</b>
<b>Senarai Singkatan</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Kawasan Kajian	11
1.4 Pernyataan Masalah	15
1.5 Tujuan Kajian	16
1.6 Objektif Kajian	17
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Metodologi Kajian	18
1.8.1 Kaedah Perpustakaan	18
1.8.2 Kaedah Temubual	19
1.8.3 Kaedah Kaji Selidik	20
1.8.4 Kaedah Pemerhatian	21
1.9 Kerangka Teori	22
1.9.1 Model Evolusi	22

1.10	Masalah Kajian	24
1.11	Kajian Terdahulu	25
1.12	Pembahagian Bab	33

**BAB 2           DEFINISI, KONSEP DAN AKTIVITI  
PELANCONGAN MARITIM DI PULAU  
PERHENTIAN.**

2.1	Pengenalan.	34
2.2	Pembangunan.	38
	2.2.1 Definisi Pembangunan	38
	2.2.2 Pelancongan dan Pembangunan	39
	2.2.3 Komponen-komponen Pembangunan Pelancongan	42
2.3	Pembangunan Pelancongan di Malaysia	43
2.4	Jenis Pelancongan Di Malaysia	45
	2.4.1 Pelancongan Minat Khusus dan Pengembawaan di Pulau Perhentian.	46
	2.4.2 Agropelancongan	47
	2.4.3 Pelancongan Desa	48
	2.4.4 Ekopelancongan	48
2.5	Visi dan Misi Pelan Pembangunan Pelancongan Pulau Perhentian	50
	2.5.1 Objektif Pembangunan Pulau Perhentian	51
2.6	Elemen Kemampunan Dalam Pembangunan Pelancongan di Pulau Perhentian	53
2.7	Profil Ketibaan Pelancong ke Pulau Perhentian	55

2.8	Pulau Perhentian Sebagai Taman Laut	58
2.9	Aktiviti Pembangunan Pelancongan di Pulau Perhentian	60
2.9.1	Aktiviti Pembangunan Resort/Chelet	60
2.9.2	Aktiviti Pelancongan	61
2.9.3	Tahun Melawat Terengganu 2013	62
2.9.4	Tahun Melawat Terengganu 2014	63
2.9.5	Aktiviti Rekreasi di Pulau Perhentian	64
2.9.6	Aktiviti Pembangunan Yang Tidak Dibenarkan	65
2.9.7	Aktiviti Pembangunan Yang Dibenarkan (Garis Panduan Khusus)	66

**BAB 3                    IMPAK PEMBANGUNAN PELANCONGAN  
                          MARITIM KE ATAS SOSIAL KOMUNITI  
                          DI PULAU PERHENTIAN.**

3.1	Pembangunan Pelancongan dan Kaitannya Dengan Sosial Komuniti.	69
3.2	Pengertian Aktiviti Sosial Komuniti.	72
3.3	Sektor Sosial Yang Digariskan Secara Umum Oleh UPEN Terengganu	73
3.4	Program Tanggungjawab Sosial Korporat CSR Marin LHDNM di Pulau Perhentian	74
3.5	Impak Positif Pembangunan Pelancongan Terhadap Sosial	75
3.5.1	Meningkatkan Kualiti Hidup Komuniti Setempat	75
3.5.2	Pembaharuan Peningkatan Nilai Budaya	80
3.5.3	Kemudahan dan Infrastruktur	82

3.5.4	Pendidikan	92
3.5.5	Struktur Sosial dan Organisasi Komuniti	96
3.6	<b>Impak Negatif Pembangunan Pelancongan Terhadap Sosial Masyarakat Pulau Perhentian</b>	102
3.6.1	Komuniti Terpinggir Daripada Pembangunan	103
3.6.2	Kesesakan dan Gangguan Kepada Penduduk	104
3.6.3	Masalah Sosial	105
3.6.4	Jenis Masalah sosial	109
3.7	<b>Kesimpulan</b>	117

## BAB 4

# **IMPAK PEMBANGUNAN PELANCONGAN MARITIM KE ATAS EKONOMI KOMUNITI DI PULAU PERHENTIAN.**

4.1	Pengenalan	119
4.2	Aktiviti Ekonomi di Pulau Perhentian	125
	4.2.1 Aktiviti Maritim	128
	4.2.2 Perniagaan Chalet/Resort	133
4.3	Impak Positif	137
	4.3.1 Menyumbang Kepada Peningkatan Pendapatan dan Taraf Ekonomi	137
	4.3.2 Menyediakan Peluang Pekerjaan	144
	4.3.3 Peluang Perniagaan	150
	4.3.4 Kenderaan/Bot Sewa	156
	4.3.5 Program Inap Desa/Homestay/Kampung Stay	158
	4.3.6 Penawaran Barang dan Perkhidmatan yang	

	Berkualiti	159
4.3.7	Peningkatan Dalam Keusahawanan Komuniti	161
4.4	Impak Negatif	164
4.4.1	Penguasaan Destinasi oleh Pelabur Asing	164
4.4.2	Peningkatan Harga Barang, Kemudahan dan Perkhidmatan	167
4.4.3	Persaingan Yang Tidak Sihat Dalam Kalangan Pengusaha	168
4.5	Kesimpulan.	169
<b>BAB 5</b>	<b>PERANAN KERAJAAN DALAM MEMPROMOSIKAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN MARITIM DI PULAU PERHENTIAN</b>	
5.1	Pengenalan	171
5.2	Peranan Kerajaan	172
5.2.1	Pembangunan Modal Insan Terhadap Komuniti	176
5.2.2	Pembangunan Pendidikan di Setiap Peringkat	179
5.2.3	Pembangunan Prasarana	186
5.2.4	Menstruktur dan Memperkasakan Pihak Berkuasa Yang Mentadbir-urus Pulau Perhentian	192
5.2.5	Mempergiat Usaha Mempromosi Pulau Perhentian	201
5.3	Pelan Ekopelancongan Kebangsaan	206
5.3.1	Pemeliharaan Ekosistem	208
5.4	Pelancongan Mampan	210
5.5	Proses Pembangunan Pelancongan Mampan di Pulau Perhentian	213

5.5.1	Had Daya Tampungan ( <i>Carrying Capacity</i> )	213
5.5.2	Kod Etika Pelancong	219
5.5.3	Penilaian Kesan Sosial	222
5.5.4	Piawaian Reka Bentuk	224
5.6	Kesimpulan	231
<b>BAB 6</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
6.1	Kesimpulan kajian	233
<b>LAMPIRAN SENARAI TEMURAMAH.</b>		243
<b>LAMPIRAN BERGAMBAR.</b>		243
<b>BIBLIOGRAFI</b>		257

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1	Peta Pulau Perhentian.	11
Rajah 2.1	Pelan Pembangunan Paip di Pulau Perhentian.	37
Rajah 2.2	Pelancongan Minat Khusus Dan Pengembaraan Melalui ‘Sidewalk’ Sepanjang Pantai Di Perhentian Kecil.	47
Rajah 2.3	Pembangunan Masa Hadapan dan Kawasan Pemuliharaan.	52
Rajah 2.4	Salah Sebuah Pintu Masuk ke Pulau Perhentian.	58
Rajah 3.1	Teras-Teras Sektor Sosial.	73
Rajah 3.2	Kedai Runcit Penduduk Melalui Program IKS.	77
Rajah 3.3	Bot Yang Digunakan Sebagai Teksi Air dan Juga Bagi Tujuan Aktiviti Maritim.	80
Rajah 3.4	Klinik Kesihatan.	86
Rajah 3.5	Tanah Yang Boleh Dibangunkan dan Kemudahan Infrastruktur di Kampung Pasir Hantu.	87
Rajah 3.6	Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Perhentian.	95
Rajah 3.7	Perhentian Island Ladies Assosiations.	101
Rajah 3.8	Sebahagian Chalet Yang Dibina Penduduk Rosak Akib Kekurangan Modal Untuk Pengurusan.	104
Rajah 3.9	Jenis Dan Permasalahan Sosial Di Pulau Perhentian.	109
Rajah 3.10	Carta Pai Kedatangan Pelancongan Membawa Kesan Kepada Peningkatan Jenayah Di Kawasan Penduduk.	115
Rajah 4.1	Kanu Yang Disewakan Untuk Aktiviti Riadah Pantai.	130
Rajah 4.2	Pengkaji Merasai Pengalaman Jungle Tracking di Sekitar Pulau.	132
Rajah 4.3	Lokasi Resort Di Pulau Perhentian.	134
Rajah 4.4	Salah Sebuah Resort Yang Terdapat di Pulau Perhentian.	136

Rajah 4.5	Bilangan dan Ratio Pekerja Tempatan dan Asing di Pulau Perhentian.	140
Rajah 4.6	Penginapan Pelancong di Kampung Pasir Hantu.	148
Rajah 4.7	Perniagaan Gerai Kecil Melalui Kerjasama Kerajaan Tempatan.	154
Rajah 4.8	Teksi Air.	157
Rajah 4.9	Hubungan Persaingan Tiga Kelompok.	160
Rajah 4.10	Projek Lot Kedai Keusahawanan.	162
Rajah 5.1	Taman Bimbingan Kanak-kanak.	180
Rajah 5.2	Masjid.	182
Rajah 5.3	Kemudahan dan Prasarana di Kampung Pasir Hantu.	187
Rajah 5.4	Lot Kedai Baru Dalam Proses Pembinaan.	189
Rajah 5.5	Tanah Yang Boleh Dibangunkan dan Keperluan Infrastruktur di Pasir Panjang.	190
Rajah 5.6	Anjakan Belakang/Ruang Legar (Kawasan Kediaman).	227
Rajah 5.7	Ruang Legar Bagi Kawasan Kediaman.	227
Rajah 5.8	Jarak Antara Garis Bangunan Dengan Rizab Jalan.	228
Rajah 5.9	Rizab Dan Lebar Jalan.	228
Rajah 5.10	Rizab Lorong Belakang/Sisi.	229
Rajah 5.11	Program Kitar Semula.	230

## **SENARAI JADUAL.**

Jadual 1.1	Huraian Peringkat Pembangunan Model Miossec 1976.	23
Jadual 2.1	Visi Dan Misi Pembangunan Pulau Perhentian.	50
Jadual 2.2	Jantina dan Penduduk Yang Mendapat Manfaat Aktiviti Pembangunan Pelancongan.	53
Jadual 2.3	Bilangan Pelancong Ke Taman Marin.	56
Jadual 2.4	Statistik Kedatangan Pelancong Ke Pulau Perhentian 2010.	61
Jadual 2.5	Aktiviti Pulau Bagi Tahun Melawat Terengganu 2013.	62
Jadual 2.6	Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Tahun Melawat Terengganu/Pulau Perhentian 2014.	64
Jadual 2.7	Senarai Aktiviti Di Pulau Perhentian.	65
Jadual 2.8	Garis Panduan Khusus Pembangunan.	66
Jadual 3.1	Jenis pekerjaan penduduk Kampung Pasir Hantu.	75
Jadual 3.2	Peratusan dan Jenis Pekerjaan mengikut sektor bagi tahun 2015.	77
Jadual 3.3	Umur dan Jenis Pekerjaan Diceburi.	79
Jadual 3.4	Kedatangan pelancong asing menyebabkan peningkatan dalam komunikasi antara pelancong dan penduduk.	81
Jadual 3.5	Perbandingan Jumlah Kedatangan Pelancong dari 2004 hingga 2013.	84
Jadual 3.6	Kemudahan Asas di Pulau Perhentian 2015.	85
Jadual 3.7	Jumlah Jeti di Pulau Perhentian.	89
Jadual 3.8	Adakah Pembinaan Infrastruktur Mengganggu Mata Pencarian.	90
Jadual 3.9	Statistik Guru Sekolah Rendah Pulau Perhentian.	92
Jadual 3.10	Jumlah Murid.	93

Jadual 3.11	Maklumat lengkapsekolah di Pulau Perhentian.	93
Jadual 3.12	Struktur Organisasi Jawatankuasa Kemajuan Kampung Pasir Hantu.	96
Jadual 3.13	Jantina dan Pekerjaan Yang Dilakukan.	98
Jadual 3.14	Adakah Penduduk Menerima Kesan Dari Masalah Sosial Yang Berlaku?	105
Jadual 3.15	Umur dan Penerimaan Kesan Dari Masalah Sosial yang Berlaku.	108
Jadual 3.16	Pengidap AIDS/HIV Pulau Perhentian Mengikut Kategori Umur.	116
Jadual 4.1	Imbangan Pembayaran Akaun Perkhidmatan (Bersih) (RM Juta).	121
Jadual 4.2	Jenis Kegiatan Ekonomi Yang di Jalankan Penduduk Pulau Perhentian.	125
Jadual 4.3	Umur dan Jenis Kegiatan Ekonomi Yang Dijalankan.	127
Jadual 4.4	Aktiviti Pelancongan (IKS, Sewa Bot, Jet Ski, Sewa Kemudahan/Alat Menyelam, Memancing) Meningkatkan Pendapatan Komuniti.	130
Jadual 4.5	Lokasi Penyelaman di Pulau Perhentian.	132
Jadual 4.6	Senarai Resort Di Pulau Perhentian.	135
Jadual 4.7	Kualiti Hidup Meningkat Hasil Pembangunan Pelancongan Di Kawasan Anda.	141
Jadual 4.8	Jantina dan Jenis Kegiatan Ekonomi Yang Dijalankan.	142
Jadual 4.9	Kos Menyelam di Perhentian VS Destinasi Lain di Malaysia.	143
Jadual 4.10	Jenis Pekerjaan Yang Ditawarkan Dalam Industri Pelancongan di Pulau Perhentian.	145
Jadual 4.11	Aktiviti Pembangunan dan Penglibatan Mengikut Jantina.	147

Jadual 4.12	Umur dan Pendapatan Penduduk.	149
Jadual 4.13	Jenis Perniagaan di Pulau Perhentian.	151
Jadual 4.14	Peniaga Tempatan Memperoleh Banyak Faedah dari Pembangunan Pelancongan.	152
Jadual 4.15	Purata Pendapatan Penduduk.	153
Jadual 4.16	Program Pembangunan Pelancongan Mewujudkan Peluang Keusahawanan Dan Latihan Kepada Penduduk Tempatan.	163
Jadual 4.17	Pembangunan Pelancongan Menarik Pelabur Asing Ke Kawasan Anda Melalui Pembinaan Hotel, Resort, Dan Lain-Lain.	165
Jadual 5.1	Program Pembangunan pelancongan perlu melibatkan pelbagai agensi kerajaan, swasta, kumpulan rakyat dan individu bagi memastikan semua golongan memperoleh manfaat.	174
Jadual 5.2	Kategori Pembinaan Jatidiri Generasi Muda Pulau Perhentian.	178
Jadual 5.3	Umur Komuniti dan Akses Melalui Buku.	183
Jadual 5.4	Umur Komuniti dan Akses Melalui Majalah.	183
Jadual 5.5	Umur Komuniti dan Akses Melalui Telivisyen.	183
Jadual 5.6	Umur Komuniti dan AKses Melalui Media Sosial.	184
Jadual 5.7	Golongan Yang Paling Banyak Menerima Manfaat Dari Aktiviti Pembangunan Pelancongan.	189
Jadual 5.8	Cadangan Polisi Pembangunan Produk (PD1)	196
Jadual 5.9	Cadangan Polisi Pembangunan Produk (PD2)	197
Jadual 5.10	Apakah Cadangan Bagi Mengatasi Masalah Sosial Yang Berlaku Akibat Aktiviti Pembangunan Pelancongan Maritim Di Kawasan Anda.	198

Jadual 5.11	Adakah Pihak-Pihak Bertanggungjawab Menangani Masalah Sosial Yang Berlaku?	199
Jadual 5.12	Adakah Usaha Yang Dijalankan Oleh Pihak Bertanggungjawab Berkesan?	200
Jadual 5.13	Langkah Promosi Pelancongan dalam Komuniti Setempat.	205
Jadual 5.14	Dimensi Utama Had Daya Tampungan.	214
Jadual 5.15	Had Daya Tampungan Yang Digariskan Melalui Pelan Ekopelancongan Kebangsaan.	217
Jadual 5.16	Adakah Anda Bersetuju Bahawa Kesan Negatif Ke Atas Sosial Masyarakat Boleh Dikurangkan Dengan Mengawal Bilangan Pelancong Ke Kawasan Anda?	218
Jadual 5.17	Kod Etika Pelancongan.	221
Jadual 5.18	Peringkat-peringkat Projek/Program Mengikut Penilaian Kesan Sosial dan Huraian.	224
Jadual 5.19	Kriteria Piawaian Reka Bentuk Terhadap Pembangunan Pelancongan.	225
Jadual 5.20	Penguatkuasaan Piawaian bagi Pembangunan Pelancongan Fizikal Berasaskan Amalan Kemampanan Antarabangsa.	230

## **SENARAI SINGKATAN**

AIDS	<i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i>
ASEAN	<i>The Association Of Southeast Asean Nation</i>
BSN	Bank Simpanan Nasional
CNN	<i>Cable News Network</i>
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
EIA	<i>Environment Impact Assessment</i>
GPP	Garis Panduan Pembangunan
ICT	<i>Information And Communications Technology</i>
IKS	Industri Kecil Sederhana
ITB	<i>International Tourismus of Berlin</i>
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JHEAT	Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu
JKKK	Jawatankuasa Kerja Kampung
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
JTLM	Jabatan Taman Laut Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KKLW	Kementeriaan Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
KNT	Kerajaan Negeri Terengganu
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

LPPM	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MDB	Majlis Daerah Besut
MHWS	<i>Mean High Water Springs</i>
MOTAC	<i>Ministry Of Tourism And Culture Malaysia</i>
MIMA	<i>Maritime Institute Of Malaysia</i>
MYFest	<i>Malaysian Year Of Festival</i>
NGO	<i>Non Government Organization</i>
PATA	<i>Pacific Asia Travel Association</i>
PEK	Plan Ekopelancongan Kebangsaan
PILA	<i>Perhentian Ladies Association</i>
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
RMK6	Rancangan Malaysia Ke 6
RPNT	Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu
RT	Rancangan Tempatan
SARS	<i>Severe Acute Respiratory System</i>
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
SIA	<i>Social Impact Assessment</i>
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
TMM	Tahun Melawat Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TIES	<i>The International Eco-Tourism Society</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

UPEN	Unit Perancangan Ekonomi
UMNO	<i>United Malays Organization</i>
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
WCED	<i>World Commission On Environment</i>
WWF	<i>World Wide Fund</i>
WTO	<i>World Tourism Organization</i>

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN.**

#### **1.1 Pengenalan**

Dewasa ini, industri pelancongan menjadi semakin penting kepada setiap negara kerana industri ini banyak menyumbang kepada pendapatan dan pertumbuhan ekonomi negara. Berbanding dengan aktiviti perekonomian yang lain, industri pelancongan masih boleh dianggap sebagai aktiviti ekonomi yang baru bagi negara sedang membangun seperti Malaysia. Pembangunan industri pelancongan ini boleh disifatkan sebagai sebahagian daripada usaha membina, memperluas dan mempelbagaikan asas ekonomi negara dalam sektor perkhidmatan, agar sektor ini menjadi lebih dinamik, progresif dan berdaya maju. Kebangkitan industri pelancongan di negara ini bermula apabila para pelancong antarabangsa menyedari bahawa terdapatnya keaslian, keindahan, dan kelainan yang tidak terdapat di tempat mereka.

Di Malaysia, penglibatan awal kerajaan dalam industri pelancongan secara rasminya ialah pada tahun 1959, dengan tertubuhnya Jabatan Pelancongan yang terletak di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Bermula dari situ, kerajaan mula mengatur langkah melalui penekanan dasar dan strategi pembangunan industri pelancongan yang lebih agresif, selaras dan bersepadu seiring dengan peningkatan pesat jumlah bilangan pelancong yang tiba di Malaysia dari tahun ke tahun. Penubuhan Perbadanan Kemajuan Pelancongan

Malaysia di bawah Akta Parlimen pada 10 Ogos 1972 telah menunjukkan bahawa kerajaan telah mengambil satu langkah positif dalam membangunkan industri pelancongan di negara ini. Pada 24 April 1992, satu perubahan penting telah berlaku di mana Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah ditukarkan namanya kepada Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) sebagai langkah untuk memajukan lagi industri ini.

Rentetan daripada itu, jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia terus meningkat. Contohnya, peningkatan sebanyak 1.2% kepada 9.45 juta orang bagi tempoh Januari hingga Mei 2012, berbanding 9.32 juta orang bagi tempoh sama tahun 2011. 73.4% daripada keseluruhan jumlah pelancong adalah dari negara-negara ASEAN iaitu Filipina (41.7%), Vietnam (35.2 %), Laos (19.9%), Indonesia (19.3%) dan Myanmar (6.9%). Negara lain termasuklah Arab Saudi (50.7%), China (34.1%), Jepun (30.6%), Rusia (25.8%), Kazakhstan (25.2%), Denmark (14.4%) dan India (7.8%).

Kedatangan pelancong bagi tempoh itu telah berjaya menyumbang RM21.8 bilion kepada pendapatan negara tahun 2012 berbanding RM21.4 bilion pada tahun 2011. Sementara itu, statistik ketibaan pelancong bagi tahun 2013 statistik ketibaan pelancong ke Malaysia adalah seramai 14.7 juta orang dengan peningkatan sebanyak 9.7% berbanding tahun 2012. Pihak Tourism Malaysia mempergiatkan usaha bagi meneruskan peningkatan dalam kehadiran pelancong bagi tahun 2014. Sehubungan itu, separuh pertama tahun 2014 iaitu dari Januari hingga Julai 2014 kehadiran pelancong terus menunjukkan peningkatan kepada

16.1 juta orang dengan kepelbagaian pengisian oleh pihak berwajib. Sementara itu, bagi tahun 2015 kemasukan pelancong adalah sebanyak 29.4 juta orang pelancong dengan jumlah pendapatan kasar industri pelancongan mencecah RM89 bilion melalui kedatangan pelancong ke negara ini.<sup>1</sup>

Secara keseluruhannya terdapat beberapa jenis pelancongan yang wujud di negara ini antaranya ialah ekopelancongan, agropelancongan dan program inap desa (*Homestay*), pelancongan warisan dan kebudayaan, pelancongan sukan dan rekreasi, pelancongan maritim dan pulau, serta pelancongan pendidikan dan kesihatan.<sup>2</sup> Namun begitu, pelancongan maritim dan pulau merupakan antara jenis pelancongan yang berkembang pesat dan semakin menjadi tumpuan dalam industri pelancongan di Malaysia. Hal ini kerana pelancongan maritim dan pulau menawarkan beberapa faktor tarikan utama seperti keindahan alam sekitar, sumber maritim, privasi, taman laut, dan lain-lain lagi. Keindahan sumber alam, marin, kekayaan budaya, kepelbagaian pulau dan pantai terutamanya di sekitar Pantai Timur semenanjung Malaysia menjanjikan destinasi percutian yang memuaskan di samping merehatkan minda dan badan.

Di samping itu, kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan menjadi pemangkin terhadap ketibaan pelancong ke kawasan pantai dan pulau yang ada di Malaysia. Oleh yang demikian, aktiviti rekreasi laut seperti menyelam, mempunyai nilai yang tinggi dalam industri pelancongan di Malaysia. Menyedari potensi pelancongan maritim dan pulau di Malaysia, kerajaan telah menekankan beberapa langkah untuk menarik pelancong ke destinasi pantai, laut dan juga

pulau di Malaysia. Langkah ini menggalakkan penggunaan sumber marin seperti Taman Laut dengan beberapa cara yang berbeza bergantung kepada kualiti persekitaran dan minat pelancong.

Pelancongan maritim juga melibatkan aktiviti seperti berenang, berjemur, *scuba diving*, *snorkeling* dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan laut dan alam sekitar termasuklah berjalan-jalan di pantai dan memerhati hidupan liar. Pelancongan maritim di Malaysia juga meliputi aktiviti berasaskan air, misalnya belayar, pelancongan berasaskan kapal persiaran (*cruise ship*), mengelilingi pulau, *jet ski*, dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, Malaysia mengambil langkah proaktif dalam pemuliharaan ekosistem laut, salah satunya adalah melalui Strategi Taman Laut yang dikuat kuasa di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317) pindaan 1993.

Kawasan Taman Laut (MPA) yang pertama digazetkan di bawah Peraturan Kawasan Perikanan 1983 di negara ini adalah Pulau Redang, Terengganu. Pada masa kini terdapat 40 buah pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut dan diuruskan oleh Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM). Salah sebuah pulau yang turut diwartakan sebagai Taman Laut adalah Pulau Perhentian, Terengganu. Sumber-sumber semula jadi dan keindahan kawasan pantai yang ada di Pulau Perhentian telah menjadikannya sebagai destinasi popular bagi pengunjung dari dalam dan luar negara. Persekitaran semula jadi yang sihat dan sumber marin yang terpelihara adalah merupakan aset yang besar sedia ada di Pulau Perhentian. Namun begitu, kegiatan pelancongan yang dilakukan secara

tidak seimbang di pulau ini mampu memberikan banyak tekanan ke atas alam sekitar, ekosistem dan komuniti setempat, seperti penggunaan sumber tanah yang banyak, meningkatkan penjanaan sisa buangan (sampah sarap) dan juga masalah had daya tampung terutamanya di musim puncak. Hal ini seterusnya membawa kepada kesan sampingan terhadap sosioekonomi komuniti setempat.

Perkembangan pembangunan industri pelancongan ini turut membawa kepada wujudnya impak secara positif dan negatif terhadap aspek sosial dan ekonomi komuniti setempat. Dari satu sudut, perkembangan industri pelancongan ini menyumbangkan impak positif terhadap ekonomi dan sosial komuniti sesebuah destinasi (wilayah, negara, lokasi) yang dikunjungi pelancong. Kemampuannya sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan penggerak pembangunan kawasan luar bandar mendorong kerajaan di negara-negara membangun memberikan perhatian serius terhadap industri pelancongan. Destinasi yang dikunjungi pelancong pula memperoleh manfaat di samping mengubah corak pembangunan kawasan luar bandar.

Walaupun begitu, kegiatan pelancongan maritim turut menyumbangkan impak negatif terhadap ekonomi dan sosial komuniti jika pembangunan yang dilaksanakan itu adalah secara '*ad hoc*' serta perancangannya tidak mengambil kira aspek-aspek kemampuan tertentu. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan, perkembangan industri pelancongan akan terancam untuk jangka masa panjang. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti dan menerangkan dengan lebih lanjut impak positif dan juga negatif yang dijana oleh aktiviti melibatkan pembangunan

pelancongan maritim terhadap sosial dan ekonomi di sekitar Pulau Perhentian. Pulau ini diberikan penekanan kerana peranannya sebagai sebuah pulau yang popular dan menjadi daya tarikan utama pelancong untuk datang ke Malaysia samada dari dalam atau luar negara.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Perkembangan pesat sektor pelancongan maritim di Malaysia telah berjaya menarik minat pelancong luar untuk memilih Malaysia sebagai salah sebuah destinasi pelancongan mereka. Ekoran daripada perkembangan pesat dalam sektor pelancongan ini, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan peranan sektor pelancongan melalui dasar-dasar yang sedia ada dan ditambah baik dasar itu melalui Rancangan Malaysia Keenam (RMK6). RMK6 dilihat sebagai titik tolak kepada perkembangan awal industri pelancongan Malaysia. RMK6 ini menilai dan menstruktur industri pelancongan Malaysia sebagai sumber ekonomi negara yang ternyata berkesan sehingga ke hari ini. Pulau Perhentian di Terengganu sebagai salah sebuah pulau yang terletak di kawasan Semenanjung Pantai Timur turut tidak terkecuali untuk menerima kesan daripada kehadiran pelancong samada domestik ataupun antarabangsa.

Tarikan dan keindahan Pulau Perhentian melalui pewartaan sebagai Taman Laut telah menjadikannya sebagai salah sebuah destinasi pelancongan utama di Malaysia dan dirujuk sebagai salah sebuah pulau tercantik di dunia. Peningkatan dalam jumlah kehadiran pelancong ke Pulau Perhentian ini telah

memaksa Kerajaan Persekutuan melalui kerjasama kerajaan negeri dan badan-badan tertentu manjalankan pembangunan secara menyeluruh terhadap kegiatan pelancongan di Pulau Perhentian. Dengan keindahan semula jadi dan kewujudan batu karang serta tempat menyelam yang menarik, pelancongan telah dimajukan dan menarik pekerja dari sektor perikanan setelah diwartakan sebagai Taman Laut.

Kini, sektor pelancongan merupakan sumber pekerjaan dan perniagaan yang terpenting bagi komuniti di pulau ini. Perkembangan pelancongan di Pulau Perhentian bermula pada pertengahan tahun 1960-an dengan pembinaan Rumah Rehat Kerajaan dengan enam bilik di Pulau Perhentian Besar. Walaubagaimanapun, pembangunan pesat hanya berlaku pada pertengahan tahun 1980-an berikutan kejatuhan dalam eksport komoditi utama seperti getah dan bijih timah. Sehubungan itu kerajaan pusat dengan kerjasama kerajaan negeri mengambil langkah drastik terhadap perkembangan industri pelancongan di Pulau Perhentian. Namun begitu, setiap aktiviti dan pembangunan yang dijalankan di Pulau Perhentian diikuti oleh langkah-langkah kelestarian supaya selaras dengan pewartaannya sebagai Taman Laut. Setiap aktiviti yang dijalankan adalah mengikut spesifikasi dan panduan yang telah digariskan melalui konsep kemampunan iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap sumber marin, alam sekitar dan komuniti setempat.

Kedatangan pelancong ke Pulau Perhentian telah mencatatkan peningkatan sebanyak 30% iaitu daripada 65,000 pelancong meningkat kepada

80,000 orang dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2013.<sup>3</sup> Peningkatan jumlah pelancong itu secara tidak langsung menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan taraf hidup komuniti setempat. Pertambahan bilangan pelancong ini turut membantu peningkatan dalam penambahbaikan infrastruktur dan juga gunatenaga dalam aktiviti pelancongan maritim di Pulau Perhentian. Hal ini secara tidak langsung membuka ruang kepada aktiviti perekonomian dan aktiviti sosial dalam kalangan komuniti setempat di samping turut membawa kepada kesan-kesan tertentu kepada sosioekonomi komuniti di Pulau Perhentian.

Peningkatan dalam ketibaan pelancong ke Pulau Perhentian turut memberi impak dari sudut negatif ekoran pesatnya aktiviti pembangunan pelancongan maritim yang di jalankan. Keseimbangan perlu wujud dalam menjamin keharmonian di antara pelancong dengan komuniti setempat. Kerajaan sebagai elemen penyokong boleh dianggap faktor kritikal yang dapat memenuhi dan membawa perubahan kepada aspek sosioekonomi dalam melaksanakan konsep pemeliharaan dan pemuliharaan untuk menjamin keharmonian ekosistem di Pulau Perhentian. Agenda dan suntikan kerajaan seperti bantuan kewangan dan penyediaan kemudahan mampu memelihara keharmonian dari aspek sosioekonomi komuniti di Pulau Perhentian.

Hala tuju Pembangunan Negeri Terengganu bagi tahun 2009 hingga 2013 yang digubal adalah untuk memberi penekanan kepada sektor yang boleh menjana kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Sektor pelancongan dijadikan agenda utama yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu. Matlamat

utama pembangunan pelancongan negeri adalah untuk meningkatkan kadar dan jumlah kehadiran pelancong, memperkasakan produk pelancongan dan merakyatkan pelancongan melalui penglibatan komuniti dalam aktiviti sampingan dan memberi manfaat kepada semua. Hal ini meliputi pelancongan maritim di Pulau Perhentian yang menjadi daya tarikan utama pelancong untuk ke negeri Terengganu. Strategi yang diambil untuk mencapai matlamat tersebut antaranya memantapkan infrastruktur dan informatif pelancongan, merancang program promosi dan penganjuran acara pelancongan.<sup>4</sup>

Selain itu, kerajaan negeri Terengganu melalui kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia telah merangka dan melaksanakan projek-projek pelancongan negeri yang antara lainnya memberi penekanan terhadap projek pembangunan pelancongan maritim di pulau-pulau terutamanya Pulau Perhentian seperti pembinaan dan penambahbaikan bot “*river cruise*” Sungai Terengganu dan Taman Tamadun Islam Fasa II. Kedatangan pelancong ke negeri Terengganu dan Pulau Perhentian yang meningkat menyebabkan wujudnya inisiatif daripada kerajaan untuk membina dan menaik taraf kemudahan awam bagi menampung jumlah pelancong dan mengimbangi impak pembangunan pelancongan yang dijalankan.

Kajian dan pembangunan terhadap pembangunan pelancongan darat dan maritim telah dijalankan dan mewujudkan beberapa langkah terbaik untuk mengimbangi dan memudahkan kedatangan pelancong seperti pembinaan laluan pejalan kaki ke tapak “*Solar Hybrid*” dan menyediakan sistem pembentungan

berpusat bagi mengelakkan pencemaran air dan menjamin ekosistem di Pulau Perhentian. Sehubungan itu, kajian lebih terperinci amat penting untuk mengetahui impak aktiviti pembangunan pelancongan yang dijalankan di Pulau Perhentian. Hal ini penting dalam menjamin kelangsungan aktiviti pelancongan maritim di Pulau Perhentian.

Peningkatan dalam kemasukan pelancong ke Pulau Perhentian melalui keindahan pulau dan sumber flora serta faunanya sudah pasti berjaya menarik minat pelabur tempatan dan juga pelabur luar untuk turut serta dalam membangunkan aktiviti pelancongan maritim di Pulau Perhentian. Kemasukan pelabur ini akan membuka ruang pekerjaan dan pendapatan daripada aktiviti pelancongan maritim yang dijalankan selain suntikan modal, dasar-dasar yang disarankan oleh kerajaan serta pelbagai cara lain untuk meningkatkan penyertaan komuniti di Pulau Perhentian di dalam aktiviti pelancongan maritim ini.

Sehubungan itu, bagi mengekalkan dan meningkatkan kehadiran pelabur dan peningkatan ekonomi hasil daripada kegiatan pelancongan maritim di Pulau Perhentian ini, kajian dan penilaian berterusan terhadap aspek positif dan negatif pembangunan amat penting supaya hasil daripada aktiviti ekonomi dan sosial masyarakat terus meningkat di Pulau Perhentian.

### 1.3 Kawasan Kajian

Kawasan kajian ini adalah meliputi kawasan Pulau Perhentian di Terengganu sebagai tempat yang paling sesuai untuk melihat kesan akibat daripada pelancongan maritim ke atas sosioekonomi komuniti. Pulau Perhentian dipilih berdasarkan jumlah kedatangan pelancong yang sentiasa meningkat dan menjadi daya tarikan utama pelancongan bagi negeri Terengganu.

Rajah 1.1: Peta Pulau Perhentian.



Sumber: [www.perhentian.com.my](http://www.perhentian.com.my)

Pulau Perhentian terdiri daripada dua pulau utama iaitu, Perhentian Besar (867.3 hektar) dan Perhentian Kecil (524.8 hektar) dan beberapa pulau kecil yang lain. Pulau ini terletak 21KM dari Kuala Besut iaitu pekan yang terdekat di tanah

besar. Keluasan keseluruhannya adalah 1, 392.15 hektar. Terdapat beberapa kawasan pantai berpasir yang agak luas walaupun secara keseluruhannya diliputi oleh kawasan berbukit dan tebing di mana boleh mencapai setinggi 70 km hingga 300 km iaitu di kawasan Long Beach dan Coral Bay (Perhentian Kecil) dan sebahagian besar Perhentian Besar.

Hampir kesemua kemudahan awam terdapat di kawasan penempatan komuniti iaitu di Pulau Perhentian Kecil. Antara kemudahan yang disediakan ialah tadika, sekolah rendah, masjid, balai raya, pondok polis, klinik kesihatan, pejabat pos, bomba rakyat, kawasan perkuburan, kedai MARA dua tingkat dan lot kedai. Kemudahan lain yang disediakan ialah Jeti awam di Teluk Pauh, Teluk Keke dan Jeti Utama di kawasan perkampungan nelayan. Bersesuaian dengan status perairan Pulau Perhentian sebagai Taman Laut, Jabatan Perikanan telah membina sebuah Pusat Taman Laut bagi menempatkan kakitangan untuk mengawal pengairan di samping menyediakan kemudahan informasi. Terdapat hanya sebuah kawasan penempatan iaitu di Kampung Pasir Hantu, Pulau Perhentian Kecil (Kampung Nelayan). Kawasan penempatan ini seluas 9.87 hektar. Penempatan ini telah telibat dengan Program Penyusunan Semula Kampung Nelayan Tradisional. Melalui program ini, pembinaan rumah dilaksanakan secara lebih teratur dan tidak mengancam ekosistem sedia ada.

Sementara itu, jumlah komuniti setempat di Pulau Perhentian ialah kira-kira 2,163 orang dengan hampir kesemuanya terlibat dalam sektor pelancongan, selebihnya adalah sektor awam dan perniagaan runcit. Kawasan-kawasan

pelancongan pula tertumpu di sekitar Teluk Pauh, Pasir Jong, Teluk Keke dan Teluk Dalam di Pulau Perhentian Besar, manakala di Pulau Perhentian Kecil tertumpu di Pasir Panjang (Long Beach), Teluk Kerma, Teluk Aur serta di beberapa tempat di pantai sebelah timur (Coral Bay). Laut di sekitar pulau-pula mempunyai batu karang yang banyak terutamanya di Pantai Tiga Ruang, Teluk Dalam, Tanjung Tukas Laut, Teluk Kerma dan di kawasan perairan antara Pulau Perhentian Kecil dan Pulau Perhentian Besar. Mengikut kajian yang dijalankan, lebih lima puluh spesis batu karang telah ditemui di sekitar Pulau Perhentian. Di sesetengah tempat yang lain pula boleh didapati 20 jenis batu karang di setiap 200 meter persegi kawasan laut.<sup>5</sup>

Selain itu, terdapat enam pantai berpasir di Pulau Perhentian juga menjadi tumpuan Penyu Karah dan Penyu Agar bertelur iaitu di Tanjung Gantung dan Pasir Pengalau di Pulau Perhentian Kecil juga di Pasir Tiga Ruang, Tanjung Tiga Ruang, Tanjung Tukas Laut dan Tanjung Pinang Seribu di Pulau Perhentian Besar. Terdapat juga spesis burung layang-layang (Walet) yang membuat sarang burung di gua-gua sekitar Teluk Batu Tabir dan Gua Buaya. Sistem pengangkutan laut dengan bot adalah nadi utama pengangkutan di antara Pulau Perhentian dan Tanah Besar.

Terminal jeti pelancongan utama di Tanah Besar terletak di Kuala Besut. Terminal ini mula beroperasi pada awal tahun 1998 bagi memudahkan pelancong untuk menunggu dan menaiki bot, kaunter tiket, menjual barang-barang kraftangan, kedai makan dan sebagainya. Perhubungan jalan darat antara

petempatan dan kawasan pelancongan ialah laluan pejalan kaki melalui denai yang sememangnya menjadi kegemaran pelancong luar negeri merentasinya. Selain itu terdapat juga bot kecil yang dipanggil 'teksi' digunakan untuk membawa penumpang ke lokasi pelancongan.

Terdapat lebih kurang 1,000 buah bilik penginapan dari 42 buah pengusaha chalet dan resort dalam pelbagai kategori termasuk Pusat Peranginan Mewah, Chalet bertaraf sederhana dan rendah, *Dormitory* serta kawasan perkhemahan (*hammock*) dengan kadar sewa antara RM50.00 hingga RM300.00 sehari. Kejernihan air laut serta kepelbagaiannya hidupan marin selain daripada kesesuaian tempat menjadikan pusat pelancongan ini popular dengan aktiviti-aktiviti *snorkeling*, *soating*, perkhemahan dan melihat penyu bertelur. Keaslian dan keindahan alam sekitar semulajadi yang belum terjejas seperti laut, daratan, pasir dan batu, gua, bukit-bukit, hutan dan tumbuhan semulajadi memungkinkan pelbagai aktiviti dapat dijalankan seperti *jungle tracking*, penyelidikan dan sebagainya.<sup>6</sup>

Pulau Perhentian juga menjadi tumpuan pelancong untuk aktiviti *scuba diving* dan sijil yang dikeluarkan adalah diiktiraf di peringkat dunia. Penglibatan aktif sama ada secara langsung dan tidak langsung komuniti dalam industri pelancongan dapat membantu meningkatkan taraf ekonomi komuniti di Pulau Perhentian dan secara tidak langsung menggerakkan aktiviti-aktiviti hiliran dalam sektor perkhidmatan di pulau ini.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Pelancongan merupakan satu industri yang sedang berkembang maju di dunia termasuk Malaysia. Ini disokong oleh pertumbuhan ekonomi global yang semakin baik di samping peningkatan dalam kualiti hidup penduduk dunia seperti kadar pendapatan, kesihatan dan waktu terluang. Kesan daripada keadaan ini, mereka berupaya melakukan perjalanan ke setiap pelusuk dunia untuk bercuti, rekreasi dan tujuan-tujuan lain. Pelancongan dilihat mampu menjadi ejen perubahan terhadap landskap ekonomi, alam sekitar, dan sosial sesebuah kawasan. Ia mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baharu, menjanakan peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada penduduk tempatan serta menggunakan sumber jaya sedia ada sebagai tarikan pelancong. Kepesatan industri ini secara langsung menyumbangkan kesan positif terhadap ekonomi, alam sekitar dan sosial destinasi yang dikunjungi oleh pelancong. Kerajaan mensasarkan pembangunan pelancongan tertumpu di kawasan-kawasan luar bandar disebabkan lokasi ini mempunyai kekayaan alam semulajadi dan warisan kebudayaan.

Namun begitu, pelancongan maritim juga turut menyumbangkan kesan negatif terhadap ekonomi, alam sekitar dan sosial jika pembangunan dilakukan secara tidak mengikut garis panduan dan melulu tanpa mengambil kira baik buruk sesuatu aspek. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan, perkembangan industri pelancongan akan terancam untuk jangka masa panjang. Sehubungan itu, kajian ini menekankan kepada kesan, dan langkah kerajaan serta cadangan untuk memastikan pelancongan maritim di Pulau Perhentian dapat dijalankan untuk

tempoh yang panjang. Oleh hal yang demikian, sememangnya terdapat keperluan bagi memastikan agar pembangunan kawasan peranginan terutamanya di Pulau Perhentian tidak memusnahkan keindahan alam semulajadi di samping dapat terus menghasilkan peluang ekonomi dan sosial kepada komuniti setempat.

### **1.5 Tujuan Kajian**

Perkembangan pelancongan di sebuah destinasi menyumbangkan pelbagai impak positif terhadap ekonomi dan sosial seperti meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti, peningkatan kualiti alam sekitar dan menggalakkan hubungan antara pelancong dengan komuniti. Walau bagaimanapun, pelancongan juga menyumbang beberapa impak negatif seperti kebocoran ekonomi, penurunan kualiti alam sekitar dan gangguan kepada komuniti setempat seperti kebisingan, masalah sosial dan sebagainya. Sehubungan itu, bagi menggalakkan pembangunan pelancongan terutamanya melibatkan pelancongan maritim, pihak kerajaan perlu menyediakan dasar dan strategi yang sesuai bagi menjadikan pelancongan sebagai sumber baru pertumbuhan ekonomi negara. Dalam konteks kajian ini, tumpuan diberikan kepada pembangunan pelancongan maritim di Pulau Perhentian kerana tarikan tertentu yang ada menjadikannya antara daya tarikan utama pelancong ke Malaysia.<sup>7</sup>

## **1.6 Objektif Kajian**

Objektif yang pertama adalah untuk mengkaji tentang definisi, konsep pelancongan dan aktiviti pembangunan pelancongan maritim yang dijalankan di Pulau Perhentian.

Objektif yang kedua adalah untuk menganalisa impak pelancongan maritim ke atas aspek sosial komuniti setempat di Pulau Perhentian.

Objektif ketiga adalah untuk menganalisa impak pelancongan maritim ke atas aspek ekonomi komuniti setempat di Pulau Perhentian.

Objektif yang keempat adalah untuk membincangkan tentang peranan kerajaan dalam pembangunan pelancongan maritim di Pulau Perhentian.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci tentang impak pembangunan pelancongan maritim ke atas sosioekonomi komuniti setempat.

Hasil kajian ini juga akan membawa kepada perincian terhadap jenis kegiatan sosial yang dijalankan oleh komuniti setempat di Pulau Perhentian. Kegiatan sosial amat mempengaruhi aspek pelancongan yang dijalankan di Pulau Perhentian. Sehubungan itu, kajian terhadap sosial komuniti setempat amat penting bagi menjamin kemajuan aktiviti pelancongan di Pulau Perhentian.

Selain itu, kajian ini juga akan menghasilkan kajian yang terperinci terhadap jenis dan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat setempat. Hasil kajian ini akan membawa kepada perincian bentuk dan sistem ekonomi yang dijalankan di Pulau Perhentian.

Disamping itu, kepentingan kajian ini juga adalah dalam mengenalpasti langkah dan peranan yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam menjamin proses pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap pembangunan pelancongan maritim di Pulau Perhentian.

## **1.8 Metodologi Kajian**

Untuk mendapatkan hasil kajian yang tepat pelbagai kaedah yang telah digunakan antaranya adalah kaedah kajian perpustakaan, kaedah temubual, kaedah kaji selidik dan juga kaedah pemerhatian.

### **1.8.1 Kaedah Perpustakaan**

Pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan bagi mendapatkan latar belakang tentang tajuk kajian yang ingin dikaji. Maklumat yang diperolehi adalah lebih kepada rekod-rekod dan statistik aktiviti pekerjaan dan gunatenaga di Malaysia termasuklah sektor pelancongan dan maritim. Antaranya adalah melalui Laporan-laporan Kerajaan Tempatan Negeri Terengganu (Laporan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu ; Bahagian Kerajaan Tempatan) dan juga Laporan Ekonomi seperti laporan dari Jabatan

Audit Negara, dan Laporan Ekonomi Negeri Terengganu oleh Unit Perancang Ekonomi Negara (UPEN). Selain itu, pengkaji juga memperolehi maklumat tentang kawasan kajian, aktiviti yang dijalankan termasuk aktiviti ekonomi, geografi kajian, populasi komuniti dan juga kegiatan sosial mereka serta bahan-bahan lain berkaitan dengan tajuk dan objektif kajian ini.

Maklumat-maklumat ini juga turut diperolehi adalah melalui buku, majalah, jurnal, direktori, keratan akhbar, serta tesis yang berkaitan dengan tajuk dan skop kajian penyelidik. Segala maklumat yang diperolehi ini melalui beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Negara, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba UM, Perpustakaan Institu Maritim Malaysia (MIMA), Jabatan Audit Negara, dan lain-lain lagi. Pengkaji turut membuat kajian di jabatan-jabatan berkaitan seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (pusat dan negeri) yang terlibat untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut.

### **1.8.2 Kaedah Temubual**

Melalui kaedah ini pengkaji mengemukakan beberapa soalan secara formal dan juga tidak formal di sekitar kawasan kajian. Kaedah ini ditujukan kepada individu, organisasi dan persatuan berkaitan yang ada untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting bagi mendapatkan objektif kajian ini. Kaedah temubual formal dikemukakan terhadap individu-individu, organisasi, dan juga persatuan yang terlibat secara langsung dalam sektor pelancongan. Pihak yang

ditemuramah termasuklah mereka yang terlibat secara langsung dalam pengurusan Pulau Perhentian. Antara individu utama yang ditemubual adalah Encik Zainuddin B. Muhammad selaku Pengurus komuniti setempat Pulau Perhentian dan juga ketua Pemuda UMNO bahagian Pulau Perhentian dan beberapa lagi wakil penduduk dan ahli jawatankuasa kerja kampung Pasir Hantu. Selain itu, temuramah turut dijalankan secara tidak langsung melalui pengedaran borang kaji selidik yang dijalankan. Jumlah responden yang ditemubual secara langsung dan direkodkan adalah seramai lima orang.

Bentuk soalan yang dikemukakan adalah dari perspektif ekonomi golongan bumiputera, kegiatan sosial, kebudayaan, kemudahan yang disediakan, dasar-dasar kerajaan dan lain-lain lagi. Sementara itu, kaedah temubual secara tidak formal pula dikemukakan kepada golongan komuniti setempat yang dikenalpasti sebagai orang awam, pekerja-pekerja awam serta golongan yang terlibat dalam sektor pelancongan maritim di Pulau Perhentian.

### **1.8.3 Kaedah Kaji Selidik**

Kaedah kaji selidik turut digunakan di dalam kajian ini. Kaji selidik dikemukakan terhadap kumpulan sasar yang meliputi komuniti setempat di kawasan kajian. Melalui kaedah ini, sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan kepada penduduk setempat. Borang soal selidik diedarkan kepada kumpulan sasar yang ditetapkan dan dipilih secara rawak yang mewakili lebih kurang 10% daripada jumlah keseluruhan komuniti setempat yang ada di kawasan

kajian iaitu seramai 2,163 orang. Sehubungan itu, anggaran borang soal selidik sebanyak 250 adalah bertepatan dengan sasaran kajian iaitu 10% daripada jumlah penduduk. Borang kaji selidik yang telah disediakan diedarkan kepada kumpulan sasar, dan diisi sendiri oleh respondan bagi mendapatkan data dan maklumat bagi kajian ini. Bahagian A boring soal selidik adalah aspek Demografi dan Bahagian B pula adalah bahagian ekonomi. Sementara itu, Bahagian C pula adalah meliputi aspek sosial, dan bahagian akhir iaitu Bahagian D adalah tahap kefahaman dan penerimaan komuniti terhadap program pembangunan pelancongan yang dijalankan. Selepas kaedah ini dijalankan, data dan maklumat tersebut di analisa melalui kaedah-kaedah perisian computer yang dikenali sebagai “*Statistical Package for Social Sciences*” (SPSS) supaya pengkaji akan memperolehi data dan jawapan dengan lebih tepat daripada kaji selidik tersebut.

#### **1.8.4 Kaedah Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian dilakukan bagi mengenalpasti dan mengetahui dengan lebih jelas tentang lokasi kajian, aktiviti yang dilakukan oleh komuniti setempat di kawasan kajian, serta gambaran keadaan sosial dan ekonomi. Selain itu, kaedah pemerhatian turut dilakukan di kawasan-kawasan aktiviti komuniti setempat di destinasi kajian. Selain itu, rakaman berbentuk video dan bergambar akan dilakukan bagi mendapatkan data yang lebih cekap dan lengkap. Di samping itu, segala peralatan dan kelengkapan yang telah digunakan semasa menjalankan kaedah ini adalah seperti rakaman telefon pintar, camera DSLR serta nota dan buku catatan. Pengkaji mengambil pilihan untuk melakukan kaedah pemerhatian

seperti ini berbanding ikut serta kerana beberapa masalah seperti kos yang tinggi untuk menyertai setiap aktiviti pelancongan yang dilakukan oleh komuniti.

## **1.9 Kerangka Teori**

Pembangunan pelancongan di sesebuah destinasi pelancongan dipengaruhi oleh masa, ruang, kesan, dan perilaku individu dalam pelancongan.<sup>8</sup> Hasilnya, pelbagai corak perkembangan destinasi pelancongan wujud akibat daripada pengaruh tersebut. Corak perkembangan sesebuah destinasi dapat difahami melalui beberapa model pembangunan pelancongan. Terdapat banyak model dan teori yang menjelaskan tentang impak pelancongan. Antara model yang penting dan berkait dengan kajian adalah Model Evolusi.

### **1.9.1 Model Evolusi ( Miossec )**

Miossec merupakan pengasas kepada model ini. Beliau menggambarkan pembangunan sesebuah destinasi pelancongan berlaku secara evolusi mengikut masa dan ruang.<sup>9</sup> Evolusi pembangunan destinasi pelancongan dapat dilihat melalui empat kategori meliputi pusat peranginan, pengangkutan, gelagat pelancong dan pembuat keputusan. Model ini menggambarkan evolusi pembangunan sesebuah destinasi pelancongan bermula dengan kewujudan pusat peranginan perintis dan berkembang maju sehingga mencapai tahap tepu. Kelemahan model ini tidak menyentuh penglibatan penduduk tempatan dalam pembangunan destinasi. Perincian model ini adalah seperti Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Huraian peringkat pembangunan Model Miossec 1976.

<b>Fasa</b>	<b>Kategori</b>			
	<b>Pusat Peranginan</b>	<b>Pengangkutan</b>	<b>Gelagat Pelancong</b>	<b>Pembuat Keputusan</b>
0	Kawasan hanya sebagai laluan ke lokasi lain dan tidak diketahui umum.	Kawasan hanya laluan transit dan terasing dari dunia luar	Pelancong tidak mempunyai pengetahuan tentang kawasan tersebut.	Kerajaan tidak mempunyai apa-apa perancangan dan kurang pengetahuan tentang kawasan tersebut, disisihkan daripada arus pembangunan.
1	Sebuah pusat peranginan perintis dibangunkan di kawasan tersebut bagi menarik kedatangan pelancong.	Kemudahan pengangkutan disediakan bagi menghubungkan pusat peranginan sekali gus membuka kawasan tersebut kepada umum.	Pelancong mempunyai maklumat awalan terhadap kawasan tersebut hasil promosi yang dijalankan.	Kerajaan sekadar memerhatikan pencapaian pusat peranginan perintis yang dibangunkan
2	Kedatangan pelancong yang meningkat mendorong ramai pelabur membangunkan pusat peranginan disekitar kawasan tersebut.	Jaringan pengangkutan dibina bagi menghubungkan pusat-pusat peranginan di seluruh kawasan.	Kemasukan pelancong yang meningkat dan melakukan pelbagai aktiviti di pusat-pusat peranginan.	Kerajaan mula menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan bagi membantu perkembangan pusat peranginan di samping menarik pelabur-pelabur .
3	Kemasukan pelancong semakin ramai mewujudkan hierarki dan kepelbagaiannya antara pusat peranginan.	Jaringan pengangkutan semakin lengkap ke semua lokasi dan pusat peranginan.	Kemasukan pelancong semakin ramai mewujudkan persaingan terhadap penggunaan ruang.	Wujud pengasingan dan ketidakseimbangan pembangunan di kawasan tersebut
4	Penambahan pusat-pusat peranginan baru sehingga mencapai tahap tenu ( <i>saturation</i> )	Jaringan pengangkutan semakin lengkap dan sempurna sehingga ke tahap maksimum.	Persaingan dalam kalangan pelancong dalam penggunaan ruang untuk aktiviti. Destinasi mencapai tahap krisis dan kemerosotan.	Kerajaan membuat dasar sama ada mengezonkan keseluruhan kawasan sebagai pelancongan ataupun membangunkan sebahagian sahaja dan memelihara sebahagian

Sumber: Perancangan Dan Pembangunan Pelancongan (Edisi Kedua)

Model Evolusi yang diperkenalkan oleh Moissec ini sangat bertepatan dengan kajian ini terutamanya dalam membincangkan soal kesan kedatangan pelancong ke sesebuah destinasi menyebabkan berlakunya perubahan dari sudut pembangunan dan menyebabkan wujudnya kesan sampingan terhadap komuniti setempat samada dari sudut sosial bahkan juga ekonomi. Melalui model ini juga panduan khusus mengenai langkah-langkah terjadinya pembangunan kesan dari kedatangan pelancong ke sesebuah destinasi dinyatakan dengan jelas dan mudah difahami dalam mengkaji kaitan antara kesan pembangunan sesebuah destinasi dengan komuniti setempat seperti yang terdapat dalam Jadual 1.1.

### **1.10 Masalah Kajian**

#### **Kekurangan bahan kajian lepas.**

Salah satu permasalahan utama yang dihadapi dalam kajian ini adalah kekurangan bahan kajian lepas memandangkan kajian terhadap kes di kawasan Pulau Perhentian ini masih terlalu baru dan kurang terperinci. Kajian-kajian lepas yang ada hanyalah berkait dengan pembangunan di Pulau Perhentian dari sudut ekonomi dan juga sosial dan terlalu kurang yang membincangkan tentang kesan pelancongan maritim terhadap sosioekonomi komuniti. Kebanyakan sumber kajian yang ada adalah melalui audit pelancongan negeri yang dilakukan secara umum. Hasil audit kebanyakannya menekankan kepada aktiviti perekonomian semata dan kurang menekankan kepada pemuliharaan dan penjagaan pulau hasil daripada kegiatan pelancongan yang dijalankan. Sementara itu, laporan daripada

Kementerian Pelancongan ada memberikan garis panduan pembangunan pelancongan maritim di Pulau Perhentian namun ianya tidaklah begitu kritikal dalam menekankan kepada impak terhadap sosioekonomi komuniti di kawasan tersebut.

### **1.11 Kajian Terdahulu**

Analisa melalui buku “Tourism Planning : policies, processes and relationships”<sup>10</sup> merupakan antara buku yang paling banyak menceritakan tentang impak pelancongan samada dari sudut sosial, ekonomi dan juga budaya. Kajian beliau berkisar tentang proses pembangunan pelancongan dan bagaimana ia memberi impak ke atas komuniti setempat di sesebuah destinasi pelancongan. Hasil penyelidikan beliau juga bersesuaian dengan kajian ini yang menjadikan kesan pembangunan pelancongan ke atas komuniti setempat di Pulau Perhentian sebagai asas kepada kajian. Walaupun kajian keseluruhan buku ini adalah berbentuk umum terhadap impak pembangunan pelancongan, namun ianya sesuai dikaitkan dengan pelancongan maritim yang menjadi dasar kajian ini.

Sementara itu, kajian oleh Mark Orams<sup>11</sup> membincangkan tentang pelancongan maritim adalah bidang yang mengkaji pelancongan samada berjaya atau tidak berjaya dengan mengambil kira persekitaran marin termasuklah pulau-pulau dan persekitaran pantai. Beliau banyak menyentuh mengenai gambaran keseluruhan sejarah dan pembangunan pelancongan dengan tumpuan kepada persekitaran marin. Kesan ke atas ekonomi dan sosial masyarakat dipengaruhi

oleh kekerapan tahap pembangunan pelancongan yang dijalankan. Pembangunan pelancongan dapat dikawal melalui teknik-teknik pengurusan yang boleh dipertingkatkan bagi mengurangkan kesan negatif dan memaksimumkan faedah pelancongan marin. Faedah-faedah pelancongan ini termasuklah faedah dari sudut ekonomi dan guna tenaga bagi masyarakat tempatan.

Yahaya Ibrahim<sup>12</sup> merumuskan bahawa aktiviti pelancongan akan memberi impak terhadap perubahan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat setempat. Impak yang selalu dilihat sebagai kesan langsung daripada perkembangan industri pelancongan ialah timbulnya masalah sosial yang ketara dalam kalangan masyarakat Pulau Perhentian dengan tidak menafikan peluang pekerjaan yang tersedia. Antara masalah sosial yang dikenalpasti ialah pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan yang menjurus kepada seks bebas, penyalahgunaan dadah, merebaknya penyakit AIDS/HIV, ikatan kekeluargaan yang longgar di kalangan masyarakat serta penguasaan ekonomi oleh orang luar. Permasalahan ini disebut sebagai pergorbanan yang perlu dibayar oleh masyarakat setempat demi memenuhi permintaan pelancong asing.

Pembangunan dan impak pelancongan merupakan dua perkara yang berkait dan dibincangkan sejak awal abad ke-20 lagi. Para pengkaji ekonomi dan sains sosial telah mula memerhatikan kesan perubahan akibat daripada pembangunan. Perkataan pembangunan lestari telah digunakan melalui Laporan Brundtland yang dikeluarkan dalam tahun 1987 di Persidangan Dunia tentang Alam Sekitar dan Pembangunan. Pendekatan yang sistematik ini diaplikasi untuk

membangunkan manusia dengan cara mengekalkan sumber bumi berdasarkan kesedaran penggunaan sumber tidak sepatutnya melebihi kadar keupayaan bumi untuk menjana sumber-sumber tersebut. Bermula dari situ, ramai penulis dan aktivis membincangkan isu pembangunan bersama-sama dengan kesejahteraan ekonomi dan keadilan sosial. Mereka menyedari bahawa pembangunan semestinya akan membawa perubahan sama ada ke arah kebaikan ataupun sebaliknya. sehubungan dengan itu, kejayaan industri ini seharusnya akan dapat meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan taraf sosial masyarakat melalui kewujudan peluang pekerjaan, peningkatan tukaran wang asing, perluasan integriti budaya dan hubungan antarabangsa serta dapat mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan.<sup>13</sup> Maka atas sebab inilah pembangunan pelancongan sering mendapat sokongan daripada kerajaan dan penduduk tempatan di kawasan-kawasan yang mundur atau sedang membangun yang sedar akan faedah ekonomi daripada aktiviti tersebut.

Pembangunan industri pelancongan perlu dilihat dalam konteks rangkaian industri iaitu proses yang membentuk perkhidmatan atau pengeluaran yang berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini bukan sahaja dalam perkhidmatan yang diberikan tetapi juga berhubung dengan besarnya industri itu, tempat atau lokasinya, keadaan atau sekitarnya, fungsi, organisasi yang mengelolakannya atau cara pemasarannya.<sup>14</sup> Bagi seorang lagi sarjana iaitu Krippendorf, industri pelancongan bermaksud semua bentuk perniagaan yang menyediakan barang dan pelbagai jenis perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelancong serta

menjalin hubungan dengan para pelancong dalam urusan mereka sehari-hari.<sup>15</sup>

Buku ini hanya menceritakan mengenai hubungan langsung yang wujud antara dua pihak iaitu penawaran aset pelancongan oleh pengusaha dan pelancong selaku pelanggan bagi setiap aktiviti pelancongan. Kajian ini tidak begitu menyentuh hubungan ketibaan pelancong dengan kesannya ke atas komuniti setempat.

Dalam konteks pembangunan sosial, masalah perhubungan juga telah menjadikan sebahagian komuniti pulau bersifat pasif apabila bertembung dengan kemungkinan baru seperti yang telah dilalui oleh masyarakat tani suatu masa dahulu.<sup>16</sup> Rata-rata masyarakat masih lagi berada dalam zon selesa dan mengamalkan konsep “cukup makan” sehingga membantutkan kecenderungan untuk menjadi individu yang kreatif dan proaktif meneroka peluang-peluang yang wujud bersama proses pembangunan. Situasi ini telah menjadikan komuniti yang bermastautin di sini sebagai ‘komuniti mundur’, sedangkan potensi yang ada melalui proses pembangunan tidak diintegrasikan dengan keupayaan dan kebolehan anggota komuniti melalui proses ubah suai dengan kehendak pasaran. Melalui buku ini, pengkaji memperolehi banyak maklumat berkaitan dengan hubungan antara pembangunan pelancongan dan juga sosial masyarakat. Namun buku ini hanya berfokus kepada pemangunan sosial dan tidak menyentuh soal ekonomi komuniti setempat.

Terdapat juga sumber kajian yang berkait rapat dengan pembangunan pelancongan maritim untuk kawasan pulau dan pesisir pantai yang menjadi rujukan kajian ini antaranya ialah tulisan oleh Brian, E.M King<sup>17</sup>, dan Johan

Afendi Ibrahim dan Mohammad Zaki Ahmad<sup>18</sup>. Dalam mengkaji impak pembangunan pelancongan maritim di Pulau Perhentian juga pengkaji banyak menggunakan rujukan berkaitan pembangunan pelancongan mampan seperti kajian oleh Emanuel de Kadet.<sup>19</sup>, France. L<sup>20</sup>, Ibrahim Wahab.<sup>21</sup>, Ismail Said & Muhammad Ali Abdul Rahman.<sup>22</sup>.

Kajian oleh Norizan Abdul Ghani mengenai pembangunan ekonomi komuniti di Pulau Perhentian<sup>23</sup> membincangkan tentang kualiti hidup penduduk dari aspek ekonomi, soial dan alam sekitar. Menurut beliau, kualiti hidup juga merupakan suatu kaedah yang boleh digunakan untuk mengkaji kesan pembangunan pelancongan maritim. Sehubungan itu, beberapa indikator kualiti hidup telah dipilih bagi kajian ini iaitu pendapatan, perbelanjaan, pemilikan simpanan, kesihatan, alam sekitar, dan juga perumahan. Sumber daripada kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan dalam keseluruhan kajian ini kerana iainya turut melibatkan tentang impak kualiti hidup kesan daripada pembangunan pelancongan maritim yang dijalankan di Pulau Perhentian yang boleh membantu pengkaji mencapai objektif kajian ini.

Walaupun terdapat pelbagai dasar dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan dan swasta untuk mengatasi masalah ini, namun hakikatnya proses kestabilan dalam sosioekonomi masyarakat daripada faedah pembangunan berlaku kadar perlahan serta perlu melalui tempoh masa yang panjang untuk sampai kepada golongan penduduk tempatan. Chamhuri Siwar berpendapat “...kesan tersebut langsung tidak sampai kepada golongan yang paling bawah

dalam hierarki kemiskinan, malah dikaut oleh golongan yang mampu menguasai kekayaan serta golongan yang berkepentingan tertentu dalam masyarakat".<sup>24</sup>

Selain buku, kajian ini turut mendapatkan rujukan melalui laporan-laporan akademik dan juga laporan rasmi daripada agensi kerajaan dan juga bukan kerajaan. Salah satunya adalah laporan seperti Pelan Pembangunan Penduduk dan Pembangunan Lestari Pulau Perhentian.<sup>25</sup> Laporan ini banyak menghasilkan data mengenai profil dan masalah penduduk, maklumat mengenai pelbagai bidang sosioekonomi, kehidupan laut dan alam sekitar dijadikan input untuk merangka plan pembangunan Pulau Perhentian. Disamping itu, kajian daripada laporan ini turut mengenalpasti beberapa kumpulan sasar yang memerlukan bantuan yang mana amat sesuai untuk dijadikan rujukan bagi mencapai salah satu objektif kajian ini. Disamping itu, fokus laporan ini juga adalah untuk melihat dari segi pembangunan Pulau Perhentian dengan memberi penekanan melalui industri pelancongan maritim. Industri pelancongan di pulau merupakan satu industri yang pesat berkembang dan menjadi penyumbang utama ekonomi negara. Malah pelancongan menjadi strategi utama untuk pembangunan pulau, kawasan desa, dan kawasan-kawasan terpencil dan dianggap sebagai pelengkap kepada industri desa lain yang kini sedang mengalami kemerosotan dari sudut sumbangannya kepada ekonomi dan guna tenaga. Industri pelancongan menjadi salah satu industri yang banyak mendatangkan tukaran asing. Tatkala sumbangannya sektor-sektor utama desa seperti pertanian kebun kecil, penternakan dan perikanan menjadi semakin menurun, sumbangannya sektor pelancongan terutama di Pulau Perhentian menjadi

semakin penting yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Bagi memastikan ketahanan pulau secara berterusan, pelancongan haruslah bersandarkan kepada konsep ekopelancongan. *The International Ecotourism Society* (TIES) mendefinisikan ekopelancongan sebagai ‘*responsible travel to natural areas that conserve the environment and sustains the well-being of local people*’. Terdapat banyak individu atau organisasi yang mendefinisikan ekopelancongan. Walaubagaimanapun hanya terdapat tiga matlamat penting dalam ekopelancongan iaitu perjalanan atau pengembawaan ke kawasan semulajadi, memulihara alam sekitar dan memberi manfaat kepada masyarakat tempatan. Ekopelancongan bukan sahaja bertujuan mewujudkan kesefahaman dalam kebudayaan yang tergolong dalam persekitaran, memulihara ekosistem dan menghasilkan faedah dalam bentuk ekonomi bagi menggalakkan pemuliharaan alam sekitar malah ia membolehkan penglibatan masyarakat tempatan di dalam aktiviti sosio-ekonomi yang positif’.<sup>26</sup>

Selain itu, berdasarkan *National Ecotourism Strategy and Action Plan* (2005-2010)<sup>27</sup> lima perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam merangka strategi untuk pembangunan ekopelancongan adalah memperkuuhkan pengaturan institusi bagi merancang dan menguruskan pertumbuhan ekopelancongan, menyediakan latihan sokongan, peningkatan keupayaan dan galakan amalan yang baik, menyokong perlindungan alam sekitar dan memulihara alam semulajadi, melaksanakan pembangunan sosioekonomi dan melindungi

budaya warisan masyarakat setempat dan menjalankan penyelidikan serta menyediakan maklumat berkaitan ekopelancongan. Melalui laporan ini juga turut dinyatakan aspek tentang pembangunan dari sudut gunatenaga dan penyertaan masyarakat tempatan dalam industri pelancongan maritim. Walaupun begitu, laporan ini membincangkan skop yang lebih luas dari sudut ekopelancongan, namun turut melibatkan penyertaan masyarakat tempatan dari pelbagai aspek pelancongan maritim. Di samping itu, terdapat juga laporan daripada kementerian yang digunakan sebagai rujukan untuk kajian ini iaitu melalui Laporan Kod Etika Dalam Bidang Pelancongan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan<sup>28</sup>, juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. (1995)<sup>29</sup>, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2001),<sup>30</sup> (2005).<sup>31</sup> dan Rancangan-rancangan Malaysia keenam sehingga kesepuluh. (1990-2010).<sup>32</sup>

Pengkaji turut banyak menggunakan sumber/laporan daripada Jabatan dan Kementerian yang berkaitan untuk dijadikan sebagai sumber kajian lepas seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. (1992),<sup>33</sup> (1996)<sup>34</sup> dan (1997)<sup>35</sup>. Selain itu, terdapat banyak juga kajian lepas yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu berkaitan dengan pembangunan pelancongan maritim yang dijadikan bahan rujukan untuk kajian ini seperti *Ecotourism* oleh David Weaver<sup>36</sup> yang banyak menghuraikan tentang kriteria pembangunan pelancongan maritim. Isi kandungan daripada karya ini sesuai digunakan sebagai salah sebuah sumber kajian lepas sebagai panduan untuk kajian ini kerana melalui skop perbincangan dan kajian yang lebih kurang sama.

Disamping itu, pengkaji turut menggunakan capaian internet sebagai sumber kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian ini seperti Department of Marine Park Malaysia. (2009).<sup>37</sup>Kementerian Pelancongan Malaysia. (2005)<sup>38</sup>, National Geographic Online. (2006)<sup>39</sup>, Tourism Malaysia. (2006)<sup>40</sup> dan (2011)<sup>41</sup>

## **1.12 Pembahagian Bab**

Bab pertama merupakan pengenalan kepada kajian dan meliputi definisi, konsep serta kerangka teori kajian.

Bab kedua menjelaskan tentang jenis aktiviti pelancongan maritim yang dijalankan di Pulau Perhentian dari sudut pemeliharaan dan pemuliharaan melalui proses pembangunan pelancongan maritim.

Bab ketiga menganalisa tentang aktiviti sosial serta impak pembangunan pelancongan terhadap kegiatan sosial komuniti setempat.

Bab keempat pula akan membincangkan tentang aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh komuniti setempat serta impaknya di Pulau Perhentian hasil daripada aktiviti pembangunan pelancongan yang dijalankan.

Bab kelima pula membincangkan tentang peranan kerajaan dalam aktiviti pembangunan pelancongan maritim dan cadangan di Pulau Perhentian.

Bab keenam adalah kesimpulan kepada keseluruhan kajian yang dilakukan.

## **BAB 2**

### **DEFINISI, KONSEP DAN AKTIVITI PELANCONGAN MARITIM DI PULAU PERHENTIAN.**

#### **2.1 Pengenalan**

Pelancongan merupakan sebuah industri yang berkembang maju selepas Perang Dunia Kedua (1941-1945). Ianya telah mencatatkan jumlah ketibaan pelancong antarabangsa sebanyak 25.3 juta orang pada tahun 1950 kepada 940 juta orang pada tahun 2010 dan menyumbang kepada pendapatan ekonomi dunia sebanyak USD 2.1 bilion (1950) kepada USD919 bilion (2010).<sup>42</sup> Peningkatan dalam aktiviti pelancongan ini disokong oleh faktor-faktor kestabilan politik, kestabilan ekonomi dunia, peningkatan taraf hidup dan peningkatan dalam pendapatan penduduk serta penawaran produk-produk pelancongan baru. Perkembangan industri pelancongan yang memberangsangkan ini mendorong kebanyakan negara membangunkan sektor pelancongan secara serius kerana kemampuannya dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Pembangunan sering dikaitkan dengan keperluan dan tuntutan yang seharusnya disediakan oleh pemerintah kepada rakyat. Tanpa pembangunan sesebuah negara dianggap mundur dan para pemimpin pula dipersalahkan kerana tidak berupaya menyediakan pembangunan untuk kepentingan rakyat. Melalui perspektif evolusi, pembangunan berkembang mengikut garis lurus daripada tahap rendah kepada tahap yang lebih tinggi. Satu jurang dikatakan wujud di

antara yang membangun dengan yang kurang membangun; yang maju dan yang terpinggir, maka dengan itu, tugas pihak yang kurang membangun ialah melakukan usaha ‘*catching up*’, atau mengejar dan mengecilkan jurang tadi.<sup>43</sup> Keadaan ini seiring dengan idea dalam teori Model Evolusi yang menerangkan pembangunan pelancongan berlaku secara evolusi mengikut ruang dan masa. Evolusi pembangunan sesebuah destinasi pelancongan dapat dilihat melalui empat kategori meliputi pusat peranginan, pengangkutan, gelagat pelancong dan pembuat keputusan. Model ini menggambarkan evolusi pembangunan sesebuah destinasi pelancongan bermula dengan kewujudan pusat peranginan perintis dan berkembang maju sehingga mencapai tahap tepu.<sup>44</sup>

Sementara itu, kajian terhadap komuniti pulau banyak dilakukan oleh para pengkaji di luar negara. Antaranya termasuklah kajian yang dilakukan oleh Norma McArthur yang memakan masa bertahun-tahun bagi menghasilkan satu rekod bancian komuniti dan perubahan yang berlaku di Kepulauan Pasifik seperti pulau-pulau Fiji, Tonga, Samoa, Cook dan Kepulauan French Polynesia.<sup>45</sup> Analisis yang telah beliau lakukan adalah berdasarkan angka-angka bancian sahaja tanpa mengambil kira kesan perubahan populasi akibat daripada hubungannya dengan komuniti luar kerana beliau mendapati data-data tersebut sudah cukup untuk menerangkan kewujudan perubahan dalam populasi. Beliau sama sekali tidak bersetuju dengan teori-teori yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji lain dengan beranggapan bahawa perubahan dalam komuniti pulau terhasil daripada hubungan dengan orang luar terutamanya dari negara barat.


Namun begitu, pembangunan pelancongan pulau mempunyai bentuk dan klasifikasinya yang tersendiri. Ianya mungkin sama dari sudut makna dengan pembangunan-pembangunan lain namun berbeza dari aspek perlaksanaan dan juga makna keseluruhan aspek pelancongan. Bentuk pembangunan pelancongan pulau adalah dipengaruhi oleh ketibaan pelancong dan sumber jaya yang ditawarkan oleh sebuah destinasi pelancongan untuk aktiviti pelancong. Klasifikasi pembangunan pelancongan pula lebih tertumpu kepada pembahagian tanggungjawab dalam sebuah proses pembangunan.

Klasifikasi pembangunan ini lebih dipengaruhi oleh faktor campurtangan manusia iaitu kerajaan atau badan khas yang menguruskan aktiviti pelancongan dalam menjalankan tanggungjawab berkaitan aktiviti pelancongan. Sehubungan itu, bab ini akan lebih tertumpu kepada definisi, konsep, dan aktiviti pelancongan maritim di Pulau Perhentian. Kajian ini juga selaras dengan visi pelancongan Terengganu iaitu untuk menjadikan negeri Terengganu sebagai destinasi pelancongan utama di negara ini dan punca pertumbuhan baru ekonomi negeri Terengganu.<sup>46</sup>

Perkembangan pelancongan di sebuah destinasi menyumbangkan pelbagai impak positif terhadap ekonomi dan sosial seperti meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti, dan menggalakkan hubungan antara pelancong dan komuniti. Walaubagaimanapun, pelancongan juga mampu menyebabkan timbulnya impak negatif seperti kebocoran ekonomi, dan gangguan kepada komuniti setempat seperti kebisingan, masalah sosial dan sebagainya. Setiap

masalah yang timbul daripada proses pembangunan pelancongan perlu diteliti, dikaji dan diselesaikan bagi memastikan sesuatu pembangunan dapat bertahan untuk jangka masa panjang dan menyenangkan semua pihak.

Rajah 2.1 : Pelan Pembangunan Paip Di Pulau Perhentian.



Sumber : Fail Rasmi Pembangunan Pulau Perhentian Ketua Kampung Pasir Hantu, En. Zainuddin Mohammad.

## **2.2 Pembangunan**

### **2.2.1 Definisi Pembangunan**

Pearce (1989) memberikan definisi pembangunan seperti berikut:<sup>47</sup>

*“Development has usually been treated as a process, a particular kind of social change. Nevertheless, development is also a state or condition. Whenever a society is called developed or underdeveloped, we refer to its present condition. Similarly, when development is declared to be a major goal of Third World nations, the allusion is to be terminal condition, not to a process. Thus the single term ‘development’ refers both to the destination of a journey and to the journey itself.”*

Berdasarkan kepada definisi yang telah dikemukakan, dapat disimpulkan bahwasanya pembangunan merupakan suatu proses perubahan yang berlaku secara evolusi untuk mencapai keadaan yang lebih baik dari pelbagai sudut berbanding keadaan yang sebelumnya. Ianya meliputi semua aspek kehidupan manusia, kegiatan ekonomi, negara dan keadaan. Dalam hal ini, sesebuah negara yang mengalami proses pembangunan (maju) adalah negara yang telah melalui beberapa perubahan dalam pelbagai aspek termasuklah ekonomi, pendidikan, taraf hidup, kesihatan, kemudahan dan teknologi daripada kemunduran kepada kemajuan.

Dalam kajian-kajian lepas, aktiviti pembangunan pelancongan memberikan impak yang cukup besar ke atas sosioekonomi komuniti setempat terutamanya bagi Negara Dunia Ketiga dan Negara Sedang Membangun (Malaysia). Dalam usaha menjayakan proses pembangunan ini, penyertaan komuniti setempat amat diperlukan sebagai penyokong ke arah keharmonian dan

keseimbangan proses pembangunan pelancongan melalui pengintegrasian aspek sosial dan ekonomi yang positif. Dalam konteks pembangunan sektor pelancongan, penyertaan komuniti boleh dianggap amat penting sebagai tenaga kerja bersama yang bakal memberikan pulangan ekonomi kepada komuniti dalam sektor ini. Kesedian komuniti setempat merupakan satu sokongan moral terhadap pembangunan sektor pelancongan di sesebuah destinasi yang juga secara langsung mencerminkan kesudian mereka untuk melibatkan diri dalam proses transformasi sosioekonomi.

### **2.2.2 Pelancongan dan Pembangunan**

Pembangunan pelancongan adalah selari dengan modenisasi, urbanisasi dan industrialisasi yang dianggap sebagai faktor perubahan. Kefahaman terhadap konsep pembangunan pelancongan adalah amat penting terutamanya dalam menentukan sesuatu dasar, merangka pelan dan perancangan pembangunan pelancongan yang sesuai untuk sesebuah destinasi pelancongan. Pembangunan pelancongan yang dijalankan perlu memberikan perubahan dalam keseluruhan aspek. Manakala setiap kawasan pelancongan pula sememangnya mempunyai ciri khas dan keunikan yang tersendiri di mana pembangunan kawasan tersebut harus memacu pada ciri khas dan keunikan tersebut.<sup>48</sup> Manakala, hasil pembangunan tersebut bukan hanya untuk memenuhi kemajuan ekonomi tapi turut dapat dirasai oleh komuniti setempat.

Pelancongan merupakan sebuah fenomena industri yang melibatkan aspek ekonomi dan juga sosial terutamanya pada masa kini. Bermula dari 1900-an lagi, aktiviti pelancongan berkembang melalui pergerakan manusia bergerak secara besar-besaran di serata dunia bagi mengenali destinasi baru yang masih belum diterokai.<sup>49</sup> Pelancongan bukanlah berbentuk perniagaan besar semata-mata bahkan ianya turut melibatkan fenomena sosial. Pelancong yang melancang ke sesebuah destinasi memerlukan pelbagai kemudahan, barang dan perkhidmatan serta menikmati produk yang ditawarkan. Kesannya, pelancongan telah menggalakkan penglibatan pelbagai organisasi dan syarikat untuk menjalankan perniagaan dalam penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman, infrastruktur, kemudahan, perkhidmatan dan sebagainya.

Menurut Kamus Besar Dewan Bahasa Melayu (1995:993), kata asas bagi perkataan pelancongan berasal daripada perkataan ‘lancong’ yang bererti; melawat sambil melihat-lihat, bersiar-siar atau makan angin.<sup>50</sup> Definisi pelancongan berhubung rapat dengan idea perjalanan dan pengembaraan manusia untuk sementara waktu dari tempat tinggal asal dengan tujuan untuk beristirehat.<sup>51</sup> Sehubungan itu, dalam pengistilahan modenya, pelancongan merupakan salah satu corak penggunaan masa senggang dengan cara melawat atau pindah tempat untuk sementara dalam jangka masa singkat. Dengan kata lain, aktiviti pelancongan merupakan pergerakan sementara oleh manusia ke destinasi lain di luar tempat kerja dan tempat tinggalnya yang biasa, kegiatan yang mereka

lakukan selama tinggal di destinasi tersebut dan kemudahan yang disediakan untuk memenuhi keperluan mereka.<sup>52</sup>

Perkembangan industri pelancongan boleh dianggap sebagai pemangkin kepada proses pembangunan negara kerana kemampuannya dalam menyumbangkan pelbagai kesan terhadap ekonomi dan persekitarannya terutamanya di negara-negara membangun. Kesan terhadap ekonomi adalah meliputi pertukaran matawang asing dan pendapatan kepada kerajaan. Sementara itu, kesan sosial pula meliputi penjanaan peluang pekerjaan, penyedian infrastruktur, kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Sementara itu, dalam konteks pembangunan pelancongan di pulau, pembangunan sektor pelancongan akan mewujudkan satu bentuk pengeluaran sumber yang terdapat dalam kalangan komuniti setempat dan juga kemasukan para pelancong yang mewujudkan pelbagai jenis aktiviti ekonomi di sesebuah destinasi pelancongan pulau. Justeru itu, proses pengembangan dan pembahagian sumber ini mula menjadi agen perubahan utama bagi keseluruhan ekonomi dan struktur sosial komuniti setempat. Pembangunan sektor pelancongan juga merupakan satu alternatif pembangunan yang baik serta sesuai untuk diadaptasikan dalam konteks komuniti pulau di Malaysia.

### **2.2.3 Komponen-Komponen Pembangunan Pelancongan**

Perancangan dan pembangunan pelancongan mempunyai komponen-komponen yang saling berkaitan antara satu sama lain. Komponen-komponen pembangunan pelancongan yang dikemukakan oleh Inskeep adalah meliputi aspek seperti tarikan dan aktiviti pelancong iaitu meliputi sumber jaya (alam semulajadi, warisan sejarah/budaya dan buatan manusia) yang menarik kedatangan pelancong serta melakukan pelbagai aktiviti.<sup>53</sup> Selain itu, aspek penginapan yang meliputi hotel dan chalet di samping kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan kepada pelancong juga merupakan komponen yang penting dalam aktiviti pembangunan pelancongan. Komponen lain adalah merangkumi kemudahan dan perkhidmatan pelancongan seperti pengangkutan (antara negara, wilayah, kawasan pelancongan) termasuklah pengangkutan air, darat dan udara, serta perkhidmatan pelancong seperti agensi pelancongan, restoran, kemudahan sistem perbankan dan lain-lain. Infrastruktur dan elemen institusi (agensi kerajaan dan swasta) turut menjadi komponen tambahan dalam proses pembangunan pelancongan.

Mengikut Noronha, terdapat tiga fasa untuk memasuki proses pembangunan pelancongan, iaitu Fasa Pembangunan, Fasa Operasi, dan Fasa Transformasi.<sup>54</sup> Sektor pelancongan pulau terutamanya di Semenanjung Malaysia kini telah memasuki fasa transformasi termasuklah Pulau Perhentian, Terengganu.

### **2.3 Pembangunan Pelancongan Di Malaysia**

Bermula dari awal tahun 1960-an dan 1970-an, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang amat berpotensi dalam industri pelancongan. Kepelbagaiannya ekosistem yang ada sesuai menjadi destinasi pelancongan tumpuan terutamanya dalam konteks Asia Tenggara. Menyedari hakikat ini, kerajaan Malaysia sedar kemampuan sektor pelancongan untuk membawa perubahan ekonomi kepada komuniti setempat. Sehubungan itu, beberapa polisi pelancongan telah dibuat oleh pihak kerajaan pusat khususnya dalam konteks pertumbuhan ekonomi dan pembinaan imej negara di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, awal tahun 1980-an industri pelancongan masih di tahap yang rendah berbanding aktiviti perindustrian yang lain seperti industri import dan eksport kerana kurangnya dasar dan prospek pembangunan yang ada.

Industri pelancongan mula mendapat penekanan selepas berlakunya kemerosotan dalam aktiviti eksport hasil tradisional negara. Pada 1987, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia bersetuju membawa kepentingan industri ini kepada kabinet untuk dipromosi secara lebih terancang dan optimum. Melalui kempen ‘Malaysia Memersonakan’ pada tahun 1988 dan ‘Tahun Melawat Malaysia’ pada tahun 1990 dan 1992, Malaysia telah menjadi tumpuan pelancong antarabangsa seterusnya menerima pelaburan asing dalam industri pelancongan. Implikasinya, Malaysia telah menjadi negara ASEAN yang paling banyak menerima kedatangan pelancong pada tahun 1990.<sup>55</sup>

Tahun 1990-an menunjukkan tahap kesungguhan kerajaan dalam memajukan industri pelancongan sebagai salah sebuah industri utama negara. Potensi yang ada digunakan secara optimum. Namun begitu, bilangan pelancong mulai menurun pada tahun 1997 dan 1998 akibat daripada krisis ekonomi yang memberikan kesan kepada banyak negara di dunia. Kemudian, bilangan kedatangan pelancong dan cukai daripada industri ini meningkat selepas krisis kewangan dan mula berkembang secara positif dari setahun ke setahun. Perkembangan ini walaubagaimanapun tidak bertahan lama terutamanya dari tahun 2001 hingga 2003 akibat berlakunya peristiwa 11 September dan pengeboman hotel di Bali yang secara tidak langsung turut mengganggu ketibaan pelancong ke Malaysia.

Seterusnya, kesan daripada serangan ke atas Iraq dan insiden serangan sejenis penyakit pneumonia (SARs) atau Gangguan Sistem Akut Pernafasan pada Mac 2003 turut menyebabkan jumlah pelancong yang berkunjung ke Malaysia menurun pada awal tahun 2003 daripada 1,070,428 juta dalam bulan Januari kepada 985,343 juta dalam bulan Februari dan 819,376 juta dalam bulan Mac 2003. Ketibaan pelancong dari bulan Januari hingga Mac menurun sebanyak 6.52 peratus. Walau bagaimanapun, dari bulan Mei hingga bulan Ogos, barulah terdapat sedikit peningkatan jumlah pelancong yang melawat Malaysia. Sepanjang Mei, jumlah ketibaan pelancong adalah seramai 541,267 orang dan meningkat kepada 826,234 orang dalam bulan Ogos. Sehubungan itu, dengan jumlah ketibaan pelancong seramai 24.7 juta orang pada tahun 2011 telah

meletakkan Malaysia adalah di tempat pertama bagi negara Asia Tenggara diikuti Thailand (19.0 juta), tempat ketiga ialah Singapura (10.3 juta) dan kedudukan keempat ialah Indonesia iaitu seramai 7.6 juta orang pelancong antarabangsa.<sup>56</sup>

Sementara itu, statistik menunjukkan minat pelancong untuk datang melawat Malaysia untuk tahun 2014 terus meningkat iaitu bagi tempoh 7 bulan pertama jumlahnya adalah sebanyak 16.1 juta orang. Pada tahun 2013, statistik pelancong ke Malaysia adalah sebanyak 14.7 juta orang. Hal ini menunjukkan peningkatan sebanyak 9.7 peratus peningkatan kehadiran pelancong. Sementara itu, bagi tahun 2015 kemasukan pelancong adalah sebanyak 29.4 juta pelancong dengan jumlah pendapatan kasar industri pelancongan mencecah RM89 juta melalui kedatangan pelancong ke negara ini.<sup>57</sup>

## **2.4 Jenis Pelancongan Di Malaysia**

Jenis pembangunan pelancongan yang ada di Malaysia adalah meliputi Pusat Peranginan (*resort*), Pelancongan Bandar (*urban tourism*), Pelancongan Minat Khusus dan Pengembaraan (*special interest and adventure tourism*) dan beberapa jenis pelancongan lain.<sup>58</sup> Dalam konteks kajian ini, bentuk pembangunan pelancongan yang wujud di Pulau Perhentian adalah lebih kepada Pelancongan Minat Khusus dan Pengembaraan, kerana beberapa faktor dan konsep ini yang lebih tepat maknanya menggambarkan bentuk pembangunan pelancongan yang ada di Pulau Perhentian.

#### **2.4.1 Pelancongan minat khusus dan pengembaraan di Pulau Perhentian**

Pelancongan jenis ini merujuk kepada konsep pelancong pergi mengembara untuk mempelajari dan mendapatkan pengalaman mengenai ciri-ciri tertentu sesebuah destinasi. Hal ini bersesuaian dengan konsep pelancongan yang dijalankan di Pulau Perhentian iaitu kebiasaannya, tema minat khusus ini dikaitkan dengan minat jangka panjang terhadap pekerjaan, profesional, dan vokasional pelancong. Dalam konteks Pulau Perhentian, pelancongan minat khusus mempunyai tema-tema tertentu. Tema kebudayaan meliputi tarian, muzik, seni halus, kraftangan, seni bina, arkeologi, sejarah dan jejak warisan, gaya hidup tradisional dan aktiviti ekonomi luar biasa. Namun tema yang lebih sesuai berdasarkan pelancongan minat khusus di Pulau Perhentian adalah berdasarkan kepada tema alam semulajadi yang meliputi flora dan fauna, keindahan permandangan, geologi, persekitaran marin dan taman laut. Hal ini kerana, tema ini bersesuaian dengan Pulau Perhentian selaku sebuah pulau yang kaya dengan flora dan fauna serta turut diletakkan sebagai kategori Taman Laut.

Pulau Perhentian turut menganjurkan aktiviti pelancongan pengembaraan yang melibatkan pelancong mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti (kadang kala amat membahayakan) mencabar fizikal dan kekuatan diri. Safari, berjalan di kawasan terpencil, eksplorasi flora dan fauna, berakit di sungai, menyusuri jeram menggunakan kayak atau bot kecil, dan aktiviti scuba diving merupakan aktiviti yang dikategorikan sebagai pelancongan ini yang dijalankan di Pulau Perhentian. Sesuai dengan statusnya sebagai Taman Laut, Pulau Perhentian turut

dikategorikan di bawah Pelancongan Minat Khusus kerana jenis pelancongan ini turut dikenali sebagai pelancongan alternatif, bertanggungjawab dan mampan.

Rajah 2.2 : Pelancongan Minat Khusus Dan Pengembaraan Melalui ‘*Sidewalk*’ Sepanjang Pantai Di Perhentian Kecil.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

#### **2.4.2 Agropelancongan**

Pelancong tinggal bersama komuniti setempat dan mempelajari aktiviti bercucuk tanam atau tinggal di ladang tropika serta mempelajari aspek perladangan termasuk kehidupan dan aktiviti perladangan, atau tinggal di perkampungan nelayan bersama keluarga nelayan dan mempelajari cara hidup serta aktiviti nelayan dengan mengikut serta turun ke laut menangkap ikan.

#### **2.4.3 Pelancongan Desa**

Pelancong tinggal di kampung tradisi dan mempelajari cara hidup komuniti. Kemudahan yang disediakan dibangunkan dan diuruskan oleh penduduk kampung.

#### **2.4.4 Ekopelancongan**

Ekopelancongan merupakan satu bentuk pelancongan semulajadi yang terkawal. Pelancongan melibatkan diri dengan aktiviti seperti mendaki gunung dan berkhemah di kawasan semula jadi. Aktiviti ini turut disertai pemandu pelancong dari kalangan komuniti setempat yang memberikan penerangan mengenai flora dan fauna serta ekologi di kawasan tersebut. Ia turut merangkumi lawatan ke kampung-kampung dan ladang-ladang tradisional. Kini, ekopelancongan menjadi tumpuan di Pulau Perhentian memandangkan konsep ini yang menjurus kepada pemeliharaan, pemuliharaan dan pendidikan alam sekitar.

Pada peringkat negeri Terengganu pula, industri pelancongan dilihat boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pelbagai aktiviti perniagaan, perusahaan dan perkhidmatan serta meninggalkan kesan yang berganda dan juga boleh menjadi wahana pengekalan, pemuliharaan warisan, budaya dan keindahan alam semulajadi (Pembentangan Bajet Negeri Terengganu, 2005). Kerajaan berhasrat untuk menjadikan negeri Terengganu sebagai salah satu destinasi pelancongan utama Pantai Timur dengan menggunakan ‘*nature*’ dan ‘*adventure*’ sebagai daya

tarikan utama. Bagi memastikan industri pelancongan terus mempunyai daya tarikan, penekanan diberikan kepada bidang-bidang berikut:

- i. Mempelbagaikan produk dan perkhidmatan pelancongan termasuklah pelancongan persidangan, pelancongan sukan dan pelancongan kesihatan.
- ii. Menyediakan insfrauktur pelancongan yang baik.
- iii. Menghidupkan semula aktiviti seni kraf, anyaman dan ukiran serta mempromosikan semula hidangan-hidangan dan masakan tradisional serta buah-buahan tempatan yang bermutu.
- iv. Memulihara khazanah warisan sejarah dan sumber alam asli termasuklah pemuliharaan hidupan marin dan perhutanan.

Selain daripada itu juga Kerajaan Negeri telah menetapkan matlamat di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri Terengganu (RPNT) agar industri pelancongan meningkatkan sumbangan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri 3.3% kepada 10%. Dengan pengenalan strategi yang baru dan pendekatan yang lebih mampan, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2.4 juta untuk maksud promosi pelaburan dan galakan pelancongan dan RM50 juta bagi melaksanakan aktiviti pembangunan yang ada berkaitan dengan sektor pelancongan (Pembentangan Bajet Negeri Terengganu, 2005).

Pembangunan sektor pelancongan yang berlaku akan membentuk interaksi ruangan, pergerakan dan perhubungan pelbagai hala dalam satu sirkulasi ruang

ekonomi secara menyeluruh di destinasi seperti Pulau Perhentian. Namun begitu, pembangunan sektor ekonomi pelancongan ini juga akan memberi impak terhadap perubahan sosioekonomi komuniti setempat. Oleh itu, kaitan antara impak pembangunan pelancongan maritim dengan perubahan sosioekonomi komuniti perlu dikaji untuk mengetahui tahap pembangunan sebenar yang dijalankan di Pulau Perhentian.

## **2.5 Visi Dan Misi Pelan Pembangunan Pulau Perhentian**

Jadual 2.1: Visi dan Misi.

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Penjelasan</b>
<b>1</b>	<b>Visi</b>	Untuk membangunkan penduduk, menjadikan Pulau Perhentian sebagai destinasi pelancongan utama dan mengekal, mempamerkan nilai, warisan, budaya, dan keindahan alam semulajadi.
<b>2</b>	<b>Misi</b>	Untuk memulihara, membangun dan memajukan industri pelancongan di Pulau Perhentian.

Sumber: Pelan Pembangunan Penduduk dan Pelancongan Lestari Pulau Perhentian, UMK.

Melalui Pelan Pembangunan Penduduk dan Pelancongan Lestari Pulau Perhentian, secara jelas dinyatakan pembangunan pelancongan yang dijalankan adalah perlu menepati visi dan juga misi yang digariskan. Setiap aktiviti pembangunan yang dijalankan perlu melibatkan kepentingan komuniti setempat dan perlu menerapkan konsep kelestarian/mampan di dalamnya bagi memelihara status Pulau Perhentian sebagai sebuah destinasi pelancongan yang berteraskan alam semulajadi selaras dengan statusnya sebagai sebuah Taman Laut.


### **2.5.1 Objektif Pembangunan Pulau Perhentian**

Ketibaan pelancong ke Pulau Perhentian yang semakin meningkat telah memaksa kerajaan negeri Terengganu melalui kerjasama dari agensi pelancongan awam dan swasta untuk melakukan pembangunan menyeluruh di Pulau Perhentian. Sehubungan itu, beberapa objektif telah digariskan bagi mewujudkan proses pembangunan secara seimbang dan tidak menganggu sosioekonomi komuniti setempat.

1. Meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti Pulau Perhentian dari hasil pelancongan melalui:
  - i. Menarik lebih ramai pelancong yang berkemampuan dan berbelanja tinggi.
  - ii. Meningkatkan bilangan pelawat terutamanya pelawat ulangan.
2. Menyediakan destinasi dan pengalaman menarik kepada semua pelancong dengan membangun dan mengembangkan bilangan dan kualiti produk yang ditawarkan.
3. Menyelesaikan isu kitaran pelancongan bermusim.
4. Mengenalpasti dan memajukan pendekatan yang lebih mampan untuk pembangunan ekopelancongan.
5. Meningkatkan kemudahan prasarana, termasuk kemudahan teknologi maklumat dan pengangkutan awam di Pulau Perhentian dan di Kuala Besut untuk keselesaan pelancong.
6. Mengembangkan kapasiti komuniti setempat untuk terlibat dalam industri pelancongan dan mengurus kawasan ekologi yang sensitif.

7. Membina dan mengekalkan jaringan kerja yang rapat antara kerajaan dan urusniaga perniagaan, rakan produk dan media.
8. Meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan dan sumbangan industri pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi Pulau Perhentian.

Rajah 2.3 : Pembangunan Masa Hadapan Dan Kawasan Pemuliharaan.



Sumber : Laporan Akhir Perhentian Ecotourism Plan 2015.

Berdasarkan Rajah 2.1 di atas, kira-kira 90% daripada luas permukaan kawasan Pulau Perhentian akan menjadi kawasan pemeliharaan. Sementara itu, 343 ekar dari jumlah keseluruhan 3,440 ekar tanah yang ada di Pulau Perhentian akan menjadi kawasan pembangunan iaitu lebih kurang 10% daripada keseluruhan tanah yang ada di pulau tersebut.

Jadual 2.2 : Jantina Dan Penduduk Mendapat Manfaat Dari Aktiviti Pembangunan Pelancongan.

		<b>PENDUDUK MENDAPAT MANFAAT DARI AKTIVITI PEMBANGUNAN PELANCONGAN</b>		<b>TOTAL</b>
<b>JANTINA</b>	<b>SETUJU</b>	<b>SANGAT SETUJU</b>		
LELAKI	167	2	169	
PEREMPUAN	71	10	81	
<b>TOTAL</b>	<b>238</b>	<b>12</b>	<b>250</b>	

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Hasil kajian menunjukkan komuniti setempat samada lelaki dan perempuan mendapat manfaat dari aktiviti pembangunan pelancongan. 169 dari responden lelaki bersetuju dengan kenyataan ini dan bakinya terdiri dari responden perempuan turut bersetuju. Dari 250 responden tiada seorangpun yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Sehubungan itu, objektif yang digariskan untuk kajian ini adalah amat bertepatan dengan kajian ini.

## **2.6 Elemen Kemampanan Dalam Pembangunan Pelancongan Di Pulau Perhentian**

Kerajaan Negeri Terengganu melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, telah merangka Rancangan Tempatan (RT) dan menyenaraikan Pelancongan Pulau sebagai salah satu komponen dalam agenda pembangunan pelancongan di Terengganu. Pelancongan pulau diberi penekanan kerana pelancongan pulau adalah melibatkan keharmonian ekosistem yang tinggi melalui pengurusan yang sistematik. Pembangunan mampan dan pelancongan mampan mempunyai persamaan dalam aspek memenuhi keperluan (individu atau

pelancong) dan penggunaan sumber jaya secara optimum (tanah, air, tumbuhan dan tarikan pelancongan). Bagi mencapai pelancongan mampan dan pembangunan mampan, sumber jaya pelancongan sedia ada perlu digunakan bagi memenuhi kepuasan pelancong. Walaupun begitu, penggunaan sumber jaya ini perlu dirancang dan dikawal supaya menyumbangkan kesan positif terhadap ekonomi, alam sekitar dan sosial serta dapat dinikmati oleh generasi masa hadapan.<sup>59</sup>

Perbincangan mengenai pembangunan, dan pelancongan selalunya berkait dengan pelbagai permasalahan seperti pencemaran, pengurangan sumber asli seperti hasil laut, hutan dan juga kemasuhan ekosistem.<sup>60</sup> Istilah kelestarian pada awalnya digunakan untuk memberi penekanan kepada pengekalan sumber asli. Perkataan lestari atau mampan atau dalam Bahasa Inggerisnya ‘*sustain*’ (kekal) berasal daripada bahasa Latin iaitu ‘*sustinere*’, ‘*sus*’ bermakna daripada bawah dan ‘*tenere*’ bererti tahan.<sup>61</sup> Oleh itu, kelestarian bererti keupayaan untuk mengekalkan sesuatu; memastikan kewujudan; atau memanjangkan. Tetapi konsep awal kelestarian ini telah diperkembangkan lagi dengan mengambil teori ekologi sebagai dasar kepada pembangunan lestari. Kemudian ia diperkembangkan lagi untuk meliputi dimensi teknikal, pengurusan, ekonomi, sosial, kemanusian, kebudayaan, etika dan institusi.

Kesedaran terhadap pembangunan lestari dalam proses pembangunan pelancongan mulai wujud semasa persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar di Nairobi dalam tahun 1972, Laporan Suruhanjaya Persekutuan

dan Pembangunan Dunia 1987 dan Sidang Puncak Dunia di Rio de Janeiro 1992. Suruhanjaya Dunia Alam Sekitar dan Pembangunan mentakrifkan pembangunan lestari sebagai pembangunan yang dapat memenuhi keperluan generasi masa kini tanpa mengabaikan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka.<sup>62</sup> Pembangunan lestari tidak akan menggunakan sumber bumi melebihi keupayaan bumi untuk menjana sumber tersebut dan mengambil kira kesan ke atas alam sekitar dan aspek sosial komuniti.

Pendekatan ini penting terutamanya dalam konteks kajian di Pulau Perhentian memandangkan pembangunan pelancongan sedang giat dijalankan. Sehubungan itu, topik ini dibincangkan dengan lebih terperinci pada Bab 5 kajian ini. Semua pihak wajar merujuk kepada konsep pembangunan lestari dalam menjalankan segala macam aktiviti berkaitan pembangunan pelancongan. Hal ini penting bagi menjamin survival komuniti dan keharmonian alam sekitar itu sendiri di Pulau Perhentian bagi terus menawarkan Pulau Perhentian sebagai salah sebuah destinasi pelancongan yang terkenal dan digemari ramai.

## **2.7 Profil Ketibaan Pelancong Ke Pulau Perhentian**

Bilangan ketibaan pelancong ke Pulau Perhentian secara tepat sukar dipastikan. Hal ini kerana, walaupun telah diisyiharkan sebagai Taman Laut, dan semua pelancong pada prinsipnya dikehendaki membeli tiket dan membayar caj konservasi, Jabatan Taman Laut hanya menyediakan statistik mengikut negeri dan bukan untuk pulau berasingan. Bilangan pelancong yang berkunjung dipercayai

adalah lebih tinggi khususnya sebelum 2003 kerana sebilangan pelancong mampu mengelak dari membayar caj konservasi ini di jeti untuk bertolak ke pulau.

Jadual 2.3: Bilangan Pelancong ke Taman Marin, Terengganu.

<b>TAHUN</b>	<b>PELANCONG DOMESTIK</b>	<b>PELANCONG ASING</b>	<b>JUMLAH</b>
2000	43,390	9,244	52,634
2001	65,539	8,041	73,580
2002	56,263	8,041	64,304
2003	71,654	7,563	79,217
2004	111,225	31,251	142,476
2005	98,863	24,296	123,159
2006	93,546	41,552	135,098
2007	112,844	38,553	151,397
2008	129,532	22,292	151,824
2009	99,434	70,692	170,126
2010	130,174	86,230	216,404
2011	109,331	98,378	207,709
2012	115,738	95,274	211,012
<b>JUMLAH</b>	<b>889,462</b>	<b>477,267</b>	<b>1,366,729</b>

Sumber: Jabatan Taman Laut Malaysia, Kementerian Sumber Asli.

Dari jumlah 211,012 orang pelancong yang melawat pulau-pulau Taman Marin Terengganu pada tahun 2012, dianggarkan lebih dari separuh melawat ke Pulau Perhentian ataupun kesemua pulau taman laut yang ada. Namun begitu, sebahagian besar pelancong tempatan melawat Pulau Redang iaitu satu lagi pulau taman marin dalam negeri Terengganu yang popular sebagai destinasi pelancong asing lebih banyak tertumpu di Pulau Perhentian.<sup>63</sup> Pada tahun 2005 di anggarkan sebanyak 70% pelancong ke Pulau Perhentian adalah dari luar negara. Apa yang nyata ialah bilangan pelancong yang semakin bertambah telah mendatangkan kebimbangan terhadap kesan negatif ke atas khazanah laut dan perairan pulau ini. Jika dilihat pada Jadual 2.3, pola peningkatan dalam kehadiran pelancong ke

taman laut yang ada di Terengganu amat memberangsangkan. Peningkatan ini banyak memberikan kesan positif kepada sektor pembangunan pelancongan di Terengganu khususnya Pulau Perhentian sebagai salah sebuah pulau taman laut. Namun begitu, data kemasukan pelancong ke taman laut di Terengganu bagi tahun 2013 hingga 2015 masih belum dikeluarkan.

Pulau Perhentian ialah destinasi untuk pelancong dengan minat yang khusus. Oleh sebab wujudnya khazanah laut seperti batu karang dan beberapa lokasi menyelam terutamanya pada bahagian Coral Bay di Pulau Perhentian Kecil dan juga beberapa lokasi di Pulau Perhentian Besar, ia menarik kumpulan pelancong yang meminati aktiviti seperti selam skuba dan *snorkeling* terutamanya pelancong dari luar negara. Contohnya, Takushi (2000) menjelaskan terdapat 500 spesis batu karang di laut Pulau Perhentian. Kebanyakan kemudahan yang disediakan untuk pelancong adalah atas sahaja. Memandangkan pelancong yang datang adalah mereka yang masih muda dan inginkan destinasi yang memiliki bajet yang murah dan sanggup menginap ala kadar di resort yang murah. Sementara itu, kemudahan seperti pusat hiburan, pusat membeli-belah dan seumpamanya yang mungkin boleh menarik pelancong *psychocentric* tidak begitu relevan dan sesuai dalam konteks pelancongan di Pulau Perhentian.

Kumpulan pelancong yang membanjiri pulau ini adalah jenis *allocentric* iaitu mereka yang biasa mengunjungi kawasan terpencil dan tidak begitu dimajukan untuk pelancongan. Kategori pelancong ini mengatur sendiri program perjalanan mereka dan rela tinggal dalam keadaan yang kurang selesa, contohnya

tanpa air panas atau penghawa dingin. Resort di Pasir Panjang contohnya adalah tumpuan utama pelancong *backpackers* yang tidak menerima tempahan awal dan bergantung kepada tetamu *walk-in* sahaja.

Rajah 2.4 : Salah Sebuah Pintu Masuk Ke Pulau Perhentian, Jeti Coral Bay.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

## 2.8 Pulau Perhentian Sebagai Taman Laut

Tujuan asal penubuhan Taman Laut/Marin adalah untuk melindungi dan memulihara ekosistem laut demi menjaga kemandirian spesis dan kelangsungan hidup pelbagai hidupan laut. Sehubungan itu, Pulau Perhentian sebagai sebuah pulau yang menawarkan pelancongan maritim yang kaya dengan keindahan sumber alam, telah turut diwartakan sebagai salah satu daripada Taman Laut di Malaysia. Pewartaan ini adalah bagi menjamin keharmonian alam sekitar di Pulau Perhentian. Namun begitu, penubuhan kawasan taman laut masih perlu menyediakan aktiviti rekreasi, pelancongan serta pembangunan sosioekonomi

kepada komuniti yang menetap di sekitar atau berdekatan dengan taman laut berkenaan. Pada umumnya, pembangunan sumber selalunya akan memberi kesan kepada kehidupan ekosistem. Sehubungan itu, ia mesti mengikuti garis panduan tertentu supaya proses pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar masih terjamin. Justeru, kerjasama antara pelbagai pihak adalah amat perlu untuk merancang pembangunan dan penggunaan sumber secara optimum namun tidak mengabaikan kepentingan terhadap komuniti setempat.

Kegiatan pembangunan pelancongan yang dijalankan di Pulau Perhentian turut mengambil kira komponen ekonomi dan juga sosial. Komponen ini berkaitan antara satu sama lain dalam membentuk proses pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem di Pulau Perhentian. Pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian hanya berlaku pada pertengahan tahun 1980-an dengan peralihan tumpuan kerajaan pusat dari eksport komoditi utama seperti getah dan bijih timah yang mengalami kejatuhan kepada insutri pelancongan yang semakin meningkat naik. Antara tahun 1991 hingga 1995, 17 buah resort baru telah dibina di Pulau Perhentian dan akhir tahun 1998, 33 buah resort telah sedia beroperasi.<sup>64</sup>

Sehubungan itu, boleh dikatakan hampir semua resort yang dibina ini adalah tertumpu di destinasi yang memiliki pantai yang berpasir dan jauh dari batu dan berbukit. Hal ini kerana terdapat kawasan pesisir pantai Pulau Perhentian yang dipenuhi batu dan berbukit menyukarkan untuk proses pembangunan pelancongan. Contohnya adalah di bahagian timur Pulau Perhentian Besar tidak didirikan resort kerana sepanjang pantainya berbatu, berbukit dan juga curam.

Kebanyakan resort dibina di beberapa pantai yang luas seperti Pasir Panjang, dan Teluk Aur di Pulau Perhentian Kecil serta Pasir Jong, Teluk Pauh dan Teluk Dalam di Pulau Perhentian Besar. Hampir kesemua pantai yang disebutkan ini merupakan antara persisiran pantai di Pulau Perhentian yang difokuskan di peringkat awal pembangunan pelancongan di sini. Masalah kekurangan tanah pamah membuatkan pemaju mula beralih arah untuk membina resort di kawasan pedalaman dan berbukit.

## **2.9 Aktiviti Pembangunan Pelancongan**

### **2.9.1 Aktiviti Pembangunan Resort/Chalet**

Sehingga tahun 2015, terdapat kira-kira 38 buah resort (4 tidak didaftarkan) di Pulau Perhentian (Perhentian Kecil dan Perhentian Besar). Sebanyak 18 buah resort berdaftar beroperasi di Pulau Perhentian Kecil dan 16 buah resort lagi beroperasi di Pulau Perhentian Besar. Peningkatan dalam kedatangan pelancong ke Pulau Perhentian telah dibantu dengan pembinaan kemudahan dan infrastruktur yang lengkap. Menjelang tahun 2015, kerajaan negeri Terengganu mula memandang serius ketibaan pelancong ke negeri Terengganu terutamanya ke destinasi utama pelancongan seperti Pulau Perhentian. Sehubungan itu beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan dalam memberi galakan terhadap ketibaan pelancong ke destinasi pulau yang ada di Terengganu.

## **2.9.2 Aktiviti Pelancongan**

Seperti pulau-pulau yang lain yang berada di kawasan pantai timur Malaysia, Pulau Perhentian tidak terlepas daripada menerima kesan musim tengkujuh pada bulan November hingga Februari setiap tahun. Kawasan-kawasan dan operasi pelancongan akan ditutup dan tidak banyak pelancong akan datang berkunjung ke destinasi utama di Pulau Perhentian. Jumlah kedatangan pelancong akan mula meningkat pada bulan Mac dan mencapai kemuncaknya pada bulan Jun yang merupakan musim cuti sekolah bagi Malaysia dan Singapura. Pada bulan September dan bulan Oktober, jumlah pelancong mula berkurangan. Penghujung bulan Februari sehingga bulan November merupakan masa yang sesuai bagi pelancong untuk berkunjung ke pulau ini dan melakukan aktiviti-aktiviti berkaitan. Contohnya adalah pada tahun 2010, melalui Jadual 2.4.

Jadual 2.4: Statistik Kedatangan Pelancong ke Pulau Perhentian 2010.

<b>BULAN</b>	<b>BILANGAN PELANCONG</b>
Januari	0
Februari	420
Mac	6,960
April	7,016
Mei	8,540
Jun	9,640
Julai	8,636
Ogos	9,400
September	4,388
Oktober	1,520
November	230
Disember	0

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia (2010)

### **2.9.3 Tahun Melawat Terengganu 2013**

Dalam meningkatkan kehadiran pelancong ke Pulau Perhentian, Kerajaan Negeri juga merancang program promosi dalam dan luar negeri secara lebih berfokus dengan mengenal pasti segmen pasaran yang mempunyai kelebihan perbandingan melalui pendekatan baru. Penganjuran acara-acara pelancongan tahunan berasaskan identiti (*signature events-participation events, spectators event & event followers*) Negeri Terengganu seperti Perhentian Fiesta pada 2013, dan juga Perhentian Island Challenge serta pelbagai lagi aktiviti berasaskan pulau yang ada di Terengganu yang mana ianya dapat memberikan kesan pulangan yang baik kepada negeri. Rancangan seperti Tahun Melawat Terengganu 2013 ternyata memberikan pulangan ekonomi yang cukup tinggi terutamanya di destinasi utama pelancongan. Destinasi pulau turut menjadi salah satu agenda kerajaan negeri Terengganu dalam menarik minat pelancong untuk datang melalui penganjuran aktiviti-aktiviti tertentu. (Rujuk Jadual 2.5)

Jadual 2.5: Aktiviti Pulau Bagi Tahun Melawat Terengganu 2013.

<b>Tarikh</b>	<b>Acara</b>	<b>Lokasi</b>
<b>23 Mac</b>	Kapas-Marang International Swimathon	Pulau Kapas & Pulau Kelulut Marang
<b>5-28 April</b>	Perhentian Fiesta	Pulau Perhentian
<b>3-8 Disember</b>	Monsoon Cup Terengganu	Pulau Duyong, Kuala Terengganu.

Sumber: <http://tourism.terengganu.gov.my/>

#### **2.9.4 Tahun Melawat Terengganu 2014**

Lanjutan daripada kejayaan tahun melawat Terengganu 2013, kerajaan negeri telah mempergiat lagi usaha membangunkan sektor pelancongan di Terengganu terutamanya di destinasi kepulauan. Jabatan Pelancongan dan Kebudayaan Terengganu, menyasarkan 35% daripada jumlah kedatangan pelancong ke Terengganu itu adalah pelancong asing. Sasaran itu diletakkan setelah negeri Terengganu berjaya mencapai sasaran empat juta pelancong sempena Tahun Melawat Terengganu 2013 dengan pelbagai program yang telah dijalankan. Keindahan Pulau Perhentian, Pulau Lang Tengah, Pulau Redang, Pulau Bidong dan Pulau Kapas dengan pasir yang halus disekitar persisiran pantai serta keindahan taman laut yang menakjubkan menjadi antara agenda utama kerajaan negeri Terengganu dalam menganjurkan Tahun Melawat Terengganu 2014 bagi menarik pelancong untuk ke destinasi tersebut.

Pengerusi Pelancongan dan Kebudayaan Terengganu, Datuk Mohd Jidin Shafee meyakini sasaran 5 juta pelancong sempena TMM 2014 Terengganu pasti mencapai sasaran. Hal ini kerana beliau yakin dengan penambahan dalam aktiviti dan program pembangunan pelancongan yang dijalankan akan mampu menarik minat lebih ramai pelancong terutamanya pelancong luar negara untuk ke destinasi utama seperti Pulau Perhentian, Redang dan lain-lain lagi.<sup>65</sup>

Jadual 2.6: Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Tahun Melawat Terengganu/Pulau Perhentian 2014.

<b>Tarikh</b>	<b>Acara</b>	<b>Lokasi</b>
11-17 April	Terengganu International Squid Jigging Festival	Pulau Chepu, Setiu & Pulau Kapas, Marang, Terengganu.
19-20 April	Kapas-Marang International Swimathon	Pulau Kapas & Pantai Kelulut, Marang.
30 Mei-22 Jun	Redang-Perhentian Fiesta	Pulau redang & Pulau Perhentian.
25-30 November	Monsoon Cup Terengganu	Pulau Duyung, Kuala Terengganu.

Sumber: <http://tourism.terengganu.gov.my/>

### **2.9.5 Aktiviti Rekreasi Di Pulau Perhentian**

Proses pembangunan pulau taman laut secara umumnya perlu merujuk kepada Laporan Tahap Tampungan serta Garis Panduan Pembangunan (GPP) atau lain-lain peraturan yang telah disediakan untuk pulau-pulau taman laut. Secara umumnya, antara aktiviti yang dilarang adalah aktiviti yang membahaya serta merosakkan terumbu karang dan ekosistem marin seperti mana peruntukan Seksyen 41 hingga Seksyen 45, Akta Perikanan 1985. Jadual 2.7 menunjukkan jenis aktiviti yang dibenarkan dan tidak dibenarkan di Pulau Perhentian.

Jadual 2.7: Senarai Aktiviti Di Pulau Perhentian.

<b>Aktiviti Yang Dibenarkan</b>	Scuba Diving Snorkeling Fotografi Dasar laut Memberi makan ikan Berkanu (non-motorized boating) Merentas hutan
<b>Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan</b>	Membunuh ikan Spear gun fishing Mengambil karang, cengkerang dan organisma marin yang hidup. Mengambil tanah dan karang yang mati. Membuang sampah dan mencemar kawasan marin. Meletak sauh terus ke kawasan karang. Membina apa-apa struktur.

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

### 2.9.6 Aktiviti Pembangunan Yang Tidak Dibenarkan

Pembangunan yang tidak dibenarkan di Taman Laut/Pulau Perhentian adalah mewujudkan tapak pelupusan sisa toksik, kegiatan pertanian secara besar-besaran, taman tema (*theme park*), aktiviti-aktiviti industri besar dan kecil kecuali industri kampung/tradisional. Selain itu, tidak dibenarkan juga aktiviti pengambilan/pengorekan pasir dalam kawasan di mana kedalaman air kurang dari 10 meter dari *Lowest Astronomical Tide* atau kurang dari 1.5 KM dari *Low Water Line* yang mana lebih jauh. Kegiatan seperti penternakan dalam skala besar dan kuari turut tidak dibenarkan. Bagi tapak perkuburan pula hendaklah tidak melebihi 2 hektar.

### **2.9.7 Aktiviti Pembangunan Yang Dibenarkan (Garis Panduan Khusus)**

Berikut merupakan senarai aktiviti dan program pembangunan pelancongan yang telah diluluskan oleh kerajaan Negeri Terengganu selaras dengan Garis Perancangan Pembangunan (GPP) iaitu Pembangunan Fizikal Pulau-pulau dan Taman Laut.<sup>66</sup> Garis panduan pembangunan pelancongan yang dibentuk untuk Pulau Perhentian dan Taman Laut ini adalah untuk mengekalkan status keharmonian dalam ekosistem melalui konsep kemampanan iaitu proses pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Jadual 2.8: Garis Panduan Khusus Pembangunan.

<b>AKTIVITI</b>	<b>ZON</b>	<b>PULAU PERHENTIAN</b>	<b>TAMAN LAUT</b>
1. Hotel, kondo, pangsa, chalet, dan lain-lain jenis perumahan seperti teres, berkembar, sesebuah dan pembangunan perniagaan.	Pantai	i. Anjakan undur bangunan di pantai berpasir dan berbatu ialah 60 meter dari paras purata air pasang perbani ( <i>Mean High Water Spring-MHWS</i> ). Bagi pantai berlumpur yang ditumbuhi paya bakau, anjakan pembangunan ialah 400 meter. ii.Bagi kawasan yang dizon/diisyihar sebagai kawasan berisiko tsunami, reka bentuk umum bangunan yang dibina di kawasan 60 meter dari garis pantai perlu mengintegrasikan struktur-struktur fizikal yang berfungsi sebagai pemecah ombak dan mempunyai sistem saliran yang mengalir ke air ke sistem perparitan berdekatan. Perumahan berdensiti rendah dan sederhana yang tidak melebihi 3 tingkat dibenarkan sehingga dibina 60 meter dari garis pantai dengan syarat-syarat yang ketat sebagai langkah mengurangkan risiko jika berlaku tsunami. iii.Bagi pantai berpasir, pengecualian boleh diberikan kepada anjak undur 20 meter dengan syarat menyediakan kerja-kerja kawalan hakisan. iv.Sebarang bangunan atau pembinaan yang melintasi pantai hingga pergigian air tidak dibenarkan sama sekali. v.Nisbah plot bangunan adalah berdasarkan kepada RT. vi.Menyediakan laluan awam selebar 6 meter di antara sempadan lot bersebelahan yang berhadapan sungai. vii.Reka bentuk bangunan perlu menggambarkan cirri-ciri tempatan dan warisan negara.	Sebarang aktiviti pembangunan adalah tidak dibenarkan.

		<p>viii. Pembuangan kumbahan melalui penyediaan sistem kumbahan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS).</p> <p>ix. Mematuhi RT.</p>	
2. Taman Tema	Bukit	<p>i. Pembangunan boleh dipertimbangkan dengan mematuhi GP Pembangunan di kawasan bukit dan Tanah Tinggi.</p> <p>ii. Pengekalan kawasan tumbuhan semulajadi perlu mematuhi GP Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi.</p> <p>iii. Penebangan pokok hendaklah mematuhi syarat-syarat dalam Akta Pemuliharaan Tanah, 1960 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976.</p> <p>iv. Penebangan pokok hanya dibenarkan di atas tapak ‘plinth’ setiap bangunan.</p> <p>v. Ketinggian bangunan hendaklah mematuhi kepadatan yang dibenarkan mengikut RT dan Pelan Pembangunan Pulau Peranginan.</p> <p>vi. Kepadatan mengikut RT.</p>	Hanya pembinaan chalet yang tidak menggunakan struktur kekal sahaja yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan memerlukan kajian <i>carrying capacity</i> .
	Sungai	<p>i. Anjak undur bangunan ialah 20 meter dari rizab sungai seperti yang ditetapkan oleh JPS.</p> <p>ii. Bangunan hendaklah menghadap ke sungai.</p> <p>iii. Had ketinggian 12 meter dan kepadatan tidak melebihi 20 bilik hotel/unit kondominium seekar. Mematuhi Pelan Pembangunan Pulau Peranginan.</p> <p>Pembangunan Atas Air hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:</p> <p>i. Jarak antara bangunan hendaklah sekurangnya 3.3 meter.</p> <p>ii. Kepadatan tidak melebihi 5 bilik hotel/unit kondominium seekar.</p> <p>iii. Sistem pembentangan hendaklah melalui paip ke saluran utama atas darat.</p>	Tiada sebarang aktiviti pembangunan pelancongan dibenarkan.
	Laut		Tidak dibenarkan.
	Pantai	<p>i. Tiada bangunan kekal dalam lingkungan 20 meter dari MHWS.</p> <p>ii. Mewujudkan laluan awam 6 meter (20 kaki) di sempadan tepi lot pemajuhan.</p> <p>iii. Luas maksimum kawasan pembangunan 20.25 hektar (50 ekar).</p> <p>Tidak dibenarkan.</p>	Tidak dibenarkan.
	Bukit	<p>i. Tidak dibenarkan pembangunan di kawasan rizab sungai kecuali untuk tujuan lanskap.</p> <p>ii. Anjak undur bangunan ialah 20m dari rizab sungai</p> <p>iii. Luas maksima kawasan pembangunan 20.25 hektar (50 ekar).</p>	Tidak dibenarkan.
	Sungai		Tidak dibenarkan

3. Kelab rekreasi, marina dan jeti.	Pantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Anjak undur bangunan kekal ialah 20 meter dari paras purata MHWS.</li> <li>ii. Syarat anjakan dikecualikan juga sekiranya pembinaan di atas cerucuk.</li> <li>iii. Pagar kawalan kelodak diperlukan bagi mengurangkan berlakunya air keruh terutamanya di kawasan berdekatan kehidupan laut dan kawasan terumbu karang.</li> <li>iv. Memerlukan kelulusan EIA dan Laporan Hidraulik.</li> </ul>	Hanya pembinaan jeti sahaja yang dibenarkan.
	Sungai	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada bangunan kekal di kawasan rizab sungai.</li> <li>ii. Anjak undur bangunan ialah 20 meter dari rezab sungai.</li> <li>iii. Hanya industri ringan yang tidak melibatkan proses dan bahan buangan ke udara atau air sahaja dibenarkan.</li> <li>v. Memerlukan kelulusan EIA dan laporan Hidraulik.</li> </ul>	Tidak dibenarkan.
	Laut	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tapak binaan tidak didirikan di kawasan terumbu karang, hutan bakau atau rumput laut.</li> <li>ii. Keluasan tapak jeti dan marina tidak melebihi 1.2 hektar. Bot/kapal yang menggunakan jeti dan marina berkapasiti tidak melebihi 150 penumpang dan krew.</li> <li>iii. Memerlukan kelulusan EIA dan Laporan Hidraulik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tapak binaan tidak didirikan di kawasan terumbu karang, hutan bakau atau rumput laut.</li> <li>ii. lebar jeti dan marina tidak melebihi 3 meter.</li> <li>iii. Perlu mengikuti keperluan setiap PBT dan memerlukan kajian hidraulik.</li> </ul>
4. Tapak pelupusan sampah.	Pantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penggunaan mini incinerator dibenarkan dengan kelulusan Kajian EIA.</li> </ul>	Tidak dibenarkan.
	Bukit	Tidak dibenarkan.	Tidak dibenarkan.
	Sungai	Tidak dibenarkan.	Tidak dibenarkan.
5. Pembinaan Pelantar Rekreasi.	Laut	Dibenarkan.	Struktur kekal ( <i>fixed</i> ) tidak dibenarkan manakala struktur terapung perlu mendapat kelulusan jabatan perikanan.
6. Pembinaan sangkar ikan terapung.	Laut	<p>Dibenarkan dengan syarat mendapat kelulusan Jabatan Perikanan dan Jabatan Alam Sekitar.</p> <p>PBT perlu memastikan kualiti visual pembangunan</p>	

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 2011.

## **BAB 3**

### **IMPAK PEMBANGUNAN PELANCONGAN MARITIM KE ATAS SOSIAL KOMUNITI DI PULAU PERHENTIAN.**

#### **3.1 Pembangunan Pelancongan Dan Kaitannya Dengan Sosial Komuniti**

Sejarah perkembangan manusia melalui beberapa proses perubahan yang panjang dan pelbagai. Sehubungan itu, aspek sosial dan ekonomi sentiasa menjadi pemangkin kepada perubahan tersebut. Perubahan demi perubahan inilah yang mencetuskan fenomena pembangunan sama ada ia dikehendaki atau sebaliknya. Pembangunan yang berjaya selalunya dimanifestasikan melalui perancangan yang yang betul dan sekiranya sesuatu perancangan itu kurang tepat akan memberikan impak negatif atau luar jangkaan.<sup>67</sup> Sehubungan dengan itu, pembangunan pelancongan yang dijalankan bukan sahaja memberikan impak positif, bahkan turut membawa kepada impak negatif kepada sistem sosial komuniti setempat terutamanya dalam konteks institusi kemasyarakatan, persekitaran serta sistem sedia ada.

Kerajaan negeri dengan kerjasama kerajaan persekutuan memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan keselarian antara kemahuan dan juga kemampuan komuniti berkenaan serta berasaskan kepada pemilikan sumber dan kesesuaian persekitaran. Aspek pembangunan pelancongan terhadap sosial komuniti di Pulau Perhentian tidak boleh dipandang ringan kerana aspek sosial ini yang akan membentuk kejayaan sesebuah pembangunan. Hubung kait antara

elemen sosial komuniti dan pembangunan pelancongan akan mewujudkan keserasian yang bakal melonjakkan daya saing sesebuah komuniti untuk mencapai tahap pembangunan modal insan yang diinginkan.

Bagi mewujudkan keserasian dalam pembangunan pelancongan dan juga aktiviti sosial, Wawasan 2020 telah menggariskan konsep pembangunan yang menyeluruh (*total development*), meliputi aspek peningkatan dalam taraf hidup dan juga kualiti hidup. Impak sosial boleh wujud dalam dua keadaan hasil dari pembangunan pelancongan iaitu impak positif dan juga negatif. Untuk mewujudkan impak positif pembangunan dilakukan mengikut garis panduan dan aspek yang menyeluruh. Di samping itu, untuk mengelakkan impak negatif terhadap sosial komuniti, penekanan juga diberikan kepada aspek pembangunan kerohanian, kebudayaan, moral dan juga psikologi.

Program-program pembangunan pelancongan yang dijalankan amat memerlukan sokongan daripada komuniti setempat sebagai penyokong ke arah memakmurkan dan memajukan lagi industri tersebut melalui pengintegrasian yang positif. Sehubungan itu, dalam konteks pembangunan sektor yang baru, penyertaan komuniti amat perlu sebagai tenaga kerja yang bakal memberikan pulangan ekonomi dalam sektor ini dan kepada sektor pelengkap yang lain. Kesediaan komuniti setempat merupakan satu sokongan moral terhadap pembangunan sektor yang baru, yang juga secara langsung mencerminkan kesudian mereka untuk melibatkan diri seterusnya melalui proses transformasi sosial dan juga ekonomi.<sup>68</sup> Dalam konteks pembangunan pelancongan di Pulau

Perhentian, pembangunan sektor pelancongan telah mewujudkan satu bentuk pengeluaran aktiviti sosial dalam komuniti setempat dan juga dengan kemasukan pelancong terutamanya pelancong luar negara yang sama sekali berbeza sosial dan budaya melahirkan pelbagai kesan kepada sosial komuniti di Pulau Perhentian.

Selain itu, "...pelancongan juga memberi impak terhadap kedudukan sosial dan budaya masyarakat, iaitu meliputi perubahan pada sistem nilai, kelakuan individu, hubungan kekeluargaan, cara hidup bermasyarakat, kedudukan keselamatan, kelakuan moral, ekspresi kreatif, adat istiadat tradisional dan organisasi masyarakat".<sup>69</sup> Namun begitu, "...adalah sukar untuk mengasingkan punca-punca utama yang mengakibatkan perubahan ini. Apakah perubahan itu secara langsung berpunca daripada perkembangan pelancongan atau pelancongan hanya merupakan salah satu daripada beberapa agen perubahan".<sup>70</sup>

Sektor pelancongan di Pulau Perhentian telah mula mengalami pelbagai perubahan terutamanya dari sudut kegiatan sosial masyarakat. Bagi mengenalpasti impak pembangunan pelancongan terhadap komuniti di Pulau Perhentian, pengkaji telah melakukan kajian secara berperingkat dengan menggunakan soal selidik dan juga temuramah yang dijalankan terhadap komuniti asal di Pulau Perhentian dan mereka yang terlibat secara langsung dengan proses pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian.

### **3.2 Pengertian Aktiviti Sosial Komuniti**

Aspek sosial merupakan aspek yang akan melibatkan hubungan antara individu dengan individu yang lain atau dengan masyarakat dan bagaimana individu tersebut berkomunikasi sesama mereka. Kajian hubungan kemasyarakatan ini dilakukan bagi melihat perubahan yang berlaku sebelum dan selepas aktiviti pembangunan pelancongan di sesebuah destinasi. Terdapat dua elemen yang dapat dilihat didalam aspek sosial iaitu hubungan antara keluarga dan hubungan antara komuniti atau masyarakat di sesuatu tempat. Satu kajian terhadap komuniti orang asli (penduduk asal), menunjukkan bahawasanya masih wujud lagi sifat saling tolong menolong antara sesama mereka sekiranya berlaku musibah atau sebarang permasalahan dan juga masih mengamalkan cara hidup walaupun telah menyerap peradaban moden.<sup>71</sup>


Manakala kajian yang dibuat oleh Scoones, beliau mencatatkan elemen dalam aspek sosial yang lebih luas dan banyak bukan sahaja melibatkan hubungan antara keluarga dan komuniti semata mata tetapi turut merangkumi hubungan dalam persatuan, tuntutan sosial diantara pemerintah dengan pengikut dan gabungan antara satu komuniti dengan komuniti yang lain. Aspek pembangunan sosial juga memerlukan pembangunan keluarga dan keibubapaan. Keibubapaan adalah proses mendorong dan menyokong pembangunan fizikal, emosi, sosial dan intelektual kanak-kanak di peringkat awal sehingga dewasa. Dalam erti kata mudah perubahan dan struktur sosial dipengaruhi oleh suasana dan pendekatan

yang diterima oleh kanak-kanak dan masyarakat dari keluarga dan komuniti yang mendidik mereka.

### 3.3 Sektor Sosial Yang Digariskan Secara Umum Oleh UPEN Terengganu

Bagi sektor sosial pula teras-teras yang telah dikenalpasti turut memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi negeri samada memainkan peranan sebagai pendorong ataupun sebagai pemangkin. Bidang-bidang yang terlibat adalah sebagaimana Rajah 3.1 berikut (UPEN, 2013):

Rajah 3.1: Teras-Teras Sektor Sosial.



Sumber: Kajian Lapangan 2015.

### **3.4 Program Tanggungjawab Sosial Korporat CSR Marin LHDN di Pulau Perhentian**

Aktiviti dan tanggungjawab sosial di Pulau Perhentian turut dibantu oleh agensi kerajaan dalam mengimbangi program pembangunan pelancongan dengan sosial masyarakat kerana dikhawatir program tersebut akan membawa keklikuan dan perubahan drastik dalam aktiviti sosial masyarakat. Antara program yang dijalankan adalah melalui kerjasama dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui Program CSR Marin LHDN di Pulau Perhentian yang telah diadakan pada 28 Mei 2013 – 30 Mei 2013 di Pulau Perhentian, Kuala Terengganu.

Program ini merupakan salah satu langkah oleh LHDN bagi melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Hidupan Marin bersama Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) selaras dengan seruan kerajaan di pihak JTLM menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan dengan membina dan menurunkan sejumlah (36+1) peranti pemuliharaan biodiversiti marin di Teluk Pauh, Pulau Perhentian, dalam usaha mewujudkan kawasan ekosistem hidupan marin baharu disamping menjadikan kawasan ini sebagai tarikan baharu pengunjung pusat aktiviti selaman dan snorkeling atau sebagai Taman Karang LHDN.<sup>72</sup> Pelbagai aktiviti tambahan dilakukan oleh LHDN seperti memberi penerangan terutamanya dalam konteks hubungan sesama masyarakat, hubungan dengan pelancong dan hubungan masyarakat dengan alam sekitar kesan dari wujudnya Taman Laut dan juga kegiatan pembangunan pelancongan yang lain.

### **3.5 Impak Positif Pembangunan Pelancongan Terhadap Sosial**

#### **3.5.1 Meningkatkan Kualiti Hidup Komuniti Setempat**

Pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian telah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dan keusahawanan terutamanya di sektor penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, barang dan perkhidmatan. Kewujudan peluang-peluang ini mendorong kepada penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pelancongan. Program pembangunan pelancongan yang dibuat oleh kerajaan telah membawa kepada peningkatan dalam variasi pekerjaan komuniti setempat di Pulau Perhentian. Berikut merupakan data pekerjaan yang diperoleh melalui dokumen daripada Majlis Daerah Besut (MDB) melalui Ketua Kampung Pasir Hantu, Pulau Perhentian En. Zainuddin B. Mohammad.

Jadual 3.1: Jenis Pekerjaan Penduduk Kampung Pasir Hantu, Pulau Perhentian.

<b>BIL.</b>	<b>JENIS PEKERJAAN</b>	<b>BILANGAN ORANG</b>
1	Pemandu Bot	300
2	Pekerja Resort/Chalet	50
3	Kedai Makan	90
4	Pemilik Resort/Restoran	15
5	Kedai Runcit	8
6	Kedai Cenderamata	1
7	Pengusaha Dobi	9
8	Pengusaha minyak Diesel	3
9	Kontak Kutip Sampah	20
10	Nelayan	6
11	Penjawat Awam	60
12	Pesara	20
13	Suri rumah	300
14	Penganggur	20

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Penglibatan komuniti dalam variasi pekerjaan memberikan kesan positif terhadap beberapa aspek seperti pengurangan kadar pengangguran, kadar kemiskinan dan penggunaan tenaga buruh secara maksimum di kawasan sekitar Pulau Perhentian. Penduduk mula menikmati pendapatan yang lebih baik sekaligus meningkatkan taraf sosioekonomi isirumah. Cara hidup dan sosial masyarakat Pulau Perhentian mula mengalami transformasi apabila berkembangnya proses pembangunan pelancongan.

Komuniti yang pada peringkat awalnya hanya bergantung kepada kegiatan pertanian dan menangkap ikan mula mengintai peluang secara drastik bagi meningkatkan taraf hidup mereka bersandarkan pembangunan pelancongan yang dilakukan.<sup>73</sup> Komuniti setempat mula melibatkan diri dalam aktiviti seperti membawa bot pelancong, bekerja di Pulau Perhentian Besar, menyewakan rumah tumpangan (*Homestay*), berniaga dan sebagainya kerana aktiviti ini membrikan pulangan yang agak tinggi.

Rajah 3.2 : Kedai Runcit Penduduk Melalui Program IKS Yang Dijalankan.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Berikut merupakan analisa secara terperinci hasil dari soal selidik yang dijalankan terhadap komuniti di Pulau Perhentian berdasarkan tiga pembahagian sektor pekerjaan utama iaitu sektor kerajaan, sektor swasta, dan sendiri. Rujuk Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Peratusan Dan Jenis Pekerjaan Mengikut Sektor Bagi Tahun 2015.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
KERAJAAN	2	0.8	0.8	0.8
SWASTA	66	26.4	26.4	27.2
SENDIRI	182	72.8	72.8	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Berdasarkan kepada jadual 3.2, soal selidik telah dilakukan terhadap 250 orang penduduk/komuniti asal Kampung Pasir Hantu atau lebih dikenali dengan Perkampungan Nelayan, Pulau Perhentian. Hasil yang diperolehi turut boleh

dilihat melalui pembahagian peratusan melalui carta pai yang dihasilkan. Hasil kajian menunjukkan komuniti Pulau Perhentian secara dominan lebih gemar melakukan aktiviti sosial dan pekerjaan dalam sektor sendiri iaitu sebanyak 72.80% dari ketiga-tiga sektor. Mengikut klasifikasi kajian, sektor sendiri ini terdiri daripada pelbagai aktiviti iaitu pemandu bot, kedai makan, pemilik resort/chalet, kedai runcit, mengambil kontrak kutip sampah, nelayan dan lain-lain aktiviti yang tidak terikat dengan sesuatu organisasi atau majikan.

Sementara itu, sektor kedua yang paling diminati dan diceburi oleh komuniti setempat adalah sektor swasta iaitu sebanyak 26.40%. Sektor swasta ini melibatkan hubungan upahan gaji, dan perhubungan secara langsung pekerja dan majikan dan tidak melibatkan pihak kerajaan sebaliknya syarikat-syarikat atau organisasi yang berdaftar. Antara sektor swasta yang diceburi oleh komuniti adalah seperti pekerja resort/chalet, pekerja pemandu pelancong, pekerja pembinaan dan lain-lain. Sektor yang paling kurang di ceburi adalah sektor kerajaan iaitu sebanyak 0.80%. Hasil kajian menunjukkan hanya 0.8% penduduk yang menceburi bidang kerajaan. Hal ini kerana taraf pendidikan yang amat kurang dalam kalangan masyarakat yang membolehkan mereka mendapat tempat di sektor kerajaan. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kampung Pasir Hantu, terdapat hanya 60 orang penduduk yang berstatus penjawat awam dari keseluruhan penduduk 2,163 orang. Namun yang menjawat jawatan sektor kerajaan di Pulau Perhentian tidak lebih dari 6 orang sahaja. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan umur responden dan jenis pekerjaan yang diceburi mereka.

Jadual 3.3 : Umur Dan Jenis Pekerjaan Yang Diceburi.

UMUR	PEKERJAAN			TOTAL
	KERAJAAN	SWASTA	SENDIRI	
18-30	0	43	60	103
31-40	0	20	43	63
41-50	2	3	53	58
51-60	0	0	23	23
61-70	0	0	3	3
<b>TOTAL</b>	<b>2</b>	<b>65</b>	<b>182</b>	<b>250</b>

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan, komuniti setempat yang berumur 18-30 tahun paling banyak mendominasi sektor pekerjaan yang ada di Pulau Perhentian iaitu sebanyak 103 daripada 250 orang responden. Sektor yang paling banyak diceburi adalah sektor sendiri (pemandu bot, kedai makan, pemilik resort/chalet, kedai runcit, mengambil kontrak kutip sampah, nelayan, dan lain-lain). Taraf hidup sesebuah komuniti diukur melalui jenis serta bidang kerja yang dilakukan. Dengan adanya aktiviti pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian, komuniti setempat dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang baru sekaligus meningkatkan kualiti hidup komuniti.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri Terengganu dengan kerjasama Kerajaan Pusat telah memberikan bantuan kepada komuniti Pulau Perhentian melalui insentif tertentu bagi meningkatkan kemajuan dalam sosial komuniti. Pelbagai kemudahan infrastruktur telah dibina bagi memudahkan segala urusan yang ingin dilakukan. Kemudahan-kemudahan yang disediakan termasuklah jeti, bekalan elektrik, bekalan air paip, balai polis, sekolah, surau, balai raya dan lain-lain. Proses pembangunan pelancongan yang dilakukan turut membawa kepada

pertambahan dalam bekalan keperluan harian di mana komuniti tidak perlu lagi berulang alik untuk mendapatkan barang keperluan harian. Semakin banyak kedai runcit dan kedai barang keperluan yang dibina hasil dari program pembangunan pelancongan. Kesannya turut terkena kepada pelancong, di mana mudah bagi mereka mendapatkan barang-barang keperluan harian di Pulau Perhentian sendiri tanpa perlu ke tanah besar.

Rajah 3.3 : Bot Yang Digunakan Sebagai Teksi Air Dan Juga Bagi Tujuan Aktiviti Maritim.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

### **3.5.2 Pembaharuan Peningkatan Nilai Budaya**

Komuniti setempat di Pulau Perhentian secara umumnya tidak begitu terdedah dengan tanah besar kerana mereka lebih memfokuskan kepada aktiviti seharian dan kegiatan perekonomian di dalam kawasan pulau sahaja. Untuk waktu-waktu tertentu mereka akan ke tanah besar bagi melakukan sesuatu urusan seperti keperluan harian, urusan kerajaan, urusan pendidikan dan lain-lain lagi.

Selebihnya mereka berada di pulau dan melakukan aktiviti sehari-hari tanpa gangguan. Hal ini menyebabkan pemikiran dan nilai budaya mereka hanya terdedah dan berpaksi pada komuniti sedia ada sahaja. Sehubungan itu, pembangunan pelancongan memberikan pendedahan kepada komuniti setempat mengenai dunia luar. Dari satu aspek mungkin ada kesan negatifnya terhadap nilai budaya namun, kedatangan pelancong mampu untuk membuka minda sesetengah penduduk dalam konteks tanggapan dan juga persepsi pada dunia luar.

Pelancong yang datang berkomunikasi dengan komuniti setempat dan bertukar-tukar pandangan dalam pelbagai perkara. Kesannya, komuniti setempat merasa bangga terhadap warisan yang mereka miliki dan pelihara setelah sekian lama. Mereka merasakan kegiatan sosial, perekonomian, malah budaya yang sedia ada perlu diteruskan dan dipelihara bagi meneruskan kesinambungan untuk generasi masa depan untuk tatapan pelancong.

Jadual 3.4: Kedatangan Pelancong Asing Menyebabkan Peningkatan Dalam Komunikasi Antara Pelancong Dan Komuniti.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah	Peratusan Terkumpul %
SETUJU	150	60.0	60.0	60.0
SANGAT SETUJU	100	40.0	40.0	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Berdasarkan Jadual 3.4, 60% komuniti berpendapat mereka setuju bahawasanya kedatangan pelancong asing menyebabkan peningkatan dalam komunikasi antara pelancong dan komuniti dan 40% lagi sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Aktiviti pembangunan pelancongan juga mampu mengubah pemikiran, cara tindakan, dan juga pendidikan komuniti setempat supaya meneruskan kehidupan dalam arus pembangunan moden. Penduduk Pulau Perhentian menerima kedatangan pelancong dari jenis domestik dan juga antarabangsa. Pertukaran nilai dan budaya mendedahkan komuniti setempat dengan perkara dan pemikiran baru terhadap dunia luar, secara tidak langsung membuatkan mereka memperolehi imput tentang dunia luar dan tidak hanya terperap mindanya dalam konteks komuniti sedia ada sahaja.

### **3.5.3 Kemudahan dan Infrastruktur**

Program pembangunan pelancongan telah terbukti meningkatkan taraf ekonomi masyarakat dan negara. Hasil daripada program pelancongan ini telah membantu kerajaan dalam menyediakan insfrastruktur dan kemudahan kepada pelancong serta komuniti setempat dengan lebih baik. Hasil pendapatan disalurkan kembali kepada penduduk dan pelancong dalam bentuk penyediaan prasarana yang lebih efisyen dan baik. Tambahan lagi, kedatangan pelancong ke sesebuah destinasi pelancongan akan mewujudkan permintaan terhadap infrastruktur dan kemudahan bagi menampung kehendak pelancong. Oleh itu, kemudahan infrastruktur (jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik dan sistem telekomunikasi), kemudahan masyarakat (sekolah, pusat kesihatan, pusat

keagamaan, dewan) dan kemudahan pelancongan (taman rekreasi, tapak perkelahan) disediakan di destinasi pelancongan terutama di kawasan luar bandar.

Di Pulau Perhentian, hasil daripada program pembangunan pelancongan, komuniti setempat secara tidak langsung menerima dan menikmati hasil pembangunan yang dilaksanakan. Penduduk Pulau Perhentian menerima infrastruktur dan kemudahan masyarakat yang berkualiti akibat pembangunan pelancongan yang dijalankan. Pembangunan yang dijalankan adalah bagi menampung permintaan pelancong yang datang ke Pulau Perhentian, namun secara tidak langsung telah memberi keselesaan kepada komuniti setempat melalui strategi serampang dua mata kerajaan Negeri Terengganu.

Syarat penyediaan prasarana mengikut perancangan yang telah digariskan oleh kerajaan negeri mestilah prasarana tersebut dalam keadaan baik. Sehubungan itu, dengan keadaan komuniti yang mesra pelancong, sistem pengangkutan yang efisyen, kualiti perkhidmatan yang baik, galakan dan promosi yang berterusan serta penganjuran acara-acara pelancongan dalam negeri adalah antara faktor yang membantu meningkatkan purata hari penginapan pelancong asing kepada 6 hari dan pelancong domestik pada 5.5 hari (2007 : 4.6 hari & 3.1 hari). Melalui pertambahan bilangan hari penginap pelancong juga menggalakkan kepada peningkatan jumlah perbelanjaan pelancong tempatan kepada RM350.00 seorang dan pelancong asing sebanyak RM500.00 seorang pada penghujung 2013 berbanding pada tahun (2008 : RM200.00 & RM330.00). Perbandingan jumlah kedatangan pelancong dapat dilihat melalui Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Perbandingan Jumlah Kedatangan Pelancong Dari 2004-2013.

TAHUN	PELANCONG DOMESTIK	PELANCONG ASING	JUMLAH	PERATUS PERBANDINGAN TAHUN SEBELUM
2004	1,418,141	162,826	1,580,967	14.3%
2005	1,624,726	197,952	1,822,678	15.3%
2006	2,061,486	238,893	2,300,379	26.2%
2007	2,572,299	295,084	2,867,383	24.6%
2008	3,147,873	380,281	3,528,154	23.0%
2009	2,963,250	341,526	3,304,776	7%
2010	2,528,035	287,149	2,815,184	17%
2011	2,587,735	578,476	3,166,211	12%
2012	2,768,876	607,399	3,376,275	7%
2013	3,229,704	807,426	4,037,130	19%

Sumber: UPEN Terengganu.

### 1. Kemudahan asas

Peningkatan dalam pendapatan melalui aktiviti pelancongan di Pulau Perhentian telah meyakinkan kerajaan Negeri Terengganu untuk terus melabur dalam kegiatan pembangunan pelancongan. Kegiatan pembangunan pelancongan ini diterjemahkan dengan pembinaan kemudahan asas dan infrastruktur asas yang boleh dikatakan hampir setaraf dengan tanah besar. Hal ini membuktikan Pulau Perhentian tidak lagi terkebelakang dari sudut infrastrukturnya seperti yang ada di tanah besar. Peningkatan dalam program pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian telah memberi kemudahan kepada dua pihak iaitu komuniti setempat dan juga pelancong yang datang di mana hampir kesemua kemudahan awam di Pulau Perhentian terletak di kawasan petempatan penduduk, iaitu di Pulau Perhentian Kecil.

Jadual 3.6: Kemudahan Asas di Kg. Pasir Hantu, Pulau Perhentian (2015).

Jenis kemudahan	Bilangan	Keterangan
Masjid	2	Masjid Lama, Kapasiti: 500 Jemaah Masjid Baru, Kapasiti : 800 Jemaah
Klinik	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taraf Pusat Kesihatan</li> <li>• Wanita bersalin dan kecederaan ringan</li> <li>• Staf : 3 orang * 1 Pemandu bot</li> <li>• Bot : 1 buah</li> </ul>
Balai Polis	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taraf Pondok Polis</li> <li>• Staf : 3 orang pegawai</li> </ul>
Balai Bomba	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taraf Pondok Bomba</li> <li>• Sukarela Sahaja</li> <li>• Ahli : 60 orang (majoriti pemandu bot)</li> </ul>
Sekolah Rendah	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru 18 Orang</li> <li>• Pelajar (144 orang) –Darjah 1-6</li> </ul>
Tadika	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru 1 Orang</li> <li>• Pelajar (34 orang)</li> </ul>
Kedai Runcit	8	-
Kedai Makan	15	-
Chalet	8	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang Kampung 6</li> <li>• Orang Luar 2</li> </ul>
Stesen Minyak	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengusaha (3 Orang)</li> </ul>
Wifi Kampung	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan KKLW</li> </ul>
Pentas Terbuka	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kapasiti : 10 orang pada satu masa</li> </ul>
Padang Bola Pantai	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bola sepak pantai dan bola tampar pantai</li> <li>• Acara sukan tahunan</li> </ul>

Tandas awam	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelolaan Pihak Sekolah</li> </ul>
Astaka	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kapasiti 10 orang</li> <li>• Di bawah Jabatan Pembangunan Persekutuan.</li> </ul>

Sumber: Kajian Lapangan, 2015.

Selain itu, komuniti turut menikmati beberapa kemudahan lain seperti bekalan elektrik yang disediakan kerajaan, bekalan air paip, wakil pos, bomba rakyat dan juga kawasan perkuburan. Memandangkan tiadanya jalan darat untuk kemudahan mereka berulang alik dari Pulau Perhentian Kecil dan Pulau Perhentian Besar serta Tanah Besar maka bot menjadi kenderaan utama penduduk untuk berulang alik sekiranya ada aktiviti yang memerlukan mereka untuk pergi dan balik.

Rajah 3.4 : Klinik Kesihatan.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Rajah 3.5 : Tanah Yang Boleh Dibangunkan Dan Kemudahan Infrastruktur Di Kampung Pasir Hantu.



Sumber : Laporan Akhir Perhentian Ecotourism Plan, 2015.

## 2. Kemudahan Pelancong

Bagi memberi keselesaan dan kemudahan pelancong, kerajaan negeri melalui kerjasama pihak swasta dan juga kerajaan persekutuan telah menyediakan kemudahan-kemudahan sokongan terhadap sektor pelancongan yang ternyata mempunyai potensi besar dalam untuk memberikan hasil ekonomi yang tinggi. Sehubungan itu, kerajaan telah mewujudkan kerjasama erat dengan pihak swasta dan juga komuniti setempat dalam menjayakan aktiviti berkaitan bagi memberikan kemudahan kepada pelancong dan juga komuniti setempat. Kerjasama wujud dalam bentuk memberi pinjaman dan juga kursus tertentu untuk memberi pengetahuan kepada penduduk tentang kegiatan pembangunan pelancongan. Penduduk turut diberi penerangan berkenaan dengan kemudahan

untuk para pelancong. Kebanyakan kemudahan asas yang disediakan untuk penduduk, adalah juga untuk kegunaan para pelancong seperti elektrik, air, klinik dan lain-lain lagi. Namun begitu, terdapat beberapa jenis kemudahan yang masih tiada di Pulau Perhentian iaitu bank perdagangan, pejabat pos, mesin ATM, dan perkhidmatan doktor perubatan terlatih.

Dari sudut bekalan air bersih kepada komuniti pulau-pula, bermula tahun 1999, Projek Bekalan Air di Pulau Perhentian telah mula beroperasi di mana iaanya disalurkan kepada semua pengusaha chalet di Pulau Perhentian Besar dan perkampungan, namun di Pulau Perhentian Kecil mereka masih belum mendapat saluran air bersih tersebut sebaliknya terpaksa mendapatkan air dari sumber bawah tanah di kawasan masing-masing. Hal ini kerana bagi proses penyaluran air bersih ke kedua-dua kawasan iaitu Pulau Perhentian Kecil dan Pulau Perhentian Besar iaanya menelan kos yang sangat besar dan kerajaan masih mencari alternatif terbaik untuk menyelesaikan masalah ini.

Sementara itu, dari aspek penggunaan elektrik, bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) hanya terdapat di Pulau Perhentian Kecil dengan perkhidmatan 24 jam. Bagi kawasan pelancongan pula pengusaha perlu menggunakan generator sendiri untuk menyediakan bekalan elektrik yang telah menyebabkan pengusaha tidak dapat menyediakan bekalan elektrik secara 24 jam. Aspek pengangkutan, penggunaan laut sebagai medium pengangkutan utama di buat secara menyeluruh di antara Pulau Perhentian dengan tanah besar. Hal ini kerana antara kedua-dua tempat ini tidak wujud satu rangkaian jalan raya

mahupun jambatan untuk menghubungkan mereka. Jadi jalan terbaik adalah melalui laut dan kemudahan jeti. Terminal jeti pelancongan utama telah dibangunkan di Kuala Besut dan mula beroperasi pada awal 1998. Jeti ini menjadi medium utama pergerakan pelancong menaiki bot ke Pulau Perhentian. Kemudahan yang ada di jeti ini adalah seperti kaunter tiket, jualan barang-barang kraf tangan, cenderahati, kedai makan dan sebagainya.

Jadual 3.7: Jumlah Jeti di Pulau Perhentian.

PULAU PERHENTIAN	JUMLAH JETI
Pulau Perhentian Kecil	2 Buah Jeti
Pulau Perhentian Besar	3 Buah Jeti 2=Teluk Keke 1=Teluk Pauh

\*Terdapat sebuah jeti di kawasan perkampungan yang dibina melalui peruntukan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia.

Sumber: Kajian Lapangan (2015).

Sistem perhubungan darat di kawasan petempatan dan kawasan pelancongan ialah laluan pejalan kaki berbentuk *slab* dan *catwalk*. Cadangan telah dibuat untuk menambah bilangan jeti dan laluan pejalan kaki berbentuk *catwalk*.

Peningkatan ketara dalam kedatangan pelancong ditunjukkan pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2013, kedatangan pelancong secara keseluruhannya adalah sebanyak 4,037,130 orang berbanding 3,376,275 orang pada tahun 2012. Hal ini kerana kesungguhan kerajaan negeri Terengganu dalam melakukan promosi pelancongan melalui Tahun Melawat Terengganu 2013.<sup>74</sup>

Peningkatan dalam kehadiran pelancong membuka ruang kepada pihak kerajaan untuk menyediakan prasarana yang lebih baik. Prasarana yang cukup, lengkap dan baik akan memberi persepsi baik Pulau Perhentian kepada pelancong. Sehubungan itu kajian dilakukan terhadap penduduk asal Pulau Perhentian. Salah satu soalan berkaitan infrastruktur yang ditanya adalah seperti Jadual 3.8 di bawah.

Jadual 3.8: Adakah Pembinaan Infrastruktur (Jeti, Pusat Peranginan) Mengganggu Mata Pencarian.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah%	Peratusan Terkumpul %
SANGAT TIDAK SETUJU	40	16.0	16.0	16.0
TIDAK SETUJU	166	66.4	66.4	82.4
SETUJU	44	17.6	17.6	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Merujuk kepada Jadual 3.8 di atas, soalan yang dikemukakan adalah “Adakah pembinaan infrastruktur yang berkaitan dengan pelancongan maritim seperti jeti-jeti dan pusat peranginan mengganggu mata pencarian mereka?”. Dari 250 orang responden terpilih, sebanyak 66.4% daripadanya menyatakan tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini boleh disimpulkan sebagai langkah pembangunan pelancongan yang dijalankan oleh kerajaan melalui penyediaan infrastruktur menambahkan lagi kemudahan urusan harian dan menambah mata pencarian penduduk. Mereka bersetuju dengan pembinaan infrastruktur akan

menarik lebih ramai pelancong untuk ke Pulau Perhentian. 16% daripada mereka menyatakan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini dan hanya 17.6% bersetuju dengan pernyataan. Melalui kajian dan penelitian, golongan yang bersetuju pembinaan infrastruktur seperti jeti dan pusat peranginan mengganggu mata pencarian mereka kerana kawasan yang sepatutnya menjadi tempat mereka mencari rezeki diganti dengan jeti, chalet dan resort. Hal ini menyebabkan lokasi mereka mencari rezeki terpaksa berpindah ke lokasi lain.

Bagi menjaga keselesaan dan keindahan kawasan pelancongan, Majlis Daerah Besut (MDB) telah mengambil langkah untuk mejudkan perkhidmatan pungutan sampah bermula 1997 namun terpaksa ditamatkan pada 2000 kerana perkhidmatan ini menelan belanja yang sangat tinggi. Pemberong sampah atau logistik akan memungut sampah di Pulau Perhentian dan dibawa ke tanah besar untuk dilupuskan. Bagi menyelesaikan masalah pungutan sampah ini bermula tahun 2001 pihak Majlis Daerah Besut dengan kerjasama kerajaan negeri telah mengadakan pertemuan dengan komuniti setempat untuk mencari penyelesaian bagi proses logistik dan pungutan sampah di kawasan pulau. Hasil dari perbincangan itu telah timbul satu keputusan dengan pihak pengusaha chalet bersetuju untuk memberikan sumbangan supaya perkhidmatan ini dapat diteruskan seperti biasa. Sehingga kini, dengan wujudnya kerjasama antara pengusaha chalet dan pihak Majlis Daerah, program logistik dan pungutan sampah oleh kontraktor terpilih telah berjalan seperti sedia kala.

### **3.5.4 Pendidikan**

Pendidikan merupakan salah satu aspek penting dalam menentukan sosial masyarakat. Hal ini berkait rapat dengan Pelan Hala Tuju (GTP) Malaysia yang memperlihatkan kesungguhan kerajaan dalam meningkatkan taraf pendidikan dan pencapaian pelajar selaras dengan pembangunan demi mencapai Wawasan 2020. Sistem persekolahan dan sistem sosial diselaraskan supaya komuniti tidak tercicir dan menikmati pendidikan secara menyeluruh.<sup>75</sup> Selaras dengan itu, kerajaan Negeri Terengganu turut mengambil inisiatif bagi mempertingkat taraf pendidikan di negeri Terengganu melalui perlaksanaan dasar pelancongan dan perkhidmatan. Bagi Pulau Perhentian, hanya terdapat sebuah sekolah sahaja yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan ianya sekolah rendah harian iaitu Sekolah Rendah Pasir Hantu. Hanya sebuah sekolah yang dibina berikut daripada kapasiti penduduk yang tidak begitu ramai. Sekiranya tamat sekolah rendah pelajar akan menyambung pelajaran di sekolah menengah yang terletak di tanah besar.

Jadual 3.9: Statistik Guru Sekolah Rendah Pulau Perhentian.

<b>Jumlah Guru</b>	<b>18</b>
Lelaki	14
Perempuan	4

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Jadual 3.10: Jumlah murid.

Murid Darjah 1	23
Murid Darjah 2	19
Murid Darjah 3	23
Murid Darjah 4	24
Murid Darjah 5	31
Murid Darjah 6	24
<b>Jumlah</b>	<b>144</b>

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Melalui kajian yang dijalankan terdapat lebih kurang 18 orang guru yang mengajar di Sekolah Rendah Pulau Perhentian. Seramai 14 darinya adalah lelaki dan 4 orang adalah guru wanita. Sementara itu jumlah keseluruhan pelajar adalah 144 orang pelajar. Di samping sekolah rendah, terdapat juga sebuah sekolah tadika yang dibina dan mempunyai murid seramai 34 orang dan seorang tenaga pengajar. Rujuk Jadual 3.11.

Jadual 3.11: Maklumat Lengkap Sekolah Di Pulau Perhentian.

<b>KOD DAN NAMA SEKOLAH</b>	Tba0008 – Sk Pulau Perhentian
<b>ALAMAT</b>	Kampung Pulau Perhentian, Besut , 22300 Terengganu.
<b>PPD</b>	Ppd Besut
<b>STATUS</b>	Beroperasi
<b>NO TELEFON</b>	096911822
<b>NO FAX</b>	096911821
<b>SESI</b>	Pagi Sahaja
<b>JENIS BANTUAN</b>	Sekolah Kerajaan
<b>JENIS MURID</b>	Lelaki Dan Perempuan
<b>BAHASA PENGANTAR</b>	Bahasa Melayu
<b>JENIS ASRAMA</b>	Asrama Lelaki Dan Perempuan

Sumber: <http://emisportal.moe.gov.my/>

Melalui dasar pelancongan dan perkhidmatan negeri Terengganu seperti yang telah dirangka oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN), beberapa nilai kependidikan telah dimasukkan dalam sektor pelancongan iaitu, “...memupuk kesedaran kepentingan pelancongan dari peringkat awal melalui penubuhan kelab-kelab pelancongan di sekolah. Melalui cara ini pendedahan awal dalam kalangan pelajar dapat dipupuk agar mempunyai tahap kesedaran pentingnya industri pelancongan dan dapat menimbulkan minat meneruskan karier dalam industri pelancongan.”<sup>76</sup>

Seperti sekolah-sekolah kerajaan yang lain, prasarana dan kemudahan yang ada di sekolah ini boleh dikatakan lengkap seperti meja tulis, kerusi, tandas, surau, asrama, kipas dan sebagainya. Kemudahan ini merupakan salah satu daripada medium alat bantu belajar yang memberi keselesaan kepada pelajar. Surau disediakan sebagai tempat untuk belajar asas-asas agama dan kelas seperti FARDHU AIN turut dilaksanakan bagi membentuk sosial pelajar supaya lebih terkawal.

Kemudahan terbaru yang disediakan oleh kerajaan adalah kemudahan komputer untuk mendedahkan pelajar kepada alam siber. Hal ini memandangkan penduduk di Pulau Perhentian boleh dikatakan sedikit terkebelakang dari sudut akses kepada dunia siber dan jalur lebar. Langkah ini dilihat akan mampu mendedahkan pelajar kepada internet dan juga alam siber yang semakin penting pada zaman ini. Terdapat sebahagian pelajar yang telah menamatkan pelajaran pada peringkat Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) namun tidak

menyambung pelajaran di peringkat menengah di tanah besar. Beberapa masalah dikenalpasti seperti masalah kewangan dan kurang galakan daripada ibu bapa. Ada sesetengah ibu bapa yang mahukan anak mereka meneruskan rutin hidup mereka dan tidak menggalakkan untuk menyambung pelajaran.

Namun begitu, secara keseluruhannya, tahap kesedaran terhadap pendidikan oleh komuniti Pulau Perhentian adalah boleh dikatakan semakin meningkat. Hal ini kerana, pemikiran anak-anak yang terkedepan akan dapat membantu mengubah persepsi ibu dan bapa dan komuniti Pulau Perhentian terutamanya dalam aspek sosial dan ekonomi mereka. Perubahan ini akan mampu menjana taraf hidup mereka yang lebih tinggi terutamanya apabila anak-anak mereka mula terdedah dengan aktiviti perekonomian dan mula mengaplikasi ilmu yang dipelajari untuk memajukan diri, keluarga dan komuniti di Pulau Perhentian.

Rajah 3.6 : Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Perhentian.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

### **3.5.5 Struktur Sosial dan Organisasi Komuniti**

Komuniti Pulau Perhentian seperti juga komuniti lain di Malaysia memerlukan struktur dan organisasi soal untuk memudahkan kehidupan sehariannya mereka. Struktur organisasi sosial ini akan membantu perjalanan sehariannya penduduk dan memudahkan akses penduduk dengan komuniti luar daripada kepulauan terutamanya bagi tujuan bantuan pembangunan, ekonomi, sosial, dan pelbagai lagi. Hasil kajian dan penyelidikan telah berjaya menggariskan beberapa struktur yang dibentuk sendiri oleh komuniti di Pulau Perhentian melalui penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK).

Jadual 3.12: Struktur Organisasi Jawatankuasa Kemajuan Kampung Pasir Hantu.

JAWATAN	NAMA
Pengerusi	Zainuddin B. Mohammad
Timbalan Pengerusi	Ali Akhbar B. Abd Rahman
Setiausaha	Rozita Aslina Bt. Rahma
Bendahari	Nik Zawawi B. Md Nor
Biro Keagamaan	Mohammad B. Ismail
Biro Kecerian dan Kebersihan	Mohd Karim B. Daid
Biro Ekonomi dan Pelancongan	Mohd Zaki B. Abd Razak
Biro Belia dan Sukan (Biro Baru)	Nor Hisyam B. Mohammad
Biro Kesihatan	Mohd Sabki B. Mohammad
Biro Kebudayaan	Zarah Bt. Deraman
Biro Pertanian	Md Zaid B. Mustaffa
Biro Wanita	Masitah Bt. Rahman
Biro Kebajikan dan Keselamatan	Zainuddin B. Mohammad
Ahli JKKK	<ol style="list-style-type: none"><li>Che Jah Bt. Che Mat</li><li>Che Rahman B. Che Hassan</li><li>Mohammad B. Abdullah</li><li>Nik Azman B. Nasir</li></ol>

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Berdasarkan Jadual 3.8 kajian menunjukkan sememangnya wujud struktur pengurusan yang begitu rapi dalam kalangan komuniti. Mereka ini telah diberi mandat oleh komuniti setempat untuk melaksanakan tugas berbentuk pengurusan terhadap kebajikan dan aktiviti penduduk. Apa yang istimewa kebanyakannya biro yang ditubuhkan dan jawatankuasa yang dilantik mempunyai kaitan secara langsung dengan aktiviti pelancongan memandangkan sumber pendapatan utama mereka adalah berdasarkan kepada aktiviti pelancongan. Walaupun ada diantara ahli JKK yang menjaga biro atau bidang lain tapi kegiatan pelancongan masih menjadi nadi dan aktiviti utama mereka.

Perkembangan dan pembangunan yang wujud dalam aktiviti pelancongan di dalam komuniti Pulau Perhentian telah menyebabkan wujudnya inisiatif dalam membentuk kegiatan berpersatuan. Hasil kajian yang dijalankan telah menemuramah dan mengkaji bentuk persatuan yang wujud selari dengan perkembangan pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian. Persatuan pertama adalah Perhentian Ladies Association (PILA). Persatuan ini dipengerusikan oleh Puan Siti Kartini Bt. Abd. Ghani dan mempunyai ahli seramai 30 orang. Antara aktiviti yang dijalankan adalah tempahan makanan dan minuman melalui kerjasama dengan Ecoteer untuk latihan memasak/kuih. Selain itu, persatuan ini turut memiliki kedai makanan sendiri di bangunan D'Mara berdekatan dengan jeti

utama kampung Pasir Hantu. Mereka juga turut melakukan kerja seperti jahitan pakaian, dobi, sewaan bot, jual buahan, gunting rambut dan barang runcit.<sup>1</sup>

Jadual 3.13: Jantina Dan Pekerjaan Yang Dilakukan.

<b>JANTINA</b>	<b>PEKERJAAN</b>			<b>TOTAL</b>
	<b>KERAJAAN</b>	<b>SWASTA</b>	<b>SENDIRI</b>	
LELAKI	2	36	131	169
PEREMPUAN	0	30	51	81
<b>TOTAL</b>	<b>2</b>	<b>66</b>	<b>182</b>	<b>250</b>

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Menurut kajian, daripada 250 orang responden seramai 81 orang daripadanya adalah golongan wanita. 30 daripadanya terlibat dalam pekerjaan sektor swasta dan 51 orang adalah pekerja dalam sektor sendiri. Dalam membincangkan soal pekerjaan golongan wanita, PILA merupakan organisasi penting dalam membentuk komuniti wanita bekerjaya kerana asasnya bagi golongan wanita komuniti setempat mendapatkan pendedahan pekerjaan melalui PILA. Hasil temuramah dengan Pn. Zaimah Bt. Hussin (Kak Mah), menyatakan beliau mula berjinak dalam organisasi sosial bermula 15 tahun lalu dan telah banyak mendapat manfaat daripadanya program-program yang diakan terutamanya dengan memberi pendedahan terhadap sektor pekerjaan yang beliau jalankan sekarang iaitu peniaga makanan di Kg Pasir Hantu.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Temuramah dilakukan bersama Puan Siti Kartini Abdul Ghani, Pengurus PILA pada 1 November 2015.

<sup>2</sup> Temuramah dilakukan bersama Pn. Zaimah Bt Hussin yang merupakan antara golongan terawal mendapat manfaat dari organisasi sosial yang dibentuk iaitu PILA.

Persatuan kedua adalah Koperasi Berjaya Kampung. Persatuan ini diketuai oleh En. Seman B. Muda. Bilangan ahli yang menyertai koperasi ini adalah seramai 280 orang. Koperasi ini ditubuhkan bertujuan memberi kesepakatan dalam perancangan terhadap aktiviti sehari-hari penduduk termasuklah sektor pelancongan. Antara aktiviti yang di bawah koperasi adalah gerai-gerai jualan kecil bagi membantu penduduk menambahkan pendapatan harian mereka. Selain itu, koperasi turut berperanan dalam menguruskan tempat pemprosesan ais batu untuk keperluan pulau. Koperasi turut mendapat dana awal daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebanyak RM200,000. Koperasi ini juga dalam proses untuk membuat tempat penyimpanan barang sejuk beku terutamanya dalam menghadapi musim tengkujuh.<sup>3</sup>

Persatuan seterusnya adalah Persatuan Belia Samudera yang diketuai oleh Ketua Kampung sendiri iaitu En. Zainuddin B.Mohammad. persatuan ini mempunyai ahli seramai 60 orang. Persatuan belia ini lebih melibatkan aktiviti bersama JKKK dalam menyelia dan membuat kursus-kursus awal kepada anak muda di pulau. Contohnya kursus pendawaian dengan kerjasama Politeknik Malaysia. Kursus ini berupa pendedahan dalam memberi kemahiran kepada penduduk terutamanya anak muda. RELA turut ditubuhkan selaras dengan RELA Malaysia. RELA Pulau Perhentian di ketuai oleh En. Ali Akhbar B. Abd Rahman dan disertai oleh seramai 60 orang penduduk dari pelbagai lapisan umur. RELA

---

<sup>3</sup> Temuramah dilakukan bersama JKK Pasir Hantu, Pulau Perhentian pada 1 November 2015.

berfungsi sebagai peronda pulau dan membantu pihak Polis tempatan dalam keskes tertentu. RELA turut menjalankan aktiviti rondaan sukarela bagi menjaga keamanan kampung yang dijalankan secara bergilir-gilir.

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) juga merupakan salah sebuah persatuan yang baru sahaja ditubuhkan pada 2014 di Pulau Perhentian. JPAM ditubuhkan dalam menghadapi pelbagai kemungkinan bencana dan keselamatan melibatkan pantai. Rondaan secara rasmi bermula pada 1 September 2014. Persatuan seterusnya adalah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang diketuai oleh Ketua Kampung En. Zainuddin. Rondaan kawasan kampung dilakukan oleh KRT pada setiap malam terutamanya selepas jam 12 tengah malam. Namun rondaan pulau dijalankan pada 2 kali seminggu. Ahli KRT adalah seramai 115 orang. Persatuan yang seterusnya mempunyai ahli yang paling ramai iaitu Persatuan Pemandu Bot dan Teksi Air Pulau Perhentian. Persatuan ini selari dengan kegiatan utama penduduk yang berkait rapat dengan aktiviti pembangunan pelancongan. Ahlinya adalah seramai 300 orang. Persatuan ini menguruskan hampir kebanyakan aktiviti keluar masuk pelancong dan penduduk dari Tanah Besar ke Pulau Perhentian. Dengan inisiatif dari persatuan ini, seramai 200 orang telah mempunyai lesen dalam pengendalian bot dan teksi air membolehkan kegiatan pelancongan dilakukan secara lebih efisyen dan menggalakkan kedatangan pelancong ke Pulau Perhentian.

Seterusnya adalah Persatuan Nelayan yang diketuai oleh En. Seman B. Muda. Persatuan ini mempunyai ahli seramai 20 orang. Mereka inilah yang

banyak membekalkan sumber ikan segar kepada penduduk dan juga lebahan untuk dijual ke Tanah Besar. Selain itu, mereka turut terlibat dalam kegiatan pelancongan secara tidak langsung di mana melalui kerjasama dengan pihak Chalet dan Resort, bagi pelancong yang ingin melakukan aktiviti perikanan dalam skala yang kecil dan melalui program ‘*cash and release*’ mereka akan mendapatkan bantuan nelayan. Sekaligus membantu nelayan menambahkan pendapatan mereka. Penduduk Pulau Perhentian turut melibatkan diri dalam aktiviti politik melalui persatuan UMNO Cawangan Pulau Perhentian. Persatuan ini disertai oleh seramai 250 orang ahli diketuai oleh En Zainuddin iaitu ketua kampung sendiri.<sup>4</sup>

Rajah 3.7 : Perhentian Island Ladies Assosiations.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

<sup>4</sup> Temuramah dilakukan bersama Jawatankuasa Kerja Kampung (JKK) Pasir Hantu pada 1 November 2015.

### **3.6 Impak Negatif Pembangunan Pelancongan Terhadap Sosial Komuniti Pulau Perhentian**

Pembangunan terhadap komuniti dikatakan tidak berada dalam keadaan harmoni dan stabil sekiranya wujud kesan negatif terhadap sesebuah komuniti. Penampilan pola tingkah laku yang tidak selari dengan norma setempat oleh sebilangan anggota komuniti dianggap elemen negatif atau dikenali sebagai elemen permasalahan sosial kepada komuniti berkenaan. Kewujudan elemen seperti ini akan mengganggu keharmonian dan dalam jangka masa panjang ia dianggap boleh mengancam kestabilan dalam hubungan komuniti. Mengikut pandangan *anthropologist*, antara faktor yang mempengaruhi wujudnya masalah ini dalam sebuah komuniti adalah apabila anggotanya cuba mengamalkan unsur budaya lain yang diperolehi akibat pertembungan budaya mereka dengan budaya asing. Situasi ini sering berlaku apabila sebuah komuniti mengalami proses pembangunan dan lebih terbuka kepada kehadiran masyarakat luar, sama ada melalui perkembangan industri pelancongan ataupun melalui konteks lain.<sup>77</sup>

Kemasukan pelancong asing ke destinasi pelancongan mewujudkan pertembungan atau silang budaya dengan komuniti di Pulau Perhentian. Pelancong asing yang datang melakukan beberapa aktiviti yang tidak sesuai dengan budaya komuniti setempat. Hal ini memberi kesan yang cukup berbahaya terhadap sosial masyarakat setempat di pulau ini terutamanya dari sudut pegangan agama dan nilai kebudayaan. Secara umumnya masalah sosial yang wujud di Pulau Perhentian berkaitan dengan dua perkara utama iaitu perkembangan

industri pelancongan di pulau berkenaan dan kedatangan pelancong asing terutamanya dari barat yang membawa unsur-unsur budaya negatif.

### **3.6.1 Komuniti Terpinggir Daripada Pembangunan**

Pembangunan destinasi pelancongan yang didominasi oleh pelabur asing menyumbangkan kesan negatif terhadap komuniti setempat. Kesan-kesan positif yang disumbangkan pelancongan seperti peluang pekerjaan dan pendapatan tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh komuniti setempat. Matlamat pelabur asing dan pemaju adalah untuk memperolehi keuntungan berlipat ganda hasil daripada pelaburan yang dijalankan. Komuniti setempat tidak diberikan peluang untuk menceburi bidang pelancongan terutamanya golongan bawahan kerana tidak mempunyai pendidikan dan juga tahap pendidikan yang rendah, kekurangan pengalaman dan juga modal.

Kesannya, tiada perubahan berlaku terhadap sosio ekonomi komuniti setempat dan mereka terus dibelenggu dengan kemiskinan. Selain itu, penduduk terpaksa bersaing dengan pemaju luar yang mempunyai modal jauh lebih besar menyebabkan beberapa kawasan Chalet yang dibina penduduk terbengkalai ditambah pula dengan kos penyelenggaraan yang tinggi menyebabkan berlaku peminggiran terhadap komuniti setempat yang mampu sepatutnya untuk bersaing.

Rujuk Rajah 3.8.

Rajah 3.8 : Sebahagian Chalet Yang Dibina Penduduk Rosak Akibat Kekurangan Modal Untuk Pengurusan.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

### **3.6.2 Kesesakan Dan Gangguan Kepada Komuniti**

Kedatangan pelancong ke sesebuah destinasi berteraskan warisan kebudayaan dan keindahan alam bertujuan untuk melihat dan mengetahui cara hidup sehari-hari sesuatu komuniti dan menikmati keindahan alam yang berada di sekitar komuniti. Begitu juga dengan komuniti di Pulau Perhentian, walaupun pelancong datang untuk menikmati keindahan alam yang ada mereka turut melihat kepada norma dan cara hidup komuniti setempat yang unik. Walau bagaimanapun, kemasukan pelancong yang tidak terkawal dan secara kerap menyebabkan komuniti setempat terpaksa menerima kehadiran tetamu secara berterusan sepanjang tahun. Kesesakan dari sudut kedatangan pelancong ini menimbulkan suasana kurang selesa dan mengganggu norma hidup sehari-hari terutamanya dari sudut ‘*privacy*’ mereka dalam menjalankan aktiviti sehari-hari. Boleh dikatakan hampir setiap hari perlakuan komuniti Pulau Perhentian dilihat

dan disaksikan oleh pelancong. Hal ini menimbulkan rasa kurang selesa penduduk dan memberikan kesan kepada suasana ketenangan dalam komuniti.

### **3.6.3 Masalah Sosial**

Kesan sosial atau masalah sosial yang berlaku di Pulau Perhentian merupakan senario sama yang berlaku di mana-mana bidang terutamanya yang melibatkan pembangunan. Dalam konteks Pulau Perhentian, program pembangunan pelancongan turut memberikan kesan negatif terhadap sosial komuniti setempat. Perkembangan kemajuan pulau ini dari sebuah perkampungan nelayan kepada salah satu destinasi pelancongan terkenal di rantau ini telah membawa banyak perubahan kepada komuniti setempat terutamanya dari aspek sosial. Perkembangan yang berlaku ini dianggap sebagai sesuatu yang serius oleh Kerajaan Negeri Terengganu lebih-lebih lagi ‘*trend*’ masalah ini berkembang dengan cepat dan atas-asas norma masyarakat yang semakin lemah.

Jadual 3.14: Adakah Penduduk Menerima Kesan Dari Masalah Sosial Yang Berlaku?

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
YA	91	36.4	36.4	36.4
TIDAK	159	63.6	63.6	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Jadual 3.14, menunjukkan hasil soal selidik yang dijalankan terhadap komuniti asal Pulau Perhentian. Hasil yang diperoleh adalah menunjukkan yang 36.4% daripada penduduk bersetuju bahwasanya mereka menerima kesan secara langsung terhadap masalah sosial yang berlaku dengan kehadiran pelancong. Konflik sosial yang berlaku di Pulau Perhentian boleh diuraikan dalam bentuk dua hala iaitu penduduk dan pelancong. Bagi sesetengah pengkaji, masalah ini wujud kerana berlakunya interaksi secara langsung di antara pelancong yang diistilah sebagai ‘tetamu’ (*guest*) dengan mereka yang memberi perkhidmatan kepada pelancong tersebut atau disebut sebagai ‘*host*’. Interaksi di antara pelancong dan hos ini berlaku dalam tiga bentuk, iaitu;<sup>78</sup>

- i. Pelancong membeli barang atau perkhidmatan daripada hos,
- ii. Pelancong berkongsi barang atau perkhidmatan bersama dengan hos, seperti menyelam dan membeli belah,
- iii. Pelancong dan hos bersemuka, bertukar maklumat dan idea.

Pengukuran dan perubahan sikap komuniti setempat sebenarnya banyak dipengaruhi oleh sistem nilai masyarakat di satu-satu kawasan. Dalam mengkaji masalah sosial kesan daripada pembangunan pelancongan di Malaysia, memang wujud perbezaan persepsi berdasarkan kepada nilai-nilai masyarakat, terutamanya masyarakat Islam bandar dengan masyarakat Islam luar bandar. Terdapat perbezaan persepsi antara masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam di Malaysia terhadap industri pelancongan. Mengikut pandangan masyarakat Islam, pelancongan mesti mengikuti ajaran Islam, dan apa yang banyak terjadi mengikut

kajian mereka adalah pelancongan meningkatkan penyalahgunaan dadah dan arak serta aktiviti berkaitan dengannya, pelancongan juga menggalakkan pelacuran, pelancongan mengganggu masyarakat setempat dan pelancongan lebih membawa kerosakan daripada kebaikan dan mengambil kesimpulan, bahawasanya pihak berkuasa perlu menghadkan dan mengawal pembangunan pelancongan.<sup>79</sup>

Melalui kajian, pemerhatian, dan temubual dengan komuniti setempat di pulau ini sememangnya wujud pelbagai masalah sosial kesan daripada pembangunan pelancongan. Iainya melibatkan pelbagai peringkat generasi umur sama ada muda atau tua. Di peringkat awal Pulau Perhentian sebagai sebuah perkampungan nelayan, kehidupan penduduk lebih bersifat kesamarataan. Mereka bukan sahaja memiliki ciri-ciri persamaan dari sudut kegiatan ekonomi, tetapi turut memiliki asas ikatan yang kuat. Antara mereka dikatakan saling menghormati dan sentiasa bekerjasama di antara satu sama lain. Tidak banyak elemen-elemen yang mengganggu keharmonian mereka.

Namun begitu, suasana ini perlahan-lahan mula berubah dengan kepesatan pembangunan pelancongan dan kedatangan pelancong dari segenap latar belakang. Perubahan ini wujud secara perlahan-lahan dan mula mempengaruhi aspek-aspek lain kehidupan; hubungan sosial dalam kalangan mereka mulai longgar lantaran sibuk dengan aktiviti ekonomi yang baru yang lebih mencabar. Ada diantara mereka yang kurang ketahanan mental untuk terus hidup dalam sosiobudaya sendiri menyebabkan mereka mula terikut-ikut dengan dengan gaya hidup pelancong yang umumnya menyimpang daripada ajaran agama dan nilai

budaya tempatan. Aspek-aspek perubahan gaya hidup inilah antara lain merupakan elemen-elemen masalah sosial yang dihadapi oleh mereka.


Jadual 3.15: Umur Dan Penerimaan Kesan Dari Masalah Sosial Yang Berlaku.

MENERIMA KESAN DARI MASALAH SOSIAL YANG BERLAKU		<b>TOTAL</b>	
<b>UMUR</b>	<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>	
18-30	55	48	103
31-40	20	43	63
41-50	12	46	58
51-60	4	19	23
61-70	0	3	3
<b>TOTAL</b>	<b>91</b>	<b>159</b>	<b>250</b>

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Hasila kajian mendapati sebahagian besar daripada responden yang berumur 18-30 tahun menerima kesan daripada masalah sosial yang berlaku di Pulau Perhentian. Bagi responden yang berumur 31 dan keatas mereka kurang mendapat kesan daripada masalah sosial yang berlaku. Bagi golongan belia/remaja berumur 18-30 tahun merupakan kemuncak umur yang menyebabkan mereka mudah terdedah dengan pelbagai gejala sosial. Keadaan ini memerlukan tindakan sewajarnya agar pembangunan pelancongan yang dijalankan dapat seiring dengan kehendak komuniti dan seboleh mungkin mengelakkan daripada timbulnya masalah sosial yang turut dirasai oleh komuniti terutamanya golongan belia.

Rajah 3.9: Jenis Dan Permasalahan Sosial Di Pulau Perhentian.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

### 3.6.4 Jenis Masalah Sosial

#### 1. Masalah Moral

Permasalahan sosial komuniti di pulau ini diteliti berasaskan kepada bentuk penampilan dan sahsiah penduduk terutamanya di kawasan tumpuan utama pelancong. Ianya dibahagikan kepada bentuk sahsiah iaitu konteks penampilan diri; seperti soal akhlak, kecenderungan kepada majlis ilmu, pola tingkah laku; sikap prihatin terhadap keluarga, masyarakat dan negara serta kepatuhan dan pengamalan kepada ajaran agama. Permasalahan ini mula menular dalam norma komuniti setempat selepas kedatangan pelancong luar dan menunjukkan peningkatan mendadak tertutamanya sekitar tahun 2000-2003 di

mana penduduk tempatan berpendapat mereka menghadapi masalah moral dalam kalangan remaja, dan masalah ini dikatakan mempunyai kaitan dengan perkembangan industri pelancongan di tempat mereka.<sup>80</sup>

Sebilangan penduduk terutamanya yang terlibat dalam aktiviti pengurusan pelancongan didapati begitu leka dengan aktiviti masing-masing menyebabkan mereka tidak begitu mengambil peduli perihal ajaran agama, serta batasan sosial. Mereka lebih memberi tumpuan kepada aktiviti perekonomian dan industri pelancongan sahaja yang mula menampakkan keuntungan kepada mereka. Hal ini memberi kesan yang cukup mendalam kepada golongan muda yang mula terdedah dengan cara dan sosial pelancong yang datang. Ajaran agama yang kurang diterapkan oleh ibu bapa dan golongan dewasa menyebabkan golongan muda mula mengadaptasi cara hidup pelancong yang dirasakan lebih sesuai dengan jiwa mereka. Cara hidup pelancong diagungkan kerana pengaruh daripada televisyen dan juga perkembangan dunia global melalui internet. Kesan daripada itu, mereka mula untuk meniru gaya hidup pelancong, walaupun secara umumnya mereka mengetahui perkara-perkara demikian amat bertentangan dengan adat resam ketimuran dan juga ajaran agama mereka. Contohnya, dari segi penampilan diri, pola tingkah laku, gaya berpakaian, terlibat dalam penagihan, minuman keras, dan seks bebas.

## 2. Minuman Keras

Minuman keras merupakan sesuatu yang diharamkan dalam komuniti Islam, dan ianya turut bertentangan dengan nilai komuniti setempat. Namun kerancakan aktiviti pelancongan telah membawa masuk minuman keras ke pulau ini untuk memenuhi permintaan pelancong. Pada hakikatnya minuman hanya untuk memenuhi permintaan pelancong asing, namun ianya secara perlahan telah menjadi suatu ancaman kepada nilai masyarakat di mana penduduk terutamanya remaja yang mula mengikut jejak langkah pelancong dengan meminum minuman keras. Masalah ini dilihat semakin menular dari sehari ke sehari dan amat membimbangkan komuniti. Masalah ini merebak dalam kalangan remaja terutamanya yang terlibat dalam pengurusan pelancongan, yang meliputi individu berikut iaitu pemandu bot, pekerja restoran, pekerja resort dan individu dalam komuniti pulau sendiri.

Dalam konteks individu yang meminum arak pula mereka adalah terdiri daripada penduduk tempatan dan juga sebilangan kecil remaja dari tanah besar, iaitu beberapa daerah di negeri Terengganu dan juga Kelantan sama ada yang datang itu dalam bentuk pekerja mahupun pelancong. Masalah ini turut berlaku kerana sumber untuk mendapatkan minuman keras adalah mudah dan boleh didapati dalam harga yang murah. Kebanyakan daripada mereka ini memilih kawasan untuk meminum arak ekoran daripada larangan dan penguatkuasaan oleh kerajaan terhadap perbuatan meminum arak. Antara destinasi tumpuan mereka untuk meminum arak adalah restoran dan boleh dikatakan sebahagian besar

restoran yang beroperasi di sekitar pulau menjual minuman keras terutamanya restoran yang beroperasi secara haram dan tidak mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri. Contohnya, pemerhatian yang dibuat di kawasan resort Pulau Perhentian Kecil mendapati kesemua restoran yang berstatus haram di kawasan berkenaan menjual minuman keras secara terbuka terutama di bahagian Long Beach iaitu di Pulau Perhentian Kecil. Apa yang menyedihkan ianya turut dijual secara terbuka tidak hanya kepada pelancong bahkan kepada penduduk tempatan.

Kawasan pantai turut menjadi lokasi utama golongan ini. Keadaan pantai yang cantik dan tenang menarik minat pelancong dan juga komuniti setempat untuk menghabiskan masa di tepi pantai sebagai tempat berehat dan menikmati ketenangan. Namun begitu, terdapat sebilangan daripada penduduk dan pelancong yang mengambil kesempatan untuk menikmati minuman keras di kawasan pantai terutamanya pada waktu malam. Di samping itu, secara umumnya, Pulau Perhentian sememangnya mempunyai peraturan dan kawalan yang ketat namun status pulau Perhentian sebagai salah sebuah pulau pelancongan agak menyukarkan kawalan kerajaan. Hal ini kerana, pelancong yang datang membawa pelbagai persepsi dan agenda masing-masing, dan bagi komuniti setempat itu merupakan sumber ekonomi mereka.

Sementara itu, tindakan sebilangan pengusaha dan pelancong yang menganjurkan aktiviti tidak bermoral seperti parti dan pesta seperti Parti Bulan Penuh telah mengundang kepada penggunaan minuman keras sebagai menu minuman *Full Moon Party* utama. Acara utama parti adalah persembahan muzik

dan juga diskò secara berpasangan (kawasan Long Beach). Asasnya parti dan pesta yang diadakan adalah untuk mengalukan kedatangan pelancong, namun ianya seringkali diambil kesempatan oleh komuniti setempat untuk menyertainya.

Selain itu, terdapat juga premis diskò/kelab haram yang dibtubuhkan terutamanya di kawasan Long Beach yang dibina dalam bentuk sementara digunakan untuk tujuan diskò dan berfungsi sebagai kelab hiburan sementara. Sebahagian mereka yang singgah dan minum di kelab dan premis ini adalah golongan muda dan terdiri daripada pasangan lelaki dan perempuan sama ada penduduk tempatan dengan penduduk tempatan, pelancong dengan pelancong, ataupun penduduk tempatan dengan pelancong.

Selain minum mereka turut menyertai tarian, diskò, dan ‘*clubbing*’. Aktiviti tidak sihat ini biasanya bermula sekitar jam 10.00 malam dan berlarutan sehingga lewat pagi ada yang sehingga pukul 4.00 dan 5.00 pagi dan boleh dikatakan sebahagian besar mereka akan mabuk. Setelah selesai mereka akan ke pantai dan selalunya berakhir dengan hubungan seksual. Ianya selari dengan adaptasi budaya dari luar yang diamalkan oleh masyarakat barat.

### 3. Seks Bebas

Kewujudan masalah ini berkait rapat dengan perkembangan pesat pembangunan pelancongan yang dijalankan di Pulau Perhentian. Masalah ini dikatakan bermula dalam lingkungan tahun 1970-an, di mana setelah pulau ini mula menerima kedatangan pelancong daripada luar negara. Perlahan-lahan

masalah ini mula merebak dari tahun ke tahun dan menular secara serius sekitar tahun 1990-an dan 2000 berikutan kehadiran pelancong yang semakin meningkat. Masalah ini banyak melibatkan golongan remaja lelaki, khususnya mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti pengurusan pelancongan. Antaranya adalah pemandu bot, terutamanya yang membawa pelancong ke tempat-tempat menarik sekitar pulau, jurupandu dalam aktiviti *sea adventure* seperti *snorkeling* dan *scuba diving*.


Pekerja *resort/chalet* juga turut terlibat dalam aktiviti seks bebas ini. Hubungan seks yang dilakukan oleh penduduk setempat hadir dalam dua keadaan iaitu hubungan seks dengan penduduk tempatan sendiri dan hubungan seks dengan pelancong yang datang ke pulau tersebut. Hubungan yang berlaku adalah dalam bentuk suka sama suka tanpa paksaan. Biasanya hubungan seks dilakukan mengikut tempat tertentu dan tidak dilakukan secara umum sebaliknya lebih bersifat bertumpu.

#### 4. Penagihan Dadah

Aktiviti penagihan dadah merupakan suatu masalah sosial yang sangat serius bukan sahaja kepada kerajaan negeri Terengganu bahkan Malaysia umumnya. Penagihan dadah di pulau ini boleh dikategorikan berada pada tahap yang serius dan melibatkan golongan belia lelaki, sama ada yang terlibat dalam pengurusan pelancongan mahupun bidang-bidang lain. Unit keselamatan setempat menganggarkan 75% daripada lelaki berusia 25-35 tahun terlibat dengan dadah.

Sementara kira-kira 90% daripada yang berusia 15-24 tahun terlibat dengan masalah ini. Sebilangan daripada individu yang terlibat telah ditangkap dan diambil tindakan keselamatan di bawah kes-kes dadah.

Rajah 3.10: Carta Pai Kedatangan Pelancong Membawa Kesan Kepada Peningkatan Jenayah.



Berdasarkan Rajah 3.5 di atas, penduduk secara purata menyatakan kedatangan pelancong sememangnya membawa kesan terhadap peningkatan jenayah dalam kalangan komuniti Pulau Perhentian. Sebanyak 60% daripada penduduk berpendapat kedatangan pelancong memberi kesan kepada peningkatan jenayah, dan mengikut kajian ianya termasuklah jenayah seperti kecurian, dadah, vandalism dan pelbagai lagi.

## 5. AIDS dan HIV

Masalah ini mula menular dalam komuniti setempat selewat-lewatnya pada 1995. Sehingga akhir tahun 2002 sahaja jumlah penghidap yang berjaya direkodkan adalah sebanyak 14 orang dengan seorang telah meninggal dunia (Jabatan Kesihatan Daerah Besut, 2002). Walau bagaimanapun jumlah penghidap sebenar mungkin lebih besar, kerana kes yang dikesan berasaskan kepada individu yang datang membuat pemeriksaan kesihatan di klinik atau pusat-pusat kesihatan. Dipercayai masih ada individu lain yang turut menghidap tapi tidak membuat pemeriksaan kesihatan yang sedemikian mungkin kerana takut dan tidak mampu. Apa yang lebih merisaukan adalah statistik yang didapati daripada Pejabat Kesihatan Daerah Besut menunjukkan individu yang terlibat dalam masalah ini kebanyakannya terdiri daripada golongan muda, terutamanya remaja. Perangkaan penghidap mengikut kategori umur adalah seperti Jadual 3.16.

Jadual 3.16: Pengidap AIDS/HIV Pulau Perhentian Mengikut Kategori Umur.

<b>PERINGKAT UMUR</b>	<b>BILANGAN</b>
40-49	2
30-39	4
20-29	8
<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>

Sumber: Pejabat Kesihatan Daerah Besut.

### **3.7 Kesimpulan.**

Proses pembangunan pelancongan terhadap sesebuah destinasi tidak dapat dielakkan kesannya terhadap komuniti setempat. Melalui permerhatian dan kajian yang dilakukan sememangnya impak pembangunan pelancongan maritim ke atas sosial komuniti di Pulau Perhentian adalah amat ketara samada dari sudut positif maupun negatif. Rata-rata penduduk setempat amat menerima baik proses pembangunan pelancongan yang dijalankan dalam kehidupan seharian mereka memandangkan pelancongan adalah sumber pendapatan utama mereka dan tidak lagi hanya bergantung kepada aktiviti perikanan. Taraf hidup, kebajikan, pengurusan organisasi dan infrastruktur merupakan antara elemen sosial yang diterima baik masyarakat selari dengan agenda pembangunan pelancongan maritim yang dijalankan.

Namun begitu, proses pembangunan yang dijalankan turut membawa kesan sosial negatif kepada komuniti terutamanya dari aspek moral. Nilai moral terutamanya dalam kalangan anak muda amat perlu diberi penekan di Pulau Perhentian memandangkan merekaalah golongan penerus aktiviti pelancongan yang akan berterusan di sana. Pemantapan nilai moral ini perlu melalui organisasi yang ada di dalam komuniti mereka sendiri di samping kerjasama pihak kerajaan dan juga pihak-pihak berwajib lain seperti NGOs. Aktiviti penagihan dadah dan minuman alkohol merupakan ancaman besar komuniti yang perlu dititik berat terutamanya dari sudut akses bahan-bahan terlarang tersebut masuk ke Pulau Perhentian. Pembangunan pelancongan perlu selari dari aspek positif dan negatif

supaya nilai sosial dan moral komuniti setempat tidak terjejas sebaliknya membentuk nilai sosial yang cenderung kepada pembangunan mampan. Pihak pemaju dan pihak kerajaan merupakan golongan utama yang perlu memberi panduan di samping mengawal proses pembangunan supaya iaanya selari dan boleh mengurangkan kesan negatif terhadap sosial komuniti setempat.

## BAB 4

### IMPAK PEMBANGUNAN PELANCONGAN MARITIM KE ATAS EKONOMI KOMUNITI DI PULAU PERHENTIAN.

#### 4.1 Pengenalan

Industri pelancongan telah berkembang pesat sebagai salah sebuah industri yang menyumbang kepada ekonomi negara. Perkembangan industri ini membawa kepada impak positif terhadap pendapatan negara. Kemampuannya sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan penggerak pembangunan kawasan luar bandar mendorong kerajaan di negara destinasi pelancongan memberikan perhatian serius terhadap pelancongan.<sup>81</sup> Kesan daripada pembangunan pelancongan akan menarik minat pelancong untuk ke sesebuah destinasi dan destinasi yang dikunjungi oleh pelancong ini akan memperoleh manfaat di samping mengubah corak pembangunan kawasan luar bandar. Di samping itu, pembangunan pelancongan juga membawa kepada timbulnya kesan negatif terhadap ekonomi jika ianya dilakukan secara *ad-hoc* yang mana perancangannya tidak mengambil kira aspek-aspek lain. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan, perkembangan industri pelancongan mungkin tidak akan dapat bertahan dalam tempoh jangka masa yang panjang dan akan merugikan banyak pihak sama ada pemaju, pelabur, pengusaha dan juga pihak kerajaan.

Industri pelancongan telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Ketibaan pelancong telah meningkat hampir 15 kali ganda daripada 1.2 juta pada 1974 kepada 17.5 juta pada tahun 2006. Begitu juga, pendapatan kasar juga telah

meningkat kepada RM38.2 bilion pada tahun 2006, mencakupi 6.7% daripada KDNK nominal. Selari dengan Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007 kempen telah diterima dengan baik seperti yang ditunjukkan dalam ketibaan pelancong yang lebih tinggi dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, adalah dijangkakan bahawa terimaan kasar akan meningkat dan menyumbang kepada 7.1% daripada KDNK pada tahun 2007. Sumbangan industri pelancongan ini terus meningkat dari tahun ke tahun. Contohnya pada tahun 2014, sektor pelancongan menjadi penyumbang ke enam terbesar kepada ekonomi negara dengan sumbangan sejumlah RM161billion atau 14.9% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2014. Perkembangan ini turut menarik minat pelaburan sebanyak Rm19.4 bilion serta mewujudkan sejumlah 1.77 juta peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Ketibaan pelancong asing untuk tahun 2015 pula, dianggarkan berjumlah 29.4 juta orang berbanding 27.4 juta bagi tahun 2014. Nilai kasar keseluruhan pendapatan hasil daripada pelancong asing sahaja mencecah RM89 bilion iaitu RM17 bilion melebihi hasil tahun 2014.<sup>82</sup>

Aliran keluar perjalanan juga meningkat, kerana lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara untuk perjalanan perniagaan, percutian, pendidikan, kesihatan, dan haji. bayaran kasar meningkat purata 11.3% setahun dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pelancong yang kukuh telah mengimbangi aliran keluar dalam akaun perkhidmatan, seperti yang dicerminkan oleh aliran masuk bersih yang lebih tinggi yang dicatatkan dalam tempoh tersebut. Sebenarnya, aliran masuk bersih telah meningkat dua kali ganda daripada RM11.2

bilion pada tahun 2000 kepada RM23.5 bilion pada tahun 2006, hal ini bertambah baik dengan ketara defisit dalam akaun perkhidmatan. Untuk tahun ini, defisit dalam akaun perkhidmatan dijangka bertambah baik lagi dengan usaha intensif dan bersepadu dijalankan untuk menarik pelancong sejajar dengan TMM 2007.<sup>5</sup> Namun begitu, pengaliran keluar ringgit boleh dikatakan paling tinggi pada tahun 2015. Aliran keluar ringgit mencatatkan peningkatan sebanyak 146% sejak 2011 hingga Disember 2014 iaitu sebanyak RM32.1 bilion.<sup>83</sup> Hal ini perlu diimbangi dengan aliran ringgit masuk termasuklah memperkasakan produk pelancongan yang ada di Malaysia terutamanya selepas kejatuhan nilai matawang Malaysia secara mendadak.

Jadual 4.1: Imbangan Pembayaran Akaun Perkhidmatan (Bersih) (RM Juta).

Tahun	Servis	Pengangkutan	Perjalanan	Servis Lain	Transaksi Kerajaan
2000	-10,670	-11,736	11,158	-10,030	-62
2001	-8,366	-11,352	16,148	-13,187	25
2002	-5,996	-11,572	17,102	-11,242	-284
2003	-15,300	-13,486	11,523	-13,011	-327
2004	-8,199	-17,545	19,096	-9,029	-721
2005	-9,010	-16,433	19,449	-11,676	-350
2006	-6,931	-19620	23,501	-10,378	-433
2007	-18,965	-18965	27,280	-11,908	-392
2008	-4,646	-19102	28,604	-13,756	-392
Sumber	Jabatan Statistik, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.				

<sup>5</sup> Data-data ini diperolehi dan diubah suai daripada Jabatan Statistik, Kementerian Pelancongan dan Kementerian KewanganMalaysia.

Kesan pembangunan pelancongan terhadap komuniti setempat merupakan aspek yang amat perlu diberikan perhatian oleh pelbagai pihak yang terlibat dengan perancangan dan pembangunan. Kesan-kesan daripada aktiviti pembangunan pelancongan maritim dapat diperhatikan dalam aspek ekonomi. Antara faktor yang menentukan kepentingan masalah ini adalah ketelitian perancangan, persediaan sebelum melaksanakan pembangunan, dan juga tahap pendedahan atau kesedaran komuniti yang terlibat.

Oleh itu, para perancang dan pelaksana perlu mengambil kira komuniti setempat sekiranya industri pelancongan mahukan pembangunan yang berterusan dalam jangka masa yang panjang.<sup>84</sup> Penstrukturkan terhadap aktiviti ekonomi yang baik di sesebuah destinasi pelancongan mampu untuk memberikan impak yang berpanjangan dan akan membawa kepada proses transformasi yang menyeluruh kepada sosioekonomi komuniti. Dalam konteks dunia hari ini, pelancongan merupakan salah satu kegiatan ekonomi yang semakin penting di mana jumlah pelancong dalam negeri dan antarabangsa kian meningkat malah, beberapa buah negara di dunia kini memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama yang menjana pendapatan negara.<sup>85</sup>

Industri pelancongan merupakan salah satu dari kunci kepada perkembangan sektor perkhidmatan. Aktiviti promosi yang rancak dijalankan oleh pihak kerajaan untuk kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007 dijangka meningkatkan lagi prestasi sektor ini. Dalam tempoh 6 bulan pertama tahun 2007, kedatangan pelancong meningkat sebanyak 24.8% iaitu 10.7 Juta (Januari-Jun

2006: 4.9%;<sup>86</sup> 8.6 Juta) meletakkan Malaysia di landasan terbaik untuk mencapai target kedatangan pelancong seramai 20.1 juta orang tahun ini dengan hasil yang dijangka sebanyak RM44.5 Billion (2006: 17.5 Juta; RM38.2 Billion). Antara negara utama yang menerima hasil tertinggi daripada kegiatan pelancongan daripad Januari hingga Jun 2007 adalah Singapura (5.3 Juta), Indonesia (910, 388) dan Thailand (817, 550).<sup>86</sup> Pengangjuran Tahun Melawat Malaysia (TMM) sememangnya memberikan kesan peningkatan ketara terhadap pendapatan negara. Bagi tahun 2015, TMM telah menetapkan sasaran melebih 28 juta pelancong dengan nilai pendapatan melebihi RM76 bilion. TMM dilancarkan buat kali pertama pada tahun 1990 dengan mencatat jumlah 7.4 juta pelancong. Pengangjuran TMM 2007 merupakan antara titik tolak perkembangan dalam jumlah ketibaan pelancong seperti yang dinyatakan di atas. Sementara itu, pada tahun 2011, walaupun di luar kempen TMM negara berjaya menghasilkan sejumlah RM58.3 bilion daripada kedatangan 24.7 juta pelancong asing tidak termasuk pelancong tempatan.<sup>87</sup>

Secara umumnya, pewartaan Pulau Perhentian sebagai salah sebuah Taman laut adalah untuk meningkatkan pemuliharaan kepelbagaiannya hidupan marin. Hal ini telah memberikan kesan kepada ekonomi komuniti setempat. Contohnya, pada masa kini kajian mendapati komuniti pulau ini tidak lagi bergantung kepada sektor perikanan sahaja sebaliknya sektor pelancongan turut menjadi mata pencarian utama mereka. Walaupun pendapatan dari sektor pelancongan menggalakkan, namun masih berlaku konflik dalam kalangan

komuniti setempat apabila mengambil kira had taman laut yang ditetapkan kepada mereka melalui peraturan taman laut yang telah ditetapkan oleh Jabatan Taman Laut Malaysia. Mereka dihalang menjalankan penangkapan ikan dalam had dua batu nautika dari kawasan pantai yang merupakan kawasan menangkap ikan dan sumber kehidupan sehari-hari mereka sebagai nelayan yang bersifat tradisional.

Bagi komuniti yang miskin, perlaksanaan dasar taman laut ini umpsama kejutan berbentuk ancaman kepada mata pencarian mereka. Hal ini kerana mereka berhadapan dengan kekangan dari segi penggunaan sumber yang boleh dimanfaatkan sebagai punca pendapatan sebelumnya. Sehubungan itu, kerajaan sedar perlunya strategi untuk melaksanakan dasar ekonomi bagi mewujudkan peluang pendapatan dalam kalangan komuniti taman laut. Ianya mestilah dilakukan dalam bentuk yang terancang dan memberi manfaat tehadap proses pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar sesuai dengan dasar pembangunan pelancongan di pulau taman laut.

Sehubungan itu, pembangunan projek ekonomi di sesuatu destinasi secara langsung atau tidak langsung akan memperlihatkan kesan perubahan ekonomi yang berlaku dalam kalangan komuniti setempat. Antara perubahan ekonomi yang positif dapat dilihat ialah peningkatan peluang pekerjaan dan perniagaan. Manakala perubahan yang dianggap memberikan kesan negatif pula ialah lebih berfokus kepada peningkatan kos sara hidup dan nilai tanah yang meningkat di destinasi pelancongan tersebut. Perubahan-perubahan yang berlaku ini akan memberikan implikasi secara langsung kepada komuniti setempat.<sup>88</sup>

#### **4.2 Aktiviti Ekonomi Di Pulau Perhentian**

Pulau Perhentian sebenarnya terbahagi kepada dua pulau iaitu merujuk kepada Pulau Perhentian Besar dan Pulau Perhentian Kecil. Bagi pelancong, Pulau Perhentian Besar lebih bersifat kebebasan peribadi (*privacy*) manakala Pulau Perhentian Kecil banyak menawarkan hiburan kepada pelancong. Kepelbagaian bentuk pelancongan ini telah membuka ruang aktiviti ekonomi terhadap komuniti setempat dalam meningkatkan taraf hidup mereka. Pelancong pula akan dapat memilih konsep pelancongan yang ada dan sesuai mengikut citarasa masing-masing dan hal ini secara tidak langsung memberi kesan peningkatan dalam aktiviti ekonomi komuniti terutamanya kawasan tumpuan utama pelancong. Keadaan ini mewujudkan kepelbagaian aktiviti ekonomi komuniti dan hampir kesemua aktiviti perekonomian yang dilakukan adalah melibatkan aktiviti pelancongan.

Jadual 4.2 : Jenis Kegiatan Ekonomi Yang di Jalankan Penduduk Pulau Perhentian.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
PERNIAGAAN	110	44.0	44.0	44.0
PELANCONGAN	112	44.8	44.8	88.8
PERIKANAN	19	7.6	7.6	96.4
LAIN-LAIN	9	3.6	3.6	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Melalui hasil kajian berdasarkan Jadual 4.2, jenis kegiatan ekonomi yang paling dominan dilakukan oleh komuniti adalah dari sektor pelancongan dengan purata 44.80% peratus dari keseluruhan responden. Hal ini membuktikan bahawa penduduk Pulau Perhentian amat bergantung kepada industri pelancongan dan proses pembangunan pelancongan sememangnya mempengaruhi sistem perekonomian mereka.

Sementara itu, jenis kegiatan ekonomi kedua mereka adalah melalui aktiviti perniagaan dengan peratusan sebanyak 44.00%. Walaupun peratusannya tidak begitu berbeza berbanding aktiviti pelancongan, penduduk yang menjalankan aktiviti perniagaan semangnya turut bergantung kepada kehadiran pelancong secara langsung atau tidak langsung. Kehadiran pelancong dalam kuantiti yang ramai akan membantu para peniaga ini memperoleh hasil pendapatan yang baik. Jadi secara relatifnya, aktiviti pelancongan dan perniagaan yang dijalankan oleh penduduk adalah amat berkaitan.

Jenis kegiatan komuniti yang ketiga adalah melalui aktiviti perikanan. Walaupun hanya mewakili peratusan sebanyak 7.60% sahaja dari keseluruhan aktiviti, namun aktiviti perikanan tetap wujud dan penting dalam kehidupan masyarakat Pulau Perhentian selaras dengan perkembangan industri pelancongan. Golongan keluarga nelayan biasanya akan meneruskan aktiviti perikanan sebagai sumber utama di samping aktiviti pelancongan yang dilakukan sebagai sumber tambahan. Namun sebahagian kecil penduduk hanya melakukan aktiviti menangkap ikan sebagai sumber utama kerana tidak berkemahiran dalam aktiviti

pelancongan yang dianggap baru dalam sesetengah komuniti Pulau perhentian. Sebanyak 3.60% daripada responden melakukan aktiviti lain selain daripada tiga aktiviti utama tersebut. Aktiviti yang mereka lakukan termasuklah menjahit pakaian, suri rumah sepenuh masa, dan lain-lain aktiviti.

Jadual 4.3 : Umur dan Jenis Kegiatan Ekonomi yang Dijalankan.

UMUR	JENIS KEGIATAN EKONOMI				TOTAL
	PERNIAGAAN	PELANCONGAN	PERIKANAN	LAIN-LAIN	
18-30	29	66	8	0	103
31-40	38	24	1	0	63
41-50	30	14	7	7	58
51-60	10	8	3	2	23
61-70	3	0	0	0	3
<b>TOTAL</b>	<b>110</b>	<b>112</b>	<b>19</b>	<b>9</b>	<b>250</b>

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Hasil kajian mendapati, golongan berumur 18-31 tahun merupakan golongan yang paling banyak menyertai kegiatan ekonomi melibatkan pelancongan iaitu seramai 66 orang dari keseluruhan 250 responden. Statistik ini membuktikan program pembangunan pelancongan yang dijalankan sememangnya berjaya menarik perhatian komuniti setempat terutamanya golongan remaja. Peluang pekerjaan dan pendapatan yang ditawarkan melalui aktiviti pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian telah menarik minat mereka untuk berkecimpung dalam aktiviti pelancongan berbanding aktiviti lain.

#### **4.2.1 Aktiviti Maritim**

Boleh dikatakan hampir kesemua pelancong yang selalu datang ke destinasi pulau *tropical eksotik* ini kebanyakannya terdiri daripada mereka yang menggemari alam semulajadi. Aktiviti-aktiviti seperti menyelam, *snorkel*, memancing di laut dalam, berenang, *wind surfing*, berlayar, *boating* dan berkanu dapat memberikan kepuasan kepada golongan ini. Hal ini secara tidak langsung telah membuka ruang dan peluang aktiviti ekonomi terhadap komuniti setempat. Komuniti setempat mula menjadikan aktiviti maritim sebagai mata pencarian utama mereka. Setiap aktiviti maritim yang dibuat disusuli dengan penetapan harga tertentu berdasarkan kepada jenis aktiviti.

Selain caj kepada setiap aktiviti, komuniti setempat turut menjalankan perniagaan dengan menjual barang keperluan untuk kegunaan aktiviti maritim seperti kelengkapan menyelam (kebanyakannya disewa kepada pelancong), kelengkapan dan alat memancing, alat-alat aktiviti riadah dan sebagainya. Sementara itu, pantai-pantai di sekitar kawasan Pulau Perhentian lebih sesuai digunakan untuk berenang dan aktiviti *snorkeling* berbanding menyelam kerana bentuk geografinya terbentuk daripada laut atau air yang cetek, ia bukan sahaja mempunyai lorong yang berwarna warni malah dipenuhi dengan banyak ikan pari (*ray*), *cuttlefish* dan *parralfish*.

Keindahan semulajadi ini telah membantu komuniti untuk menyediakan perkhidmatan sewa bot, peralatan berenang dan sebagainya kepada pelancong yang datang kerana pelancong yang datang hampir kesemunya mahu melihat keindahan alam, habitat laut, dan juga mencari ketenangan dengan menerokai lautan yang kaya dengan habitat laut semulajadi. Contohnya bagi pelancong yang menggemari aktiviti menyelam, mereka akan ke Pulau Perhentian Kecil kerana di sana terdapat pulau-pulau kecil yang berbatu-batan di kawasan barat laut pulau tersebut.

Hal ini kerana, di sini wujudnya terumbu karang yang pelbagai, berwarna-warni, dan mempunyai bentuk-bentuk yang pastinya memberi tarikan kepada pelancong. Sehubungan itu, komuniti setempat akan menggunakan kesempatan itu untuk mengusai aktiviti ekonomi hasil daripada aktiviti menyelam yang dijalankan di Pulau Perhentian Kecil ini. Aktiviti menyewa bot, menyewa pakaian menyelam, dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan aktiviti maritim telah memberi pulangan ekonomi yang baik kepada penduduk tempatan dan secara tidak langsung membuka peluang persaingan dalam skop sosioekonomi yang lebih besar. Sementara itu, untuk aktiviti snorkeling pula banyak dilakukan di Pulau Perhentian Besar kerana banyak tempat hidupan marin. Walaubagaimanapun terdapat juga lokasi snorkeling di Pulau Perhentian Kecil yang turut dikelilingi sumber hidupan marin yang terjaga.

Rajah 4.1 : Kanu Yang Disewakan Untuk Aktiviti Riadah Pantai.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Jadual 4.4: Aktiviti Pelancongan (IKS, Sewa Bot, Jet Ski, Sewa Kemudahan/Alat Menyelam, Memancing) Meningkatkan Pendapatan Komuniti.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
SETUJU	207	82.8	82.8	82.8
SANGAT SETUJU	43	17.2	17.2	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Merujuk kepada Jadual 4.4, komuniti setempat berpendapat aktiviti pelancongan seperti perniagaan kecil-kecilan, sewa bot, jet ski, sewa kemudahan/alat menyelam, memancing (dalam skala kecil/*cash and release*) sememangnya amat membantu dalam meningkatkan taraf ekonomi penduduk. Dari 250 soal selidik yang diedarkan kepada penduduk setempat mengikut skala 1-4 iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju sebanyak 82.8%

penduduk menyatakan mereka setuju aktiviti-aktiviti tersebut meningkatkan pendapatan dalam komuniti.

Sementara 17.2% lagi menyatakan mereka sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala dari 250 responden tiada seorangpun yang menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini membuktikan bahwasanya perkembangan pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian banyak membantu membuka peluang ekonomi kepada komuniti setempat. Berikutnya merupakan lokasi aktiviti maritim yang melibatkan aktiviti menyelam. Rujuk Jadual 4.5.

Selain aktiviti ekonomi berkait dengan maritim, pelancong turut menikmati pelbagai aktiviti pelancongan yang lain. Hal ini kerana, pulau ini bukan sahaja menjadi tumpuan kerana pantai dan sumber lautnya yang menarik, namun ianya turut dipenuhi dengan hutan-hutan yang menyeret atau menghala pada semua bukit serta kaya dengan flora dan faunanya. Antara fauna yang boleh dilihat dengan mudah adalah pelbagai jenis cicak, biawak, monyet, lutung, geckos, tupai terbang, rama-rama, burung-burung dan sebagainya.

Sehubungan itu, bagi pelancong yang tidak menggemari aktiviti maritim mereka boleh juga mengikuti aktiviti seperti meredah hutan (*jungle tracking*), meneroka flora dan fauna dan sebagainya yang telah disediakan oleh pengusaha chalet dan resort di sekitar Pulau Perhentian. Bagi komuniti setempat pula, mereka biasanya menjadi pemandu arah kepada pelancong dan memperoleh sumber kewangan melalui syarikat yang mengupah mereka untuk membawa pelancong bagi menyertai aktiviti yang telah disediakan.

Rajah 4.2 : Pengkaji Merasai Pengalaman Jungle Tracking di Sekitar Pulau.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Jadual 4.5: Lokasi Penyelaman di Pulau Perhentian.

<b>Lokasi</b>	<b>Purata Kedalaman</b>	<b>Kedalaman maksimum</b>	<b>Rating</b>
Teluk Pauh	1 m	<3 m	**^*
Tiga Ruang	8 m	12 m	***^**
Tanjung Besi	12 m	24 m	***
Laluan Naga	12 m	18 m	**
Terumbu Tiga	10 m	20 m	****
Batu Butuk 7	12 m	18 m	***
Teluk Dalam	9 m	12 m	**^*
Gua Kambing	9 m	15 m	***^**
Shipwreck, Pasir Tani	22 m	24 m	***
Pasir Kerangi	18 m	18 m	****
Pulau Serenggeh	12 m	21 m	***
Tanjung Panglima Abu	12 m	18 m	**^*
Tanjung Butung	18 m	25 m	***
Tokong Laut	10 m	24 m	****
Sebelah utara Pulau Susu Dara Besar	10 m	18 m	****
Sebelah utara Pulau Susu Dara Kecil	10 m	18 m	****
Sebelah utara	10 m	21 m	****

Tokong Bopeng			
Tokong Burung Kecil	9 m	20 m	***
Pulau Rawa	15 m	27 m	***
Teluk Kerma	13 m	18 m	***
Batu Nisan	10 m	15 m	***
<b>*Diving ^ Snorkeling</b>			

Sumber: <http://www.perhentian-island.com>

Oleh kerana wujudnya khazanah laut seperti batu karang dan beberapa lokasi menyelam, ia telah menarik kumpulan pelancong yang meminati aktiviti seperti selam scuba dan snorkeling terutamanya pelancong dari luar negara. Contohnya terdapat lebih kurang 500 spesis batu karang di sekitar laut pulau ini.<sup>89</sup> Keadaan ini telah membuka ruang ekonomi baru kepada komuniti setempat untuk menyertai bidang scuba dan juga snorkeling dengan menjadi pembekal dan menyewakan barang-barang berkaitan dengan aktiviti laut tersebut.

#### **4.2.2 Perniagaan Chalet/Resort**

Perniagaan chalet dan resort telah berkembang di Pulau Perhentian selaras dengan peningkatan dalam kedatangan pelancong ke negara ini. Bagi menampung ketibaan pelancong yang semakin ramai, pihak berwajib melalui kerjasama daripada pemaju dan juga pengusaha pelancongan tempatan telah membina lebih banyak chalet dan resort di Pulau Perhentian namun pembinaan diselaraskan dengan syarat dan panduan tertentu untuk menjaga status Pulau Perhentian sebagai salah sebuah Pulau Taman Laut. Antara tahun 1991 hingga 1995, 17 buah resort baru telah dibina di pulau ini. Pada akhir tahun 1998 pula, 33 buah resort

telah sedia beroperasi.<sup>90</sup> Resort dan chalet yang dibina ini kebanyakannya adalah bertumpu di lokasi yang memiliki pantai berpasir. Rujuk Rajah 4.1.

Rajah 4.3. Lokasi Resort di Pulau Perhentian.



Walaupun keseluruhan pulau ini dikelilingi oleh laut, sebahagian besar kawasan pulau tidak sesuai dimajukan bagi tujuan pelancongan kerana pantainya berbatu dan berbukit.<sup>91</sup> Pada masa ini, terdapat kira-kira 40 buah resort dengan jumlah keseluruhan 759 bilik ditawarkan di Pulau Perhentian.

Kebanyakan pelancong yang datang adalah mereka yang masih muda dan inginkan destinasi yang memiliki bajet yang murah dan sanggup menginap ala kadar di resort yang murah, kemudahan seperti pusat hiburan, pusat membeli belah dan seumpamanya yang mungkin boleh menarik pelancong *psychocentric* tidak begitu relevan dan sesuai dalam konteks pelancongan di Pulau Perhentian.

Suasana ini sedikit sebanyak menjaskan pendapatan dan struktur ekonomi komuniti setempat.

Jadual 4.6: Senarai Resort Di Pulau Perhentian.

<b>Bil.</b>	<b>NAMA RESORT</b>	
	<b>PULAU PERHENTIAN KECIL</b>	<b>PULAU PERHENTIAN BESAR</b>
1.	D' Langgir Resort	Flora Bay Resort
2.	Senja Bay	Samudera Beach Resort
3.	Panorama Chalet	Perhentian Island Resort
4.	D' Lagoon Chalet	Coco Hut Chalet
5.	Coral Bay Chalet	Abdul Chalet
6.	Fatima Chalet	Cozy Coral View Chalet
7.	East West/Rock Garden Chalet	ABC Chalet
8.	Moonlight Chalet	Paradise Chalet
9.	Mohsin Chalet	Tuna Bay Island Resort
10.	Long Beach Inn	Mama's Chalet
11.	Mira Beach Chalet	Seahorse Chalet
12.	Sepadu Chalet	Rumah Rehat Kerajaan
13.	DJ Chalet	Tropical Reef Chalet
14.	Impiani Chalet	Coral View Resort
15.	Symphony Chalet	Everfresh Chalet
16.	Chempaka Chalet	Fauna Chalet
17.	Matahari Chalet	Arwana Perhentian Resort
18.	Butterfly Chalet	
19.	Petani Chalet	
20.	Lemon Grass Chalet	
21.	Bubu Long Beach	
22.	Aur Bay Chalet	
23.	Lily Resort	
24.	Sha Ri La Resort	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Komuniti setempat merasakan pendapatan yang terhasil daripada aktiviti maritim ini kurang memberangsangkan menyebabkan mereka beralih kepada aktiviti ekonomi yang lain. Boleh dikatakan hampir setiap penduduk tidak begitu tetap pada satu-satu kerja sahaja. Mereka menjalankan aktiviti ekonomi yang

pelbagai. Tambahan lagi, pelancong yang datang ke pulau ini mengatur sendiri program perjalanan mereka dan rela tinggal dalam keadaan yang sederhana tanpa pendingin hawa dan juga air panas. Contohnya adalah resort di Pasir Panjang merupakan tumpuan utama pelancong *backpackers* yang tidak menerima tempahan awal dan bergantung kepada tetamu *walk-in* sahaja.

Setelah kerajaan mewartakan Pulau Perhentian sebagai Taman Laut, ramai komuniti setempat yang telah berubah dari sudut kegiatan ekonomi utama mereka. Kebanyakan mereka sebelum ini adalah bekerja sebagai nelayan kecil-kecilan, namun dengan pewartaan pulau ini sebagai Taman Laut menyebabkan mereka menghadapi kesukaran dalam menjalankan aktiviti menangkap ikan.

Rajah 4.4 : Salah Sebuah Resort Yang Terdapat di Pulau Perhentian.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Sehubungan itu, melalui alternatif pembangunan pelancongan telah sedikit sebanyak membuka ruang kepada komuniti setempat untuk menukar bentuk ekonomi mereka kepada aktiviti pelancongan dan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti perniagaan dan laut sahaja. Ramai dalam kalangan mereka mencuba bidang pengusahaan chalet dan resort sebagai kegiatan ekonomi utama. Namun, masih terdapat sebahagian kecil komuniti setempat yang meneruskan kegiatan menangkap ikan yang dijalankan di laut dalam jauh dari kawasan pewartaan taman laut.

### **4.3 Impak Positif**

#### **4.3.1 Menyumbang Kepada Peningkatan Pendapatan Dan Taraf Ekonomi**

Peningkatan dalam taraf ekonomi serta pendapatan merupakan suatu perubahan yang terhasil daripada proses pembangunan dengan peningkatan pasaran serta peluang dalam aktiviti bercorak komersial yang menagihkan hasil-hasil kepada mereka yang terlibat. Dalam konteks ekonomi, perubahan dari segi kualiti kehidupan merupakan salah satu petanda berlakunya perubahan taraf sosioekonomi. Selain itu, perubahan taraf sosioekonomi juga dapat dilihat melalui perbandingan antara dahulu dan sekarang, iaitu sebelum pembangunan pelancongan dan selepas adanya pembangunan.

Kemasukan pelancong ke negara ini ternyata menyumbangkan pendapatan kepada negara. Contohnya adalah, sumbangan pelancongan kepada ekonomi negara sebanyak RM17.3 billion (2000) meningkat kepada RM56.5 billion (2010).<sup>92</sup> Perolehan pendapatan berpunca daripada perbelanjaan pelancong terhadap penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, membeli belah serta cukai yang dikenakan terhadap pengusaha premis (penginapan, agensi pelancongan, restoran, pusat membeli belah dan agensi pengangkutan). Pendapatan yang diperoleh digunakan bagi pembangunan negara seperti menyediakan kemudahan infrastruktur dan memperbaiki perkhidmatan sedia ada untuk kesejahteraan rakyat dan pelancong.


Ekoran peningkatan dalam ketibaan pelancong dan sumbangannya dalam ekonomi negeri Terengganu, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif dengan menjadikan tahun 2014, sebagai tahun melawat Terengganu, kesinambungan daripada sambutan yang menggalakkan pada 2013. Pelbagai aktiviti dijalankan merangkumi Pulau Perhentian sebagai salah sebuah destinasi utama pelancongan. Aktiviti yang dijalankan telah menarik kedatangan pelancong dan menjana pendapatan kepada komuniti setempat dan juga kerajaan. Hal ini secara tidak langsung telah membantu meningkatkan taraf hidup dan ekonomi komuniti. Visi pelancongan Terengganu adalah untuk menjadikan Negeri Terengganu sebagai destinasi pelancongan utama di negara ini dan punca pertumbuhan baru ekonomi Negeri Terengganu.

“Pertambahan pelancong bermakna peningkatan kepada aktiviti ekonomi dalam negeri dan secara tidak langsung dapat meransang aliran masuk wang ke Negeri Terengganu melalui perbelanjaan pelancong sepanjang bercuti di Negeri Terengganu termasuk perbelanjaan penginapan, makan minum, kraftangan, pengangkutan dan perkhidmatan sokongan lain. Pelbagai pihak dapat meraih manfaat daripada industri ini yang akan berkembang dengan lebih pesat pada masa-masa akan datang.”<sup>93</sup>

Beberapa misi telah digariskan oleh kerajaan Negeri Terengganu dalam menjayakan visi tersebut antaranya adalah dengan memperkasakan produk-produk pelancongan yang sedia ada di Terengganu. Pulau Perhentian sebagai salah sebuah taman laut menjadi agenda penting kerajaan kerana sering menerima kunjungan pelancong untuk melihat sendiri keindahan sumber maritimnya. Kerajaan Negeri berusaha untuk meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negeri sebanyak 20% daripada KDNK pada penghujung 2013 .

Jumlah kedatangan pelancong yang meningkat dapat menggalakkan lagi aktiviti pelancongan yang bakal dimanfaatkan oleh komuniti setempat terutamanya komuniti di Pulau Perhentian sebagai sebuah destinasi pelancongan tumpuan. Sehubungan dengan itu, kerajaan Negeri Terengganu berusaha meningkatkan kadar kehadiran pelancong sebanyak 25% setahun bagi tempoh 2009 hingga 2015.

Rajah 4.5 : Bilangan Dan Ratio Pekerja Tempatan Dan Asing Di Pulau Perhentian.



Berdasarkan Rajah 4.2, secara keseluruhannya lebih kurang 18% daripada jumlah keseluruhan pekerja yang melibatkan diri dalam aktiviti pelancongan maritim di Perhentian adalah di wakili oleh komuniti setempat. Hal ini membuktikan kesan pembangunan pelancongan maritim adalah berjaya mengajak dan menarik minat komuniti setempat untuk melibatkan diri dalam aktiviti pelancongan terutamnya dalam sektor perhotelan (chalet/resort dalam konteks Pulau Perhentian). Mengikut laporan MOTAC juga, pada tahun 2014 kira-kira 927 orang pekerja ada di Pulau Perhentian dan lebih kurang 172 orang adalah dari komuniti setempat serta 405 orang adalah pekerja tempatan (dari luar pulau). Baki

350 pekerja adalah pekerja asing/pelatih asing. Pengiktirafan MOTAC ke atas Pulau Perhentian sebagai salah sebuah destinasi eko-pelancongan telah berjaya menarik minat komuniti setempat untuk menyertai aktiviti pekerjaan dalam bidang pelancongan yang menawarkan pendapatan yang mampu untuk meningkatkan taraf ekonomi komuniti.

Jadual 4.7: Kualiti Hidup Meningkat Hasil Pembangunan Pelancongan Di Kawasan Anda.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
TIDAK SETUJU	2	0.8	0.8	0.8
SETUJU	183	73.2	73.2	74.0
SANGAT SETUJU	65	26.0	26.0	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Kajian turut dilakukan terhadap responden bagi mengetahui tentang kualiti hidup dan taraf ekonomi kesan daripada proses pembangunan pelancongan di Pulau perhentian. Berdasarkan soal selidik yang diberikan kepada responden sebanyak 73.2% daripada responden bersetuju kualiti hidup mereka meningkat hasil pembangunan pelancongan di kawasan mereka. Kualiti hidup diukur melalui peluang pekerjaan, pendapatan dan juga keperluan harian mereka. 26.0% daripada responden menyatakan mereka sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Walaupun bagaimanapun terdapat sekitar 0.8% sahaja penduduk yang tidak setuju dengan pernyataan ini. Melalui pemerhatian dan kajian, hal ini kerana ada di

antara komuniti (sebilangan kecil) yang sudah mencapai taraf kehidupan yang selesa tanpa pembangunan pelancongan yang dijalankan.

Jadual 4.8 : Jantina dan Jenis Kegiatan Ekonomi yang Dijalankan.

JANTINA	JENIS KEGIATAN EKONOMI				TOTAL
	PERNIAGAAN	PELANCONGAN	PERIKANAN	LAIN-LAIN	
LELAKI	80	70	19	0	169
PEREMPUAN	30	112	19	9	81
<b>TOTAL</b>	<b>110</b>	<b>112</b>	<b>19</b>	<b>9</b>	<b>250</b>

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Hasil kajian menunjukkan aktiviti pembangunan pelancongan bukan sahaja memberikan impak kepada golongan lelaki tetapi golongan wanita di dalam komuniti turut menerima kesan terhadap peningkatan pendapatan dan taraf ekonomi mereka. Golongan wanita yang menyertai aktiviti pelancongan jauh lebih ramai berbanding lelaki iaitu seramai 112 orang berbanding lelaki seramai 70. Penglibatan golongan wanita dalam kalangan komuniti terhadap sektor pekerjaan seperti jadual di atas banyak membantu ekonomi keluarga dan komuniti.

Selain itu, salah satu contoh aktiviti yang diceburi oleh komuniti setempat dan mendapat pulangan yang lumayan adalah aktiviti selam skuba. Di Pulau Perhentian sahaja terdapat kira-kira 23 buah pusat menyelam. Hal ini membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat untuk menceburi bidang ini dan seterusnya memperoleh pendapatan yang baik.

Jadual 4.9 : Kos Menyelam di Perhentian Vs Destinasi Lain di Malaysia.

<b>Destinasi</b>	<b>Kursus Menyelam</b>	<b>Fun Dive (2-3 Penyelaman / Hari)</b>
Perhentian	RM800-RM3,000	RM75-RM110 (>RM300 termasuk penginapan)
Redang	RM900-RM3,500	RM230-RM500 (>RM800 termasuk penginapan)
Tioman	RM1,000-RM3,500	RM130-RM300 (>RM600 termasuk penginapan)
Mabul/Sipadan	RM1,000-RM3,500	RM300-RM700 (>RM1500 termasuk penginapan)

Sumber : [www.padi.com](http://www.padi.com). (2014)

Sekiranya dilihat pada Jadual 4.8 di atas, Pulau Perhentian menawarkan pakej bagi kursus menyelam dan *fun dive* paling murah berbanding destinasi menyelam popular yang lain di Malaysia. Walaupun begitu, ia tetap memberi kelebihan kepada komuniti setempat dalam memperoleh hasil pendapatan melalui aktiviti ini. Ada di antara komuniti yang menjadi pengajar (kursus) menyelam, dan ada yang bekerja sebagai *Tour Guide* untuk aktiviti *fun dive*. Walaupun bayaran yang diterima sedikit murah berbanding kawasan penyelaman lain di Malaysia, namun hasil penyelaman sudah memadai untuk mereka. Anggaran harga untuk fun dive adalah sekitar RM100 sekali penyelaman. Pada satu-satu hari penyelaman adalah 3 kali. Jadi mereka memperolehi pendapatan kasar RM300.00 sehari hasil aktiviti menyelam sahaja. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan lagi taraf ekonomi komuniti setempat walaupun tidak semua yang menyertainya, namun ia tetap memberi kesan ekonomi kepada komuniti.

#### **4.3.2 Menyediakan Peluang Pekerjaan**

Pembangunan sektor pelancongan tidak dapat dinafikan menyebabkan banyak peluang pekerjaan. Pihak pengurusan pelancongan seharusnya memberikan keutamaan kepada komuniti setempat yang berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong dalam sektor berkenaan bagi mewujudkan hubungan, sokongan dan integrasi yang berterusan antara pengusaha dengan komuniti setempat. Kewujudan pelbagai peluang pekerjaan di sesebuah destinasi bergantung kepada bilangan kemasukan pelancong dan jumlah wang yang dibelanjakan.

Sehubungan itu, pelancong memerlukan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan sepanjang percutian yang dilakukan. Bentuk kemudahan dan perkhidmatan inilah yang membuka ruang pekerjaan kepada komuniti setempat. Jenis pekerjaan yang dijalankan di Pulau Perhentian adalah pelbagai, namun secara umumnya garis panduan jenis pekerjaan yang ditawarkan hasil daripada program pembangunan pelancongan adalah seperti Jadual 4.10.

Jadual 4.10: Jenis Pekerjaan Yang Ditawarkan Dalam Industri Pelancongan di Pulau Perhentian.

<b>Penginapan (Chalet/Resort Dan Pusat Peranginan)</b>		
Pengurus	Pengemas Bilik	Pelayan
Tukang Masak	Penyelenggaraan	Penyambut Tetamu
<b>Pengangkutan</b>		
Pengusaha Teksi Air/Pemandu bot	Kakitangan Syarikat Bas / Agen Pelancongan	Kakitangan Syarikat Bas Dan Teksi (Pakej Pengusaha Chalet/Resort)
<b>Keusahawanan</b>		
Agenzia Pelancongan	Konsultan	Pemandu Pelancong
Peniaga		

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Penduduk di Pulau Perhentian ada yang mengambil peluang secara langsung dalam aktiviti pelancongan dengan bekerja secara terus dalam bidang pelancongan seperti pemandu pelancong, pemandu bot, perkhidmatan sewa bot, teksi air dan sebagainya. Namun ada juga komuniti setempat yang mendapat peluang pekerjaan secara tidak langsung dalam program pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian iaitu melalui program inap desa atau '*homestay*'. Program *homestay* ini merupakan salah satu inisiatif pihak kerajaan dalam membantu keterlibatan secara tidak langsung penduduk dalam aktiviti pelancongan. Hal ini turut membantu penduduk meningkatkan taraf ekonomi mereka sesuai dengan garis panduan yang telah disediakan oleh kerajaan seperti perkara yang telah disebut dalam Laporan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN).

“Mewujudkan sekurang-kurangnya dua perkampungan Inap Desa (*homestay*) bagi setiap Parlimen berdasarkan kekuatan dan keunikan produk yang ada. Produk inap desa ini dapat menggambarkan keunikan budaya masyarakat setempat melalui aktiviti kemasyarakatan tradisional, keunikan sumber alam dan dapat memberi pengalaman berharga berharga kepada pelancong yang menginap disitu.”

Peluang pekerjaan dan perniagaan yang dijalankan berupaya meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti serta mencapai hasrat kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan dan juga pengangguran terutamanya kawasan luar bandar. Dalam kes Pulau Perhentian, banyak peluang pekerjaan yang ditawarkan melalui program-program pembangunan pelancongan dan ianya secara tidak langsung telah membantu meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti walaupun secara keseluruhannya komuniti masih hidup dalam tahap sederhana.

Komuniti setempat turut mendapat pendedahan untuk menceburi perniagaan baru yang menguntungkan serta menyebabkan mereka mampu untuk berdikari tanpa mengharapkan pada bantuan oleh kerajaan semata-mata. Tahap perkembangan dalam kesedaran ini membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada komuniti dan mampu untuk mengurangkan tahap kemiskinan di Pulau Perhentian.

Jadual 4.11 : Aktiviti Pembangunan (Peluang Pekerjaan) Dan Penglibatan Mengikut Jantina.

AKTIVITI PEMBANGUNAN PELANCONGAN MEMBERIKAN PELUANG PEKERJAAN KEPADA KOMUNITI SETEMPAT		TOTAL
JANTINA	SETUJU	SANGAT SETUJU
LELAKI	165	4
PEREMPUAN	76	3
<b>TOTAL</b>	<b>243</b>	<b>7</b>
		<b>250</b>

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Hasil kajian menunjukkan seramai 243 orang daripada 250 responden setuju aktiviti pembangunan pelancongan memberikan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat dan 7 bakinya sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Boleh dikatakan komuniti yang terdiri daripada lelaki dan wanita di Pulau Perhentian setuju impak yang dibawa melalui pembangunan pelancongan membolehkan mereka menceburi bidang pekerjaan di luar daripada pekerjaan sedia ada mereka. Pembangunan pelancongan turut memberi kesedaran kepada penduduk untuk mewujudkan kawasan penginapan pelancong di dalam komuniti mereka sendiri.

Rajah 4.6 : Penginapan Pelancong di Kampung Pasir Hantu.



Sumber : Kajian Penyusunan Semula Pulau Perhentian Sebagai Destinasi Eko-Pelancongan Perdana, Perhentian Eco-tourism Plan.

Pembangunan aktiviti pelancongan di Pulau Perhentian telah membuka peluang kepada komuniti setempat untuk menceburi bidang pelancongan dengan lebih mendalam. Sehubungan itu, seperti rajah di atas, ada di antara komuniti setempat mula menjalankan aktiviti seperti menyediakan perkhidmatan chalet dan juga homestay kepada pelancong dalam kawasan perkampungan mereka untuk mendapatkan pendapatan tambahan. Chalet ini pula di berikan ‘rate’ harga yang jauh lebih murah berbanding kawasan tumpuan pelancongan lain. Purata harga yang ditawarkan adalah sekitar RM50 hingga RM100 sehari. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan peluang pekerjaan yang baru kepada komuniti di samping menambah pendapatan harian.

Jadual 4.12 : Umur dan Pendapatan Penduduk.

Umur	PURATA PENDAPATAN						Total
	Kurang Rm1000	Rm1001-Rm2000	Rm2001-Rm3000	Rm3001-Rm4000	Rm4001-Rm5000	Lebih Rm5001	
18-30	49	37	14	3	0	0	103
31-40	10	24	18	5	6	0	63
41-50	24	10	8	1	5	10	58
51-60	6	7	3	3	0	4	23
61-70	2	0	0	1	0	0	3
Total	91	78	43	13	11	14	250

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Hasil kajian menunjukkan golongan berumur 18 hingga 30 tahun merupakan golongan yang paling efektif dalam mendapatkan peluang pekerjaan di Pulau Perhentian. Seramai 103 orang responden daripada 250 merupakan mereka yang berumur antara 18 hingga 30 tahun di mana purata pendapatan mereka paling dominan pada kadar kurang dari RM1,000 iaitu seramai 41 orang , pendapatan bawah RM2,000 37 orang, dan bawah RM4,000 3 orang. Ini membuktikan walaupun komuniti setempat masih muda (berumur 18-31) mereka telah mampu mendapatkan pekerjaan dengan pendapatan di bawah RM3,000.

Pendapatan di bawah RM3,000 sudah mencukupi bagi komuniti setempat memandangkan mereka jarang ke tanah besar untuk berbelanja dan sekadar berbelanja untuk barang keperluan harian sahaja. Berbeza dengan golongan peringkat umur 31 dan ke atas ada yang telah mencapai tahap pendapatan melebihi RM4,000 sebulan. Golongan ini sudah lama mencebur入 bidang pelancongan dengan mengambil setiap peluang yang ada untuk dijadikan sumber pendapatan berbanding golongan muda dan tidak mustahil bagi golongan muda sekiranya mereka terus berkecimpung dalam bidang pekerjaan yang mereka

lakukan sekarang akan mencapai tahap pendapatan melebihi RM4,000 sebulan hasil dari proses pembangunan pelancongan yang dijalankan.

#### **4.3.3 Peluang Perniagaan**

Pembangunan pelancongan sering kali dilaung-laungkan sebagai batu loncatan kepada peningkatan perniagaan untuk komuniti setempat. Bagaimanapun, dalam konteks Pulau Perhentian, sebenarnya peluang perniagaan secara kecil-kecilan tidak banyak yang dapat diceburi oleh penduduk tempatan memandangkan kaedah pelancongan yang terdapat di sini dijalankan secara pukal, hampir sama dengan situasi di beberapa pulau lain seperti Pulau Redang. Ini bermaksud, segala-galanya telah dibekalkan oleh pihak chalet atau resort melalui ejen-ejen yang telah mereka pilih. Ejen-ejen ini bertindak mewujudkan program dan aktiviti pelancongan secara pakej.

Namun begitu, terdapat juga pelancong yang datang secara bersendirian (*backpackers*) tanpa menggunakan ejen atau pakej dan mereka biasanya akan tinggal lebih lama (selalunya melebihi 3 hari dua malam) dan memerlukan perkhidmatan luar selain yang disediakan oleh pihak resort. Golongan pelancong ini akan ke kedai runcit bagi membeli makanan yang kehabisan ataupun barang-barang keperluan yang tidak dibawa. Mereka juga akan ke kedai-kedai makan yang ada disekitar destinasi yang dilawati untuk mencuba masakan tempatan dengan harga yang jauh lebih murah dan lebih bersifat lokaliti. Antara barang yang sering menjadi permintaan pelancong adalah makanan ringan (*junk food*), air

minuman dan makanan ruji seperti roti. Jadual 4.13 menunjukkan jenis perniagaan yang ada di Pulau Perhentian.

Jadual 4.13: Jenis Perniagaan di Pulau Perhentian.

<b>Jenis perniagaan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Catatan</b>
Kedai Makan	15	Tambahan 15 lagi diresort dan chalet (2015)
Pemilik Chalet/resort	15	Perniagaan sewa peralatan dan seangkutan.
Kedai/Runcit	8	Di Kampung Pasir Hantu sahaja.
Kedai Cenderamata	1	
Pengusaha Dobi	3	1. Bubu 2. Matahari 3. Panorama
Penjual Minyak Petrol	3	Pengusaha Tanah Besar bekerjasama dengan penduduk tempatan.

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Berdasarkan jadual 4.13, beberapa jenis perniagaan dapat dikenalpasti wujud di Pulau Perhentian. Antara perniagaan yang utama adalah perniagaan kedai makan seramai 15 orang, dan perniagaan berkaitan chalet dan resort juga diusahakan oleh seramai 15 orang penduduk setempat. Selain itu, tindakan kebanyakannya pemaju dan pengusaha chalet dan resort di Pulau Perhentian yang menjalankan aktiviti pelancongan berbentuk pakej dan pukal menyebabkan pelancong jarang untuk membeli barang luar kerana hampir kesemuanya telah disediakan oleh mereka.

Hal ini sedikit mengganggu proses perniagaan yang ada di Pulau Perhentian. Namun, perniagaan cenderamata boleh dikatakan pada peringkat yang stabil dan baik di mana pelancong akan membeli barang cenderamata dari kedai

yang diusahakan oleh komuniti setempat walaupun hanya terdapat sebuah kedai yang diusahakan oleh penduduk namun ianya menjadi tumpuan. Hal ini kerana barang cenderamata yang dijual oleh komuniti setempat lebih murah berbanding yang dijual di jeti-jeti tanah besar dan tempat-tempat lain.

Jadual 4.14: Peniaga Tempatan Memperoleh Banyak Faedah Dari Pembangunan Pelancongan.

	Kekerapan	Peratusan%	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
SETUJU	193	77.2	77.2	77.2
SANGAT SETUJU	57	22.8	22.8	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Merujuk kepada Jadual 4.14, responden yang terdiri daripada komuniti setempat Pulau Perhentian 77.2% bersetuju peniaga setempat memperoleh banyak faedah dari pembangunan pelancongan yang dijalankan. Melalui proses pembangunan pelancongan, penduduk diberi peluang untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan terutamanya yang berkaitan dengan pelancongan. Kehadiran pelancong yang ramai membolehkan penduduk menambah hasil pendapatan mereka dengan menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan.

Jadual 4.15: Purata Pendapatan Penduduk.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah%	Peratusan Terkumpul %
Kurang RM1000	91	36.4	36.4	36.4
RM1001-2000	78	31.2	31.2	67.6
RM2001-3000	43	17.2	17.2	84.8
RM3001-4000	13	5.2	5.2	90.0
RM4001-5000	11	4.4	4.4	94.4
Lebih RM5001	14	5.6	5.6	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Jadual 4.15 menunjukkan purata pendapatan komuniti setempat di Pulau Perhentian. Secara keseluruhannya, pendapatan penduduk kurang dari RM1000.00 sebulan dengan peratusan sebanyak 36.4%. Namun, ianya tidak jauh berbeza dengan pendapatan di tangga ke dua iaitu RM1001-2000 sebulan sebanyak 31.2%. Bagi penduduk Pulau Perhentian, pendapatan sekitar RM2000 ke bawah sudah cukup besar memandangkan cara hidup dan '*living cost*' yang sederhana di Pulau Perhentian membolehkan mereka hidup dengan selesa. Terdapat juga penduduk yang berpendapatan sekitar RM4001-5000 sebulan (4.4%) dan apa yang mengejutkan sekitar 5.6% penduduk yang mempunyai pendapatan lebih RM5000 sebulan. Mereka ini terdiri daripada pemilik chalet dan resort.

Sementara itu, dari sudut pembekalan sumber dan bahan mentah pula, didapati sehingga kini masih terlalu kurang sumber itu diusahakan sendiri oleh komuniti setempat sebagai bekalan kepada resort-resort yang yang diusahakan. Hal ini kerana, penduduk dan pengusaha lebih tertumpu kepada bekalan daripada

tanah besar sahaja. Ianya sudah menjadi perkara turun-temurun mereka dengan memperoleh bekalan dan bahan mentah daripada tanah besar, termasuklah ikan segar walaupun sebahagian penduduk Pulau Perhentian bekerja sebagai nelayan. Secara umumnya, peluang dan usaha untuk menjadi pembekal dan pemberong masih belum diterokai oleh komuniti setempat kerana tahap kesedaran itu masih rendah. Mereka sudah terlalu bergantung kepada sumber dan aktiviti sedia ada yang dijalankan sejak dahulu lagi.

Rajah 4.7 : Perniagaan Gerai Kecil Melalui Kerjasama Kerajaan Tempatan.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Oleh yang demikian, peluang perniagaan secara umumnya memang banyak tersedia hasil daripada pembangunan pelancongan. Peluang perniagaan ini sepatutnya dimanfaatkan oleh komuniti setempat namun ianya kurang mendapat sambutan daripada penduduk, hal ini kerana tiga faktor utama iaitu kekurangan modal dan kewangan, tahap pendidikan dan pengetahuan yang rendah, dan terlalu selesa dengan cara hidup semasa.

Sehubungan itu, suatu perancangan yang khusus bagi melibatkan komuniti setempat secara maksimum perlu dibuat dengan sokongan pihak kerajaan dan pengusaha swasta. Kursus, program motivasi, dan penyediaan ruang perniagaan yang tersusun dan strategik serta memberikan bantuan modal terutamanya kepada golongan belia dan juga sesiapa sahaja yang berminat, akan dapat membantu mengukuhkan penglibatan mereka dalam perniagaan dan seterusnya menguatkan lagi keazaman mereka untuk maju dalam bidang ini.

Selain menjalankan aktiviti perniagaan asas komuniti setempat turut menjalankan peniagaan lain berdasarkan kepada sewaan. Antara barang yang disewakan kepada pelancong adalah seperti menyewa peralatan untuk aktiviti menyelam, snorkel, memancing laut dalam, selam skuba, *boating*, berkanu dan seumpamanya. Kebanyakan bentuk sewaan yang dilakukan oleh penduduk setempat adalah dalam bentuk pakej-pakej tertentu mengikut barang sewaan. Ada juga dalam kalangan komuniti setempat yang menyediakan sewaan melalui pakej dan kerjasama daripada pengusaha chalet dan resort.

Bagi tujuan perniagaan tersebut komuniti setempat memerlukan sijil tertentu yang telah disahkan oleh kerajaan bagi menjamin keselamatan pelancong. Untuk itu, komuniti setempat biasanya mempunyai kepakaran dan mampu untuk memberi tunjuk ajar kepada pelancong dalam aktiviti berkaitan maritim. Selain itu juga, pelancong boleh mengikuti kursus penyelaman secara intensif selama tiga hari bagi mendapatkan sijil penyelaman bertaraf dunia. Kursus ini dikendalikan oleh pelatih professional yang berpengalaman.

#### **4.3.4 Kenderaan/Bot Sewa**

Pulau Perhentian tidak dihubungkan oleh jalan darat dan juga jambatan untuk ke tanah besar. Satu-satunya jalan yang ada dan digunakan oleh penduduk serta pelancong adalah jalan laut. Untuk menggunakan jalan laut hanya bot yang dijadikan pengangkutan utama dan paling penting. Bot telah menjadi nadi pengangkutan yang menghubungkan Pulau Perhentian Besar dengan Pulau Perhentian Kecil. Oleh itu, komuniti setempat mula menjadikan bot dan perahu sebagai sumber pendapatan mereka. Komuniti setempat yang mempunyai bot kecil dan perahu kecil menjadikan bot/perahu mereka sebagai ‘teksi air’. Teksi air menjadi sumber pendapatan dan ekonomi komuniti dengan menjadikan tumpuan kepada pelancong untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Kadar harga yang dikenakan oleh pengusaha bot/perahu ini adalah sekitar RM10.00 namun bergantung kepada destinasi dituju contohnya dari Coral Bay ke Long Beach caj yang dikenakan adalah sebanyak RM20.00. Teksi air ini digunakan untuk menjemput dan menghantar penumpang (pelancong dan penduduk Pulau Perhentian) yang datang dari tanah besar ke Pulau Perhentian dan sebaliknya dengan menggunakan bot laju. Pada peringkat awal penggunaan dan aktiviti perniagaan sewa bot/perahu ini dijalankan ianya telah meningkatkan taraf ekonomi komuniti setempat sebagai salah satu alternatif dalam aktiviti ekonomi mereka.

Namun begitu, peningkatan dalam jumlah bot/perahu dengan pembinaan jeti-jeti sekitar Pulau Perhentian telah menimbulkan kerisauan dalam ancaman terhadap ekosistem pulau. Pembinaan jeti dan peningkatan penggunaan bot telah mengganggu kelestarian alam. Hal ini telah merisaukan banyak pihak terutamanya dalam menjaga kelestarian pulau sebagai kesinambungan terhadap keindahan alam untuk meneruskan aktiviti pelancongan di pulau tersebut. Setelah pewartaan Pulau Perhentian sebagai taman laut, aktiviti teksi air ini semakin dilestarikan mengikut kesesuaian geografi dan ekosistem yang ada. Keadaan ini telah berjaya mengimbangi aktiviti tersebut dengan keindahan alam tanpa mengganggu struktur laut dan hidupan laut yang ada.

Rajah 4.8 : Teksi Air.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Sesungguhnya, fenomena pengangkutan teksi air di Pulau Perhentian ini merupakan suatu daya tarikan kepada pelancong yang datang dan ianya perlu dilestarikan lagi bagi mengimbangi kegiatan ekonomi tersebut tanpa mengganggu sumber alam yang ada. Bagi komuniti setempat pula, sekiranya mereka memiliki bot yang lebih besar, itu merupakan suatu alternatif kepada mereka kerana dengan bot yang lebih besar mereka boleh menawarkan perkhidmatan bot untuk membawa pelancong ke lokasi-lokasi penyelaman, snorkeling dan juga memancing di laut dalam.

#### **4.3.5 Program Inap Desa / Homestay / Kampung Stay**

Program *homestay* mula diperkenalkan ekoran penginapan sedia ada di Pulau Perhentian hanya dapat menampung 1000 bilik dan hanya tertumpu kepada sebilangan kecil penginapan berbentuk resort mewah, *chalet* bertaraf sederhana, asrama dan kawasan perkhemahan. Hal ini menimbulkan isu kekurangan tempat bagi menampung jumlah pelancong yang kian meningkat saban tahun terutamanya pada musim puncak. Kekurangan pengusaha penginapan terutamanya oleh komuniti setempat disebabkan oleh faktor ketidakupayaan modal yang menghalang komuniti setempat yang miskin daripada terlibat dalam industri pelancongan. Sehubungan itu, salah satu kaedah yang boleh digunakan ialah melalui penglibatan masyarakat dalam pelancongan berdasarkan komuniti iaitu program homestay. Konsep utama yang ditekankan bagi produk ini adalah lebih kepada produk pelancongan yang berunsurkan pengalaman.

Objektif utama penubuhan program *homestay* adalah untuk memenuhi kehendak dua kumpulan sasaran iaitu kumpulan pertama ialah masyarakat kampung di mana mereka menerima manfaat daripada sektor pelancongan, dapat meningkatkan pendapatan serta taraf hidup, dan melahirkan usahawan pelancongan dalam kalangan masyarakat desa. Kumpulan ke dua adalah para pelancong di mana mereka dapat menikmati dan mengalami kehidupan serta kebudayaan masyarakat kampung dengan lebih dekat. Program ini juga mewujudkan produk pelancongan hospitaliti desa dengan harga yang boleh dikatakan kompetitif.<sup>6</sup>

#### **4.3.6 Penawaran Barang Dan Perkhidmatan Yang Berkualiti**


Perkembangan pelancongan umumnya akan menggalakkan pelabur untuk menanam modal di destinasi pelancongan. Begitu juga di Pulau Perhentian. Dengan langkah dan program pembangunan pelancongan yang diwujudkan telah berjaya meyakinkan pelabur asing dan juga tempatan untuk menanam modal di Pulau Perhentian. Pelaburan ini adalah meliputi penyediaan pelbagai barang, kemudahan dan juga perkhidmatan. Kemasukan pelabur luar dalam kuantiti yang terkawal di Pulau Perhentian akan mewujudkan suatu bentuk persaingan dalam memasarkan barang, kemudahan dan perkhidmatan masing-masing. Hubungan persaingan ini wujud dalam bentuk pelabur asing (pelabur dari luar negara yang

---

<sup>6</sup> Diubahsuai dari Laporan Akhir Pelan Pembangunan Penduduk dan Pelancongan Lestari Pulau Perhentian, (April 2012), Universiti Malaysia Terengganu melalui kajian lapangan dan soal selidik yang dijalankan pada 31 Oktober 2015 pada 31 Oktober 2015.

bermodal besar) dengan pelabur tempatan (rakyat Malaysia yang tinggal luar daripada Pulau Perhentian) dan penduduk tempatan (pemastautin tetap Pulau Perhentian/usahawan).

Rajah 4.9. Hubungan persaingan 3 kelompok.



Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Hubungan persaingan dalam menyediakan barang, kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik ini telah membawa kepada wujudnya kuasa memilih, dan kuasa memilih itu terletak di tangan pelancong untuk mendapatkan servis yang terbaik daripada tiga kelompok pesaing itu. kesannya, pelancong mempunyai kuasa memilih secara mutlak untuk memperoleh barang, kemudahan dan juga perkhidmatan yang ditawarkan serta yang dikehendaki oleh pelancong mengikut cita rasa dan juga kemampuan mereka. Dari satu sudut ianya memperlihatkan kelemahan dalam persaingan ini iaitu terhadap pelabur dari kalangan komuniti setempat yang selalunya akan tertindas.

Hal ini kerana komuniti setempat biasanya akan mengalami fasa kekalahan dari sudut modal dan modal merupakan faktor penting dalam keutuhan pelaburan sekalipun barang, perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan lebih baik. Tekanan daripada pelabur asing, dan pelabur tempatan yang hadir dari luar Pulau Perhentian menyebabkan pelabur dari kalangan usahawan tempatan tidak dapat bertahan lama. Sehubungan itu, kerajaan perlu manjalan kan inisiatif tertentu dalam menjadikan survival pelabur dalam kalangan masyarakat tempatan terus dapat bersaing dalam arena ekonomi setempat.

#### **4.3.7 Peningkatan Dalam Keusahawan Komuniti**

Sektor pelancongan di Pulau Perhentian sebenarnya mampu untuk menjadi faktor dalam proses pembangunan sosioekonomi penduduk. Walaupun diakui pertumbuhan sosioekonomi yang agak perlahan dan peluang pekerjaan terhad dalam kalangan komuniti setempat. Namun melalui langkah-langkah pembangunan pelancongan yang betul ianya mampu untuk mengubah landskap sosioekonomi mereka sekarang. Kekurangan kemahiran dan pendapatan yang secara puratanya di bawah RM1,000 sebulan serta tiada pekerjaan tetap menyebabkan mereka terpaksa melakukan pelbagai aktiviti pekerjaan seperti berniaga secara runcit dan kecil-kecilan bagi menampung keperluan harian mereka.

Permulaan perniagaan dengan modal yang kecil serta sokongan rakan-rakan sekampung menjadikan mereka terus bersemangat untuk menceburi dalam

bidang perniagaan walaupun segelintir daripada mereka telah mencapai usia emas. Program pembangunan usahawan di Pulau Perhentian dilakukan terhadap beberapa kumpulan sasar seperti pembangunan keusahawanan terhadap golongan wanita, belia dan juga warga emas. Golongan wanita antara yang paling banyak menceburkan diri dalam bidang keusahawanan melalui Industri Kecil Sederhana (IKS), ekoran ketiadaan kelulusan dan modal yang kecil. Namun ianya sikit sebanyak membantu keluarga dalam memenuhi keperluan kehidupan sehari-hari mereka. Koperasi dan Persatuan Perhentian Ladies Association yang disediakan menjadi platform bagi mereka bertukar pandangan dan bekerjasama dalam mewujudkan program keusahawanan selari dengan kehendak pembangunan.

Rajah 4.10 : Projek Lot Kedai Keusahawanan (Kanan Gambar) dan Koperasi Penduduk (Kiri Gambar).



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Selain itu, pelan tindakan turut diwujudkan untuk golongan belia di Pulau Perhentian dan turut dibahagiakan kepada beberapa bahagian iaitu bidang pertanian, keusahawanan, dan penternakan. Hal ini amat dititikberatkan kerana

mampu menjana dan meningkatkan pendapatan negara dalam meneruskan kehidupan seharian di Pulau Perhentian. Oleh itu, persatuan belia di pulau itu telah mengadakan aktiviti-aktiviti seperti kursus kemahiran seperti penternakan ayam kampung, burung walit dan sebagainya. Golongan belia turut diberi pendedahan ilmu keusahawanan seperti perniagaan secara kecil-kecilan terutamanya dalam bidang pelancongan. Contohnya, perniagaan runcit, usahawan tani, pasar malam dan gerai-gerai kecil yang dapat menjana pendapatan keluarga.

Jadual 4.16: Program Pembangunan Pelancongan Mewujudkan Peluang Keusahawanan dan Latihan Kepada Komuniti Setempat.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
SETUJU	191	76.4	76.4	76.4
SANGAT SETUJU	59	23.6	23.6	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Merujuk kepada Jadual 4.16 di atas, sebanyak 76.4 % daripada 250 responden yang setuju program pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian mewujudkan peluang keusahawanan dan latihan kepada komuniti setempat. Sementara 23.6 % daripadanya sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bagi skala sangat tidak setuju dan tidak setuju pula tiada peratusan yang ditunjukkan. Hal ini meyakinkan penyelidik, program pembangunan pelancongan yang dijalankan sememangnya banyak membantu penduduk dari sudut keusahawanan, latihan dan juga perniagaan.

## **4.4 Impak Negatif**

### **4.4.1 Penguasaan Destinasi oleh Pelabur Asing**

Proses pembangunan pelancongan di sesebuah destinasi sememangnya memerlukan modal yang sangat besar dan perlu dibangunkan dengan skala dan teknologi yang bertepatan bagi menjamin kelestarian sesebuah pembangunan. Begitu juga halnya dengan proses pembangunan pelancongan yang berlaku di Pulau Perhentian dan destinasi pelancongan lain di Malaysia. Proses pembangunan ini biasanya menelan belanja yang besar sehingga walaupun kerajaan menyediakan dana-dana tertentu ianya masih belum mencukupi tanpa adanya suntikan modal dan juga sokongan daripada pelabur asing.

Pelabur asing lebih dilihat berpotensi dalam memajukan sesebuah destinasi pelancongan kerana mereka lebih memiliki sumber kewangan yang kukuh bagi membiayai setiap projek pembangunan yang dijalankan. Bantuan yang diberikan oleh kerajaan biasanya dalam bentuk fasiliti dan kemudahan infrastruktur asas bagi memudahkan aktiviti yang ingin dilakukan seperti jeti, bekalan elektrik, bekalan air paip, balai polis, sekolah, surau, balai raya, dan lain-lain. Selebihnya, pembangunan dalam bentuk chalet, penempatan pelancong diusahakan melalui pelabur luar.

Sehubungan itu, pembangunan destinasi pelancongan yang didominasi oleh pelabur asing menyumbangkan kesan negatif terhadap komuniti setempat. Hal ini dapat dilihat melalui pelabur asing yang menanam modal dalam

pembangunan pusat peranginan, penginapan, makanan dan minuman, perkhidmatan, pengangkutan, barang dan kemudahan lain kepada pelancong. Jika keadaan ini tidak dikawal oleh pihak berwajib, pelabur asing bakal memonopoli pasaran dan mengawal perkembangan destinasi pada masa hadapan. Lebih membimbangkan apabila peluang untuk usahawan bumiputera dan komuniti setempat seperti di Pulau Perhentian menceburii bidang pembangunan pelancongan akan turut terbantut dan menghalang mereka untuk terus maju dalam sektor ekonomi di tanah mereka sendiri.

Jadual 4.17: Pembangunan Pelancongan Menarik Pelabur Asing Ke Kawasan Anda Melalui Pembinaan Hotel, Resort, dan Lain-lain.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
SANGAT TIDAK SETUJU	5	2.0	2.0	2.0
TIDAK SETUJU	14	5.6	5.6	7.6
SETUJU	194	77.6	77.6	85.2
SANGAT SETUJU	37	14.8	14.8	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Jadual 4.17 menunjukkan hasil soal selidik yang diberikan kepada penduduk bagi mendapatkan reaksi tentang kemasukan pelabur asing ke Pulau Perhentian sepanjang proses pembangunan pelancongan berlangsung. Melalui jadual tersebut, sebanyak 77.6% daripada komuniti setempat setuju yang pembangunan pelancongan menarik pelabur asing ke Pulau Perhentian. 14.8%

pula menyatakan mereka sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sementara bakinya 5.6% tidak bersetuju dan 2% daripada mereka menyatakan sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Daripada hasil sosal selidik ini didapati penduduk rata-ratanya bersetuju pelabur asing semakin ramai masuk ke Pulau Perhentian untuk menabur modal dalam industri pelancongan samada dari sudut pengurusan pelancongan, ekonomi dan sebagainya. Hal ini nyata menjadi kebimbangan dan ancaman terhadap sosioekonomi komuniti setempat yang turut menyertai sektor pelancongan sebagai pendapatan mereka.

Kebiasaannya, pelabur asing tidak akan mementingkan kepada konsep kelestarian sebaliknya apa yang menjadi tumpuan utama mereka adalah bagi mendapatkan keuntungan dengan cepat dan berlipat kali ganda. Setiap perancangan dan pembangunan yang dilakukan adalah bertujuan memperoleh keuntungan berlipat ganda bagi kepentingan syarikat dan juga kepentingan individu tanpa memikirkan kesan kepada flora fauna, komuniti setempat dan lain-lain lagi. Akibat daripada itu, komuniti setempat dipinggirkan daripada memperoleh manfaat pembangunan sesebuah destinasi disebabkan kurangnya pengetahuan, kemahiran dan juga modal.

#### **4.4.2 Peningkatan Harga Barang, Kemudahan dan Perkhidmatan**

Secara lazimnya, kemasukan pelancong ke destinasi pelancongan akan mewujudkan peningkatan dalam permintaan terutamanya permintaan terhadap barang, kemudahan, dan juga perkhidmatan. Dari satu sudut, peningkatan permintaan oleh pelancong ini akan memberi pulangan ekonomi yang baik kepada pengusaha, namun penyediaan kemudahan dan perkhidmatan juga akan menyebabkan pengusaha terpaksa menanggung kos yang tinggi bagi memenuhi permintaan pelancong yang sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Kos yang tinggi ini meliputi pinjaman bank, bayaran sewa lantai, cukai pintu, gaji pekerja, bahan api, barang untuk pembinaan, kos penyelenggaraan, dan sebagainya.

Bantuan daripada kerajaan sememangnya tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan tinggi pelancong, sehubungan itu, bagi menampung kos ini, pengusaha terpaksa menaikkan harga barang, kemudahan, dan juga perkhidmatan yang ditawarkan. Peningkatan dalam harga barang, kemudahan dan perkhidmatan merupakan ancaman besar kepada proses pembangunan pelancongan kerana ianya boleh memberi kesan dari kuantiti kedatangan pelancong seterusnya boleh mempengaruhi peningkatan dalam sosioekonomi masyarakat.

Keadaan ini turut membebangkan kepada pelancong yang berpendapatan rendah untuk membeli barang, kemudahan dan juga perkhidmatan. Selain pelancong, kesan kenaikan harga akan turut dirasai oleh komuniti setempat kerana

kebanyakan mereka akan mendapatkan sumber bahan mentah daripada kedai dan pembekal yang terdekat bagi menjimatkan kos bahan api dan juga perjalanan. Sehubungan itu, kos hidup yang tinggi akan menyebabkan pelancong dan juga komuniti setempat tertekan dan kualiti dalam pembangunan pelancongan akan menurun dari sudut kedatangan pelancong dan juga sosioekonomi masyarakat.

#### **4.4.3 Persaingan Yang Tidak Sihat Dalam Kalangan Pengusaha**

Peningkatan dalam kualiti pelancongan di sesebuah destinasi akan menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara. Penawaran sistem perkhidmatan dan keindahan alam semulajadi memberikan bonus tambahan buat pengusaha sektor pelancongan disesbuah destinasi. Pelancong yang selesa dengan sesebuah destinasi akan memberi cadangan kepada pelancong yang lain untuk ke destinasi tersebut. Sehubungan itu, ia akan meningkatkan persaingan dalam kalangan pengusaha pelancongan untuk memberikan dan menawarkan perkhidmatan yang terbaik dalam menarik minat pelancong. Tahap persaingan yang tinggi antara pengusaha dalam memasarkan barang dan perkhidmatan kepada pelancong mampu mewujudkan keadaan yang tidak sihat di sesebuah destinasi.

Hal ini kerana, bagi memastikan produk, barang, dan perkhidmatan yang dijual serta ditawarkan disukai oleh pelancong mereka akan menggunakan pelbagai strategi pemasaran seperti penentuan harga dan pakej yang ditawarkan mengikut kesesuaian dan kepentingan sendiri. Tambahan lagi, terdapat sebilangan

kecil dalam kalangan pengusaha menggunakan strategi-strategi yang tidak sihat seperti meng sabotaj pengusaha lain, menggunakan khidmat kumpulan kongsi gelap bagi tujuan mengugut pengusaha lain, dan bermacam-macam cara lagi.<sup>7</sup>

Sehubungan itu, keadaan ini akan mampu untuk mewujudkan keadaan tidak sihat dan tidak selamat dalam kalangan pelancong bahkan dalam kalangan penduduk tempatan sendiri. Kesannya, pelancong akan mula meninggalkan destinasi dan mengunjungi kawasan dan destinasi yang lebih selamat dan selesa. Sekiranya keadaan ini tidak dikawal, destinasi pelancongan yang ditinggalkan pelancong itu akan mengalami kemerosotan dalam jangka masa panjang dan memberi kesan kejatuhan sosioekonomi yang teruk kepada penduduk tempatan.

#### **4.5 Kesimpulan**

Hasil kajian menunjukkan proses pembangunan pelancongan yang telah dan sedang dijalankan di Pulau Perhentian sememangnya membawa pelbagai impak terhadap ekonomi masyarakat tempatan. Pelbagai reaksi, pandangan, dan tindakan yang telah diutarakan oleh penduduk dalam menjamin hak ekonomi mereka dalam meneruskan kelangsungan hidup. Pembangunan pelancongan yang terancang dan mengambil kira aspek kepentingan penduduk akan mampu mengangkat taraf ekonomi penduduk tempatan selari dengan perkembangan ekonomi negara. Struktur ekonomi yang mampan dalam kalangan masyarakat

---

<sup>7</sup> Temuramah bersama Encik Zainuddin Bin Mohammad, Ketua Kampung Pasir Hantu pada 31 Oktober 2015.

tempatan Pulau Perhentian akan secara langsung membantu dalam penilaian terhadap taraf hidup masyarakat negeri Terengganu secara am dan Malaysia secara umumnya.

Pembangunan pelancongan yang wujud di Pulau Perhentian telah membuka peluang aktiviti ekonomi seperti aktiviti maritim dan juga perniagaan melibatkan chalet, resort dan gerai-gerai kecil. Hasil kajian menunjukkan rata-rata penduduk menerima kesan positif dari sudut ekonomi kesan pembangunan pelancongan yang dijalankan. Penduduk rata-ratanya berjaya meningkatkan taraf ekonomi mereka melalui peluang-peluang pekerjaan yang wujud hasil daripada kegiatan pelancongan yang dijalankan. Peluang pekerjaan wujud dalam bentuk perniagaan melalui program homestay, sewa bot dan lain-lain lagi. Nilai keusawahan turut meningkat dalam kalangan penduduk untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan aktiviti perekonomian. Namun begitu, kesan negatif seperti peningkatan harga barang dan penguasaan destinasi pelancongan oleh pelabur asing perlu diambil berat oleh pihak berwajib bagi menjamin hak perekonomian komuniti setempat.

## BAB 5

### PERANAN KERAJAAN DALAM MEMPROMOSIKAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN MARITIM DI PULAU PERHENTIAN.

#### 5.1 Pengenalan

Kepentingan sektor pelancongan pulau terhadap pertumbuhan ekonomi negara telah menyebabkan kerajaan mengambil langkah yang lebih agresif dalam menggalakkan perkembangan industri ini. Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif bagi menjamin pemuliharaan ekosistem yang berkaitan dengan pulau. Salah satu langkah awal yang diambil oleh kerajaan adalah dengan mengeluarkan satu strategi yang dipanggil Strategi Taman Laut yang dikuat kuasa di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317) pindaan 1993. Bermula dengan pewartaan Pulau Redang pihak berwajib melalui proses penyelidikan dan pengurusan telah mengenalpasti pulau-pulau sekitar Malaysia untuk digazetkan sebagai Taman Laut. Sehingga ke tahun 2015, sekitar 40 buah Pulau telah diwartakan sebagai Taman Laut iaitu dengan keluasan cantuman 569,447 hektar. Pihak kerajaan Malaysia telah menyerahkan tugas-tugas pengurusan taman-taman laut ini kepada Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM).

JTLM telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1997 di bawah kerajaan persekutuan yang bertanggungjawab dalam kesemua hal ehwal berkaitan dengan Taman laut di Malaysia. Hal ini membuktikan kerajaan Malaysia begitu serius dan komited dalam mengendalikan industri pelancongan pulau yang semakin

mendapat tempat dalam kalangan pelancong samada pelancong domestik mahupun pelancong antarabangsa. Memasuki tahun 2000 industri pelancongan negara telah dikenalpasti sebagai sumber pendapatan tukaran asing yang dapat membantu memantapkan lagi ekonomi negara. Penubuhan Taman Laut pada dasarnya adalah untuk melindungi dan memulihara ekosistem samudera, namun penubuhan taman laut masih perlu menyediakan aktiviti rekreasi, pelancongan serta pembangunan sosioekonomi kepada komuniti yang menetap di sekitar kawasan taman laut berkenaan. Secara umumnya pembangunan pelancongan akan memberi kesan kepada pelbagai aspek seperti ekosistem, sosial dan ekonomi penduduk. Oleh yang demikian, kerjasama dari pelbagai pihak adalah perlu untuk merancang pembangunan dan penggunaan sumber secara terkawal dan mengurangkan defisit kesan terhadap komuniti setempat.

## **5.2 Peranan Kerajaan**

Proses pembangunan pelancongan mahupun pembangunan-pembangunan lain sememangnya amat berkait rapat dengan sosial dan ekonomi serta melibatkan pelbagai kumpulan, agensi dan institusi yang mempunyai agenda tersendiri. Penglibatan agensi ini lebih dominan dan cenderung terhadap kerajaan memandangkan pihak kerajaan adalah agensi yang bertanggungjawab dalam setiap polisi pembangunan negara. Melalui pihak kerajaan program pembangunan pelancongan akan melalui proses yang lebih efisyen dan berkesan. Tumpuan perancangan pembangunan pelancongan pula meliputi lokasi (alam semulajadi, warisan budaya, buatan manusia) golongan sasaran (pelancong, kumpulan

masyarakat, penduduk tempatan, ahli perniagaan, rakyat) dan pihak terlibat dalam perlaksanaan (kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan).<sup>94</sup> Sehubungan dengan itu, untuk memastikan sesuatu rancangan berada di landasan yang betul dan menepati syarat pembangunan terancang, perlaksanaan perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan oleh pihak yang diberi amanah melaksanakan pembangunan tersebut.

Pihak pelaksana merupakan pihak yang diamanahkan dalam merealisasikan pembangunan pelancongan secara terancang selari dengan status sesebuah kawasan pelancongan. Contohnya pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian yang dilakukan oleh kerajaan perlu selari dengan statusnya sebagai sebuah pulau Taman Laut yang dipelihara ekosistemnya. Pembangunan pelancongan perlu dirancang secara berhati-hati kerana sifatnya yang mudah berubah mengikut persekitaran semasa (ekonomi, alam sekitar, sosial) melibatkan penggunaan kos, masa dan tenaga yang tinggi dalam pelaksanaannya. Bagi membolehkan kerajaan mendapatkan hasil yang optimum dari industri pelancongan tanpa merosakkan ekosistem yang ada, pelbagai langkah dan perancangan dirangka oleh kerajaan. Jadual 5.1 menunjukkan tahap penerimaan penduduk terhadap penglibatan pelbagai agensi dalam pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian.

Jadual 5.1: Program Pembangunan Pelancongan Perlu Melibatkan Pelbagai Agensi Kerajaan, Swasta, Kumpulan Rakyat, dan Individu Bagi Memastikan Semua Golongan Memperoleh Manfaat

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan %</b>	<b>Peratusan Sah %</b>	<b>Peratusan Terkumpul %</b>
Setuju	234	93.6	93.6	93.6
Sangat setuju	16	6.4	6.4	100
Total	250	100.00	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Merujuk kepada Jadual 5.1, borang soal selidik telah diberikan kepada responden yang mewakili komuniti setempat di Pulau Perhentian mengikut skala seperti yang dilampirkan pada lampiran soal selidik. Melalui hasil soal selidik tersebut, sebanyak 93.6% daripada komuniti setempat bersetuju dengan kenyataan yang telah diutarakan. Sementara 6.4% pula menyatakan mereka sangat setuju bahawasanya penglibatan pelbagai pihak amat penting dalam merealisasikan program pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian. Sementara itu, bagi skala sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju tiada seorangpun daripada responden yang menanda pada bahagian tersebut. Hal ini menggambarkan tahap kefahaman komuniti setempat mulai meningkat dan mereka lebih serius dalam memikirkan masa depan mereka melalui inisiatif pembangunan pelancongan.

### **5.2.1 Pembangunan Modal Insan Terhadap Komuniti**

Konteks pembangunan Pulau Perhentian yang perlu difahami adalah pembangunan perlu melalui beberapa peringkat dan perlu selari dengan dasar pembangunan pelancongan negeri. Dasar pembangunan pelancongan negeri

Terengganu adalah untuk menjadikan Pulau Perhentian sebagai salah sebuah lokasi ekopelancongan yang berdaya saing di peringkat domestik dan global. Hal ini sesuai dengan status Pulau Perhentian sebagai pusat pelancongan Taman Laut yang semakin menjadi tumpuan masyarakat sekarang. Sehubungan itu, dalam mencapai tujuan tersebut pemerkasaan terhadap modal insan dalam kalangan komuniti setempat adalah merupakan salah satu daripada petunjuk penting dalam mengkaji perubahan sosioekonomi penduduk di Pulau Perhentian. Mereka tidak boleh lagi dipinggirkan dari sebarang proses pembangunan serta perlu seiring dengan arus perdana.

Modal insan dalam konteks organisasi merujuk kepada staf atau pekerja di dalam organisasi. Sementara pembangunan modal insan pula merujuk kepada usaha-usaha dan tindakan/aktiviti yang dilaksanakan oleh organisasi untuk membangunkan pekerja supaya terampil dari aspek pengetahuan, kemahiran dan pembentukan sikap dalam melaksanakan tugas.<sup>95</sup> Dalam konteks Pulau Perhentian, pembangunan modal insan boleh juga dirujuk sebagai usaha kerajaan dan pihak berwajib melahirkan insan yang berkualiti dari sudut sahsiah, pendidikan dan berdaya saing (sektor pelancongan) serta mampu menyumbang kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pembangunan pelancongan dari segi faedah *tangible* dan *intangible*, sama ada secara sedar atau tidak, lebih memberi keuntungan kepada peningkatan promosi pembangunan pelancongan itu sendiri berbanding dengan faedah kepada komuniti setempat.<sup>96</sup>

Merujuk kepada pernyataan ini, sememangnya akan wujud ketidakadilan dalam pelaksanaan program pembangunan pelancongan terutamanya dalam situasi Pulau Perhentian yang lebih mementingkan ekosistem sebagai tarikan utamanya. Ianya seperti meletakkan komuniti asal pulau dalam situasi terpaksa dan tidak mempunyai banyak pilihan dalam membuat keputusan berkenaan pembangunan pelancongan ditempat mereka. Sedikit sebanyak ianya akan mengganggu sosiekonomi komuniti melalui penekanan terhadap pembangunan yang lebih utama yang mana dalam kes ini tumpuan diberikan lebih kepada pembangunan ekosistem demi menjaga kemandirian alam sekitar dan struktur fizikal Pulau Perhentian.

Sehubungan itu, program-program pembangunan pelancongan yang dijalankan akan mendatangkan pelbagai persepsi terhadap sosial dan juga ekonomi komuniti. Secara umumnya, pertumbuhan ekonomi mungkin menunjukkan peningkatan yang baik merujuk kepada kedatangan pelancong yang ramai namun, terselit juga masalah dari sudut modal insan di mana komuniti akan mengalami masalah tertentu daripada sudut sosial yang memungkinkan pembangunan modal insan mereka terbantut.

Pemerhatian yang dibuat terhadap komuniti setempat seperti yang dibincangkan pada bab-bab terdahulu menunjukkan terdapat sebahagian penduduk terutamanya remaja yang terlibat dengan pelbagai gejala sosial seperti pengambilan minuman keras, hubungan seks bebas, penyakit kelamin dan masalah akhlak. Sehubungan itu, langkah pembangunan modal insan dalam

kalangan komuniti setempat adalah amat penting untuk diterapkan terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Kerjasama daripada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pelancongan Malaysia melalui kerajaan Negeri Terengganu, penerapan nilai murni dan modal insan telah dimulakan diperingkat akar umbi iaitu melalui pendidikan formal. Pendidikan formal ini dijalankan di Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Perhentian dan juga Tadika di Kampung Pasir Hantu. Pendidikan merupakan medium yang paling utama dalam membentuk sahsiah generasi muda terutama dalam membina modal insan yang berkualiti. Pihak guru dan pengurusan sekolah telah menjalankan pelbagai aktiviti seperti penekanan terhadap subjek yang berkaitan sivik dan juga keagamaan. Kelas Fardhu Ain turut dijalankan bagi menerapkan ilmu agama kepada pelajar sekolah.<sup>8</sup>

Sehubungan dengan itu pembangunan modal insan masyarakat pulau seharusnya berlandaskan Dasar Ekopelancongan Pulau Perhentian yang telah digubal dalam menjamin kejayaan Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan untuk masyarakat pulau. Oleh itu teras pembangunan modal insan masyarakat pulau hendaklah menjurus kepada pendekatan kepada pembinaan institusi keluarga yang berkesan dan dikuti dengan pendekatan program-program pendidikan yang mensasarkan gologan kanak-kanak dan remaja di samping

---

<sup>8</sup> Temuramah Bersama Ketua Kampung Pasir Hantu, Pulau Perhentian En. Zainuddin B. Mohammad yang dibuat pada 31 Oktober 2015.

memupuk kesedaran kepentingan pendidikan di kalangan masyarakat. Pendidikan dalam erti kata yang sebenar yang menjangkau sistem pendidikan formal yang menjurus ke arah pembinaan modal insan berlandaskan peraturan hidup beragama dan akur kepada tatasusila kehidupan masyarakat timur. Pembinaan jati diri merupakan asas yang penting dalam membentuk modal insan berkualiti. Jati diri yang kukuh akan berupaya mengubah taraf hidup sesebuah masyarakat. Sehubungan itu, beberapa pendekatan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan iaitu melalui penekanan khusus kepada tiga kategori utama. Kategori tersebut adalah kanak-kanak, kategori pelajar sekolah rendah dan kategori remaja/belia.<sup>97</sup>

Jadual 5.2: Kategori Pembinaan Jatidiri Generasi Muda Pulau Perhentian.

<b>Kategori</b>	<b>Penerangan</b>
<b>Kanak-kanak</b>	Memberi pendedahan dan galakan kepada ibubapa untuk mengantar anak-anak seawall usia tujuh tahun ke bawah memasuki kelas tadika Islam bermula jam 8.00 pagi sehingga 1.00 tengahri. Kelas yang diadakan lebih memberi penekanan kepada asas agama kepada anak-anak kecil selain mengelak mereka menghabiskan waktu dengan berkeliaran sekitar pulau dan terdedah dengan gejala negatif yang dibawa pelancong asing.
<b>Pelajar Sekolah Rendah</b>	Membina potensi diri melalui pendidikan bersifat holistik merangkumi aspek kecemerlangan akademik, nilai-nilai murni dan kerohanian. Motivasi yang menekankan kepada kepentingan ilmu dan kejayaan hidup melalui pendidikan. Program motivasi terutama mereka yang berjaya bagi menüp semangat dalam diri pelajar untuk berjaya dan meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Program seperti motivasi remaja muslim, kesedaran kepada pelajar yang terdedah dengan budaya luar.
<b>Kategori Belia/Remaja</b>	Penguatkuasaan ketat untuk membendung gejala minuman keras dan maksiat melalui kerjasama rapat antara JHEAT dan Majlis Daerah Besut. Kursus-kursus kefahaman Islam diberikan kepada golongan remaja melalui penyertaan terhadap kem kerohanian, ceramah dan sebagainya. Kursus kerjaya dan kemahiran juga diadakan untuk membuka minda remaja. Institusi seperti pendidikan dan professional antara penggerak utama langkah-langkah yang dinyatakan. <sup>9</sup>

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

<sup>9</sup> Pembahagian kategori ini diubahsuai melalui Laporan Akhir Pelan Pembangunan Penduduk dan Pelancongan Lestari Pulau Perhentian, (April 2012), Universiti Malaysia Terengganu dan hasil temuramah bersama En. Zainuddin B. Mohammad selaku ketua Kampung Pasir Hantu, dan orang yang menguruskan hal ehwal pembangunan di Pulau Perhentian pada 31 Oktober 2015, jam 11.00 pagi.

### **5.2.2 Pembangunan Pendidikan di Setiap Peringkat**

Pendidikan merupakan salah satu daripada sumber pembentukan modal insan dan jatidiri yang kukuh. Malah pendidikan boleh dikatakan sebagai elemen paling penting dalam membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun. Secara umumnya terdapat sebuah sekolah rendah yang telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan dalam menyediakan platform pengajian awal kepada komuniti setempat. Selaian sekolah rendah terdapat juga sebuah tadika sebagai penyediaan kepada kanak-kanak untuk masuk ke alam persekolahan utama. Pembinaan sekolah rendah ini merupakan antara langkah serius kerajaan dalam menjamin kualiti hidup dan modal insan komuniti yang bakal mewarisi segala aktiviti pelancongan di Pulau Perhentian. Ianya dibina pada tahun 1981. Sekolah ini juga mempunyai kemudahan yang lengkap seperti juga sekolah di Tanah Besar. Ianya lengkap dengan perpustakaan, kedai koperasi, bilik kemahiran hidup, makmal komputer, stor sukan, pejabat rasmi, bilik tayangan, makmal sains dan lain-lain lagi selari dengan keperluan pelajar arus perdana. Pendidikan yang diajarkan adalah dalam bentuk formal bagi generasi muda.

Rajah 5.1 : Taman Bimbingan Kanak-kanak, TABIKA.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Selain pendidikan peringkat awal pihak kerajaan turut memberikan pendidikan kepada generasi muda/belia dan juga peringkat ibubapa/warga emas. Hal ini kerana pendidikan adalah teras kepada pembentukan masyarakat yang lestari dalam membina insan yang beragama dan berilmu. Kedua-dua aspek ini amat penting dalam menjamin kemaslahatan hidup bermasyarakat dalam kalangan penduduk Pulau Perhentian.

Sehubungan itu pelan jangka panjang dan jangka pendek penting dalam merealisasikan matlamat ini. Contohnya bagi pelan jangka pendek, Universiti Malaysia Terengganu telah menjadikan Sekolah Kebangsaan Pulau Perhentian sebagai projek rintisnya dalam memacu sekolah tersebut ke arah sekolah yang cemerlang. Kerjasama yang dibentuk melalui kerjasama pihak pendidik profesional dan juga pihak Kementerian Pelajaran Tinggi ini sudah pasti membuka ruang kepada penduduk tempatan mencapai tahap pendidikan yang boleh dibanggakan.

Pendidikan terhadap golongan belia dan juga golongan ibubapa dilakukan secara tidak formal dan juga formal namun ianya tidak melibatkan program persekolahan seperti yang dijalankan terhadap kanak-kanak. Pendidikan yang diberikan kepada golongan ini adalah lebih kepada pembentukan institusi kekeluargaan, keusahawanan, kemahiran dan juga pendedahan kepada dunia luar. Pendidikan ini adalah dalam bentuk kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak berwajib, ceramah-ceramah dan juga *roadshow* bagi memberikan input-input baru tentang keadaan semasa di samping menambahkan ilmu pengetahuan. Antara kursus yang diadakan adalah anjuran Yayasan Pembangunan Keluarga, Majlis Amanah Rakyat (MARA), wakil dari Bank Simpanan Nasional (BSN) dan pelbagai lagi badan kerajaan dan bukan kerajaan. Input yang disampaikan pula adalah berbentuk pendidikan, kursus pengawalan emosi, keusahawanan dan juga kemahiran keibubapaan. Selain pendidikan berbentuk duniawi, pendidikan dalam bentuk keagamaan turut dititikberatkan terhadap komuniti Pulau Perhentian. Hal ini kerana, daripada 2,163 orang yang tinggal di Pulau Perhentian, 2,160 adalah bumiputera dan muslim. Sehubungan itu pendidikan berbentuk islamik adalah amat perlu dalam menjana keharmonian pendidikan mereka.

Siri ceramah dan juga kuliah agama turut dijalankan di masjid Kampung Pasir Hantu yang disertai oleh pelbagai peringkat umur. Ceramah dan kuliah yang disampaikan berkisar tentang tanggungjawab ibubapa dalam mendidik anak-anak dan sebagainya sesuai dengan isu dan keadaan semasa. Aktiviti ceramah dan kuliah ini dijalankan sekurang-kurangnya sebulan sekali

melalui kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan juga pengurusan Kampung Pasir Hantu.

Rajah 5.2 : Aktiviti Pendidikan Kerohanian Dijalankan di Masjid.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Bagi mengesan medium utama komuniti mendapatkan akses dan maklumat semasa berkait dengan isu/masalah sosial dan juga ekonomi secara umum kajian turut dilakukan terhadap bahan dan sumber utama yang digunakan oleh komuniti. Empat medium telah dikenalpasti dan diselaraskan dengan umur komuniti untuk mendapatkan hasil yang lebih jelas terhadap lingkungan umur dan kaitan dengan kemudahan akses mereka mendapatkan maklumat iaitu buku, majalah, televisyen dan media sosial.<sup>10</sup>

---

<sup>10</sup> Hasil medium yang dikenalpasti merupakan input daripada Temuramah yang dijalankan bersama En. Zainuddin B. Mohammad dan (wakil lelaki dalam komuniti) dan Pn Siti Kartini Abdul Ghani (wakil wanita dalam komuniti) pada 31 November 2015.

Jadual 5.3 : Umur Komuniti Dan Akses Melalui Buku.

UMUR	BUKU			TOTAL
	TIDAK SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU	
18-30	61	40	2	103
31-40	34	29	0	63
41-50	52	6	0	58
51-60	7	12	4	23
61-70	3	0	0	3
<b>TOTAL</b>	<b>157</b>	<b>87</b>	<b>6</b>	<b>250</b>

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Jadual 5.4 : Umur Komuniti Dan Akses Melalui Majalah.

UMUR	MAJALAH			TOTAL
	TIDAK SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU	
18-30	51	46	6	103
31-40	35	28	0	63
41-50	52	6	0	58
51-60	9	11	3	23
61-70	3	0	0	3
<b>TOTAL</b>	<b>150</b>	<b>91</b>	<b>9</b>	<b>250</b>

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Jadual 5.5 : Umur Komuniti Dan Akses Melalui Telivisyen.

UMUR	TELEVISYEN			TOTAL
	TIDAK SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU	
18-30	6	82	15	103
31-40	1	53	9	63
41-50	0	53	5	58
51-60	1	17	5	23
61-70	2	1	0	3
<b>TOTAL</b>	<b>10</b>	<b>205</b>	<b>34</b>	<b>250</b>

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Jadual 5.6 : Umur Komuniti Dan Akses Media Sosial.

UMUR	MEDIA SOSIAL			TOTAL
	TIDAK SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU	
18-30	18	81	4	103
31-40	11	50	2	63
41-50	17	38	3	58
51-60	4	19		23
61-70	3	0	0	3
<b>TOTAL</b>	<b>53</b>	<b>188</b>	<b>9</b>	<b>250</b>

Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Hasil kajian menunjukkan terdapat empat medium utama yang digunakan oleh komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa seperti sosial dan juga ekonomi iaitu buku, majalah, televisyen dan media sosial. Golongan remaja yang berumur antara 18-30 tahun merupakan golongan yang paling banyak akses kepada empat medium tersebut. Namun begitu, secara majoritinya komuniti setempat banyak mendapat maklumat daripada majalah, televisyen dan media sosial tetapi kurang mendapat maklumat daripada buku (bacaan ilmiah). Komuniti setempat lebih cenderung kepada akses berbentuk pemerhatian melalui televisyen dan media sosial. Salah satu faktor yang dikenalpasti adalah kerana tahap pendidikan yang rendah dan masa terluang yang ada menyebabkan mereka lebih mudah akses kepada televisyen dan media sosial. Hal ini agak membimbangkan kerana ianya akan memberi impak kepada tahap kesedaran penduduk melalui bahan berbentuk bacaan. Sehubungan itu, pembangunan pelancongan turut perlu mengambil kira aspek pembangunan di setiap peringkat. Sekiranya komuniti diberi pendidikan pada semua peringkat

akan memudahkan akses mereka terhadap bahan berbentuk bacaan dan meningkatkan taraf pendidikan mereka.

Langkah kerajaan membina sebuah masjid baru untuk kegunaan komuniti merupakan bukti tahap kesungguhan kerajaan dalam membentuk modal insan dalam kalangan masyarakat supaya lebih kompetitif dengan keadaan semasa. Masjid baru ini mula digunakan pada 6.03.2015 di atas tapak tanah kerajaan yang telah direzabkan di bawah Seksyen 62 KTN Berkeluasan 8996 MP di Lot PT692 berkeluasan 4172MP dan Lot PT693 berkeluasan 4824MP. Peruntukan yang diberikan adalah daripada Kerajaan Negeri Terengganu dengan kos sebanyak RM12,930225.00.<sup>98</sup> Masjid ini adalah binaan kekal dan menjadi *stop center* kepada pembangunan sahsiah dan aktiviti keagamaan komuniti.

Selain pendidikan berbentuk keagamaan, pendidikan dalam bentuk kemahiran turut dilaksanakan terhadap golongan belia dan warga emas. Banyak kursus dan aktiviti yang telah dijalankan termasuklah anjuran Jatawankuasa Kerja Kampung (JKK) bersama dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB), Askar Wataniah dan lain-lain. Kursus kemahiran ini adalah seperti kemahiran perniagaan dari rumah seperti menjahit, menghasilkan kuih-muih untuk pasaran (penduduk tempatan dan juga Tanah Besar). Hal ini secara tidak langsung membantu golongan belia dan warga emas terutama kaum wanita dalam menambahkan hasil pendapatan keluarga. Perhentian Island Ladies Association (PILA) antara badan yang banyak menjalankan bengkel kemahiran terhadap kaum

wanita dalam meningkatkan kemahiran mereka untuk membantu meningkatkan modal insan mereka.

### **5.2.3 Pembangunan Prasarana**

Keindahan sumber semulajadi sememangnya menjadi daya tarikan utama bagi pelancong datang ke sesbuah destinasi pelancongan seperti Pulau Perhentian. Namun begitu, untuk menghasilkan pengalaman melawat yang lebih bermakna, pihak pemegang taruh di Pulau Perhentian perlu menyediakan prasarana yang sesuai untuk pelancong. Dalam hal ini, destinasi dilihat sebagai tempat atau lokasi wujudnya kepelbagaian kemudahan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengunjung yang meliputi pelbagai kemudahan dan aktiviti yang berkaitan dengan sektor pelancongan. Oleh yang demikian, adalah tepat jika dikatakan bahwas destinasi merupakan perkara utama dalam sistem pelancongan.<sup>99</sup> Secara keseluruhannya, destinasi perlu mempunyai ciri-ciri tertentu untuk berdaya saing. Salah satunya adalah sesbuah destinasi perlu mempunyai prasarana yang menarik.<sup>100</sup> Ini bermakna tempat/destinasi berkenaan harus mempunyai tempat tarikan yang dilengkapi dengan kemudahan yang sesuai dan mencukupi.

Sehubungan dengan itu, dalam proses mewujudkan sebuah pulau berasaskan pelancongan maka beberapa perkara perlu diberi perhatian dan keutamaan dalam pembangunan Pulau Perhentian antaranya adalah dengan menaiktaraf prasarana yang terdapat di pulau berkenaan. Jalan raya yang

berkualiti, kenderaan, bekalan elektrik, bekalan air bersih dan kemudahan komunikasi seperti telefon, dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) perlu dirancang dengan rapi. Di samping itu, bilangan tempat penginapan yang mencukupi dan berkualiti untuk menampung pelawat, pelancong dan pekerja juga perlu diberi perhatian. Untuk menarik perhatian pelancong dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat Pulau Perhatian seharusnya diberi perhatian terhadap landskap pulau berkenaan. Bentuk bangunan, rumah dan resort perlu diberi penekanan supaya dapat menampilkan unsur-unsur kesenian dan kebudayaan komuniti setempat.

Rajah 5.3 : Kemudahan dan Prasarana di Kampung Pasir Hantu.



Sumber : Laporan Akhir Perhentian National Ecotourism Plan 2015.

Bagi menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Pulau Perhentian pihak Kerajaan Negeri Terengganu melalui pihak pengurusan Pulau Perhentian telah menambahbaik beberapa prasarana tanpa mengganggu aktiviti sehari-hari komuniti bahkan iaanya mendatangkan kebaikan kepada komuniti setempat. Contohnya adalah pembinaan jeti baru di Kampung Pasir Hantu. Jeti ini dibina bagi memudahkan komuniti setempat untuk keluar masuk daripada pulau dan juga memudahkan para pelancong untuk ke pulau. Jeti baru dibina dengan lebih besar dan dilengkapi dengan beberapa lot kedai bagi membantu penduduk menjalankan aktiviti perniagaan dan keusahawanan.

Selain itu, pihak kerajaan turut memberikan dana untuk membina lot-lot kedai dalam skala yang lebih besar berhampiran jeti lama dan baru. Lot kedai dan restoran ini adalah berkonsepkan Restoran dan Lot Kedai terapung. Lot yang dibina adalah sebanyak 10 kedai. Projek ini dimulakan pada tahun 2014 dan dijangka siap pada 2016.<sup>11</sup> Projek ini diselia sepenuhnya oleh Majlis Daerah Besut dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan juga Kementerian Pelancongan Malaysia dalam proses menggalakkan industri pelancongan negara. Pembinaan lot kedai ini membuka peluang kepada komuniti setempat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan yang mana perniagaan merupakan sektor yang mampu untuk mengubah taraf hidup penduduk asal di Pulau Perhentian.

---

<sup>11</sup> Projek pembinaan lot kedai dan restoran ini diperolehi daripada kajian lapangan berserta temuramah bersama ketua kampung Pasir Hantu En. Zainuddin B Mohammad pada 31 Oktober 2015, jam 10.00 pagi. Beliau menunjukkan tapak dan lokasi pembinaan lot kedai dan restoran tersebut. Mengikut kenyataan beliau, lot tersebut sudah di peringkat akhir dan hampir siap sekitar 70% daripada proses pembinaannya. Bakal digunakan pada 2016.

Rajah 5.4 : Lot Kedai Baru Dalam Proses Pembinaan.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

Jadual 5.7: Golongan Yang Paling Banyak Menerima Manfaat Dari Aktiviti Pembangunan Pelancongan.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan sah%	Peratusan Terkumpul %
PENIAGA	96	38.4	38.4	38.4
PENGUSAHA CHALET/RESORT/HOMESTAY	77	30.8	30.8	69.2
PENDUDUK TEMPATAN	34	13.6	13.6	82.8
PELANCONG	43	17.2	17.2	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Merujuk kepada Jadual 5.7 di atas, soal selidik Bahagian C memfokuskan soalan tentang golongan yang paling banyak menerima manfaat dari aktiviti pembangunan pelancongan. Berdasarkan 250 responden yang ditanya, 96 orang

mewakil 38.4% bersetuju peniaga adalah golongan yang paling banyak menerima manfaat dari aktiviti pembangunan pelancongan. Sehubungan itu adalah bertepatan dengan langkah kerajaan (MDB) dalam membina lot kedai/restoran yang baru sebanyak 10 unit kepada komuniti setempat. Bidang perniagaan banyak membantu mereka untuk meningkatkan taraf hidup melalui aktiviti pembangunan pelancongan. Mereka mampu mendapatkan pendapatan yang lumayan terutamanya pad bulan April hingga Ogos iaitu pada waktu kemuncak. Sementara itu, 77 orang (30.8%) dari 250 responden berpendapat pengusaha chalet/resort/homestay merupakan golongan yang kedua paling mendapat manfaat. Komuniti setempat pula adalah 13.6% menadapat kepentingan melalui aktiviti pelancongan dan pelancong sebanyak 17.2% dari kesemua golongan yang dinyatakan seperti di dalam Jadual 5.7.

Rajah 5.5 : Tanah Yang Boleh Dibangunkan Dan Keperluan Infrastruktur Di Pasir Panjang.



Sumber : Laporan Akhir Ecotourism Plan, Pulau Perhentian.

Berdasarkan Rajah 5.5 di atas, merupakan kawasan yang boleh dibangunkan bagi memenuhi keperluan komuniti iaitu di Pasir Panjang. Tanah yang ada sesuai untuk dibangunkan dengan prasarana dan infrastruktur yang lebih baik melalui kawalan dan pemantauan kawasan seperti yang ditunjukkan dalam gamabar rajah di atas. Plan ini merupakan antara plan pembangunan pelancongan oleh pihak kerajaan dalam mewujudkan sistem pelancongan yang lebih berdaya maju selari dengan kehendak dan garis panduan pelancongan berbentuk eco-tourism yang wujud di Pulau Perhentian dalam tempoh 2015-2025.

Selain itu, pihak kerajaan turut menaiktaraf persekitaran penduduk melalui bantuan terhadap pembinaan rumah, bantuan dan subsidi terhadap barang keperluan harian dan lain-lain lagi. Hal ini kerana, kehadiran pelancong berkait rapat dengan penilaian terhadap destinasi. Ini bermakna pelancong datang ke sesebuah destinasi untuk melihat cara hidup dan budaya sesebuah destinasi. Pelancong kebiasaannya akan terdedah kepada elemen kebudayaan setempat dan ini boleh menyumbang kepada pengalaman lawatan mereka.

Penilaian pengalaman pelancong perlu diberi perhatian kerana pemasaran destinasi boleh bergantung kepada reaksi pelancong terhadap pengalaman mereka.<sup>101</sup> Sehubungan itu, adalah penting bagi masyarakat Pulau Perhentian menunjukkan budaya, seni bina dan sistem warisan mereka kepada pelancong. Selain itu, kemudahan asas turut diperbanyakkan seperti pembesaran balai polis, klinik kesihatan, tandas awam dan pelbagai lagi prasarana lain.

Penubuhan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) merupakan salah satu langkah drastik pihak kerajaan dalam menangani isu keselamatan dan menambah kecekapan terhadap sektor pelancongan. Hal ini ekoran setiap kali tibanya musim tengkujuh penduduk dan pelancong sememangnya akan mengalami masalah dari segi pengangkutan dan juga aktiviti keluar masuk dari pulau. Dengan penubuhan JPAM di Pulau Perhentian sedikit sebanyak telah membantu masyarakat dan pelancong dalam menghadapi musim tengkujuh dan juga bencana. JPAM mempunyai ahli yang terlatih terutamanya dalam aspek menyelamat dan memberikan khidmat kecemasan. Langkah ini dilihat memberikan jaminan kepada penduduk dan pelancong terhadap sebarang kes kecemasan dan juga bencana.

#### **5.2.4 Menstruktur dan Memperkasakan Pihak Berkuasa Yang Mentadbir-Urus Pulau Perhentian**

Aspek pengurusan pelancongan memerlukan penelitian yang cukup rapi dalam menilai setiap potensi pelancongan. Program *Research And Development* (R&D) sangat penting dan membentuk tadbir urus industri pelancongan. Negeri Terengganu antara negeri di Malaysia yang mampu untuk menguruskan industri pelancongan dengan baik dengan penganjuran program pelancongan peringkat antarabangsa seperti Monsoon Cup, Pertandingan melibatkan kapal layar, dan lain-lain. Namun begitu, bagi sesetengah tempat dan destinasi pelancongan, masih banyak yang perlu diperbaiki dalam aspek tabir-urus. Contohnya adalah di Pulau Perhentian. Pulau Perhentian sememangnya mempunyai pelbagai masalah dan

kekurangan melibatkan pihak berkuasa yang menguruskan segala aktiviti berkaitan dengan program pembangunan pelancongan.

Seperti yang dibincangkan dalam bab-bab terdahulu kebanyakan program pembangunan pelancongan yang dijalankan banyak mengabaikan komuniti setempat. Selain itu, sistem kedatangan pelancong boleh dikatakan amat tidak terurus, perniagaan yang dijalankan pula tidak teratur dan jarang berdaftar serta direkodkan oleh pihak berwajib. Dari sudut alam sekitar pula banyak tempat yang semakin tercemar oleh kerana kurangnya pemantauan daripada pihak berkenaan. Sehubungan itu, bagi memastikan proses pembangunan pelancongan di pulau ini terus maju tanpa menafikan hak penduduk dan ekosistemnya, tadbir-urus dan sistem pengurusannya perlu diteliti dan diperkasakan semula.

Pulau Perhentian boleh mengambil beberapa contoh tadbir-urus yang telah diamalkan oleh beberapa negara dalam membangunkan pulau mereka. Salah satu kaedah yang boleh dipelajari adalah daripada Local Agenda 21<sup>12</sup>, yang menggalakkan penyertaan komuniti setempat untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa yang mentadbir-urus untuk menyelesaikan masalah mereka. Misalnya kerjasama antara agensi, termasuk NGOs dan pihak swasta yang bergiat di sekitar pulau untuk merancang program pembangunan. Banyak agensi yang boleh

---

<sup>12</sup> Sejak deklarasi Earth Summit di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992, Malaysia telah mengambil inisiatif menyokong Agenda 21, Pelan Tindakan Global ke arah pembangunan mampan untuk abad 21. Program LA21 iaitu Agenda 21 di peringkat tempatan menekankan penglibatan dan peranan Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana yang dinyatakan dalam ke-28 Agenda 21.

dilibatkan seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), MARA, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain untuk merancang pembangunan. Kerjasama ini sebenarnya telah diamalkan di China, yang mana pembangunan pelancongannya sangat bergantung kepada pelancong domestik dan penglibatan penduduk tempatan.<sup>102</sup> Pandangan ini disokong oleh Salmond (2010) yang mengatakan bahawa pelancong domestik memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian dan tumpuan seharusnya diberikan lebih kepada golongan ini melalui urus-tadbir yang lebih terperinci dan sistematik.<sup>13</sup>

Bagi memastikan pengurusan Pulau Perhentian lebih terancang, pihak Kementerian Pelancongan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu dalam proses untuk mewujudkan Lembaga Pengurusan Pulau yang akan bekerjsama dengan Majlis Daerah Besut untuk sebarang aktiviti pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian.<sup>14</sup> Cadangan ini dibuat oleh JKK Kampung Pasir Hantu dalam membantu proses pembangunan pelancongan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Selain itu, pihak Majlis Daerah Besut dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu turut menjalankan

---

<sup>13</sup> Diubahsuai dari Laporan Akhir Pelan Pembangunan Penduduk dan Pelancongan Lestari Pulau Perhentian, (April 2012), Universiti Malaysia Terengganu melalui kajian lapangan dan soal selidik yang dijalankan pada 31 Oktober 2015 pada 31 Oktober 2015.

<sup>14</sup> Lembaga Pengurusan Pulau Perhentian (LPPP) ini merupakan cadangan yang masih dalam peringkat penelitian. Cadangan ini dibuat untuk membantu Majlis Daerah Besut dan Kerajaan Negeri dalam segala aktiviti berkaitan pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian. Walaubagaimanapun, menurut En. Zainuddin B Mohammad selaku Ketua Kampung dan Wakil Pemuda UMNO Pulau Perhentian, segala keputusan adalah tertakluk kepada pihak Kerajaan Negeri Terengganu untuk menerima cadangan ini.

pertemuan dengan lebih kerap terutamanya dalam membincangkan soal proses dan program-program pembangunan pelancongan yang akan dilaksanakan di Pulau Perhentian.

Selain itu, pihak JKKK dan pengurusan Pulau Perhentian turut diberikan kebenaran untuk menjalin hubungan dengan universiti-universiti tempatan dan luar negara terutamanya dalam konteks pengurusan dan pembangunan seperti yang telah dilakukan oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terutama dalam aspek pembangunan, pengurusan, dan penjagaan ekosistem. Kepakaran yang dimiliki oleh universiti dan badan bukan kerajaan ini akan membantu kelancaran pengurusan pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian. Sehubungan itu, berikut merupakan cadangan untuk menambaik perlaksanaan undang-undang dalam mengekalkan proses keharmonian aktiviti pembangunan pelancongan dengan komuniti setempat.

Jadual 5.8 : Cadangan Polisi Pembangunan Produk (PD1)

PD1	<b>MEMBERI INSENTIF KEPADA KOMUNITI TEMPATAN UNTUK MEMPERLUASKAN PENGLIBATAN MEREKA DALAM PERKHIDMATAN PELANCONGAN DI DALAM RANTAIAN PENAWARAN</b>	
	Tindakan	Agenzi Pelaksana
1	Untuk menugaskan Unit Penasihat Teknikal untuk membantu komuniti setempat dalam mendapatkan kemudahan mikro-kredit sebagai modal permulaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bank Simpanan Nasional</li> </ul>
2	Untuk menawarkan teknikal sokongan dan program pembangunan modal insan kepada pelancongan IKS tempatan bagi mengekal dan mengembangkan perniagaan mereka.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• TEKUN</li> </ul>
3	Untuk menyediakan latihan amali kepada komuniti tempatan dalam menceburi bidang pembuatan kraftangan, pemprosesan produk makanan laut dan restoran makanan laut.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembaga Kraftangan Malaysia</li> <li>• TEKUN</li> <li>• Universiti Tempatan</li> </ul>
4	Untuk mewujudkan sumber rezeki alternatif yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pemuliharaan seperti pemuliharaan terumbu karang dan pemuliharaan penyu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JTLM</li> <li>• Pulau Perhentian Community Ecotourism co-operative (PPCEC)</li> </ul>

Sumber : Diubahsuai dari Kajian Penyusunan Semula Pulau Perhentian Sebagai Destinasi Eko-Pelancongan Perdana.

Jadual 5.9 : Cadangan Polisi Pembangunan Produk (PD2)

<b>MENGGALAKKAN KOMUNITI SETEMPAT UNTUK MENAWARKAN PELANCONGAN KEBUDAYAAN SEBAGAI SALAH SATU PRODUK PELANCONGAN SEKUNDER DI PULAU PERHENTIAN.</b>		
<b>Tindakan</b>		<b>Agenzi Pelaksana</b>
1	Untuk menghalang penukaran rumah penduduk setempat kepada rumah penginapan yang tidak berlesen dengan memberi pampasan melalui pengenalan kepada program ‘homevisit’.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PILA</li> <li>• Eoteer</li> <li>• Tourism Terengganu</li> </ul>
2	Untuk mentauliahkan Tarian Ya’abaan dan Silat Tari kumpulan-kumpulan tempatan dan lain-lain. Untuk menjalankan persembahan pada hujung minggu di dewan kampung.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PPEC</li> <li>• Operator Resort</li> </ul>
3	Untuk membantu nelayan tempatan dalam merekabentuk dan menawarkan program ‘sehari bersama nelayan’ sebagai salah satu program dalam pakej pelancongan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Perikanan</li> <li>• JTLM</li> <li>• Operator Resort</li> <li>• PPCEC</li> </ul>

Sumber : Diubahsuai dari Kajian Penyusunan Semula Pulau Perhentian Sebagai Destinasi Eko-Pelancongan Perdana.

Perlaksanaan undang-undang juga merupakan antara aspek penting yang perlu diambil kira oleh pihak yang mentadbir-urus Pulau Perhentian. Undang-undang yang ada memerlukan pemantauan susulan bagi setiap aktiviti pembangunan dan perincian adalah amat perlu dalam mengawal kejadian yang tidak sepatutnya berlaku terutamanya permasalahan sosial yang berlaku.

Jadual 5.10: Apakah Cadangan Bagi Mengatasi Masalah Sosial Yang Berlaku Akibat Aktiviti Pembangunan Pelancongan Maritim di Kawasan Anda.

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
Penguatkuasaan Undang-Undang/Pemantauan	142	56.8	56.8	56.8
Pendidikan Awal/Penerangan	95	38.0	38.0	94.8
Tiada Masalah	13	5.2	5.2	100.0
<b>JUMLAH</b>	<b>250</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Merujuk kepada Jadual 5.6, dari seramai 250 responden seramai 142 orang mewakili 56.7% daripada mereka bersetuju penguatkuasaan undang-undang adalah amat perlu sebagai langkah untuk mengatasi masalah sosial yang berlaku akibat aktiviti pembangunan pelancongan maritim. Sementara itu, 95 orang (38%) mengatakan pendidikan adalah aspek yang perlu dalam menangani masalah sosial. Sehubungan itu, pihak berwajib perlu melihat kembali kepelbagaiannya aspek terutama dalam tadbir-urus berkaitan pembangunan pelancongan dan menilai banyak perkara dalam menjayakan proses pembangunan pelancongan yang bakal dijalankan.

Sementara itu, dalam menangani masalah seperti jenayah dan permasalahan sosial, pihak kerajaan perlu memperhebat aktiviti perundangan dengan melaksanakan tanggungjawab sosial dengan lebih baik. Pihak berwajib

seperti polis, polis marin, JKKK, dan juga orang awam perlu bekerjasama dalam menangani masalah sosial. Perlaksanaan undang-undang yang lebih ketat akan menjamin kestabilan sosial dalam masyarakat dan juga pengurangan dalam indeks kadar jenayah serta permasalahan sosial.

Jadual 5.11: Adakah Pihak-pihak Bertanggungjawab Menangani Masalah Sosial Yang Berlaku?

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
YA	118	47.2	47.2	47.2
TIDAK	132	52.8	52.8	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Merujuk kepada Jadual 5.11, daripada 250 orang responden 132 orang iaitu 52.8% menyatakan pihak yang bertanggungjawab tidak menjalankan tugas-tugas menangani masalah sosial yang berlaku di pulau berkenaan. Sementara 118 orang (47.2%) menyatakan sebaliknya. Hal ini mengundang keimbangan dalam status sosial masyarakat kerana permasalahan yang berlaku tidak ditangani dengan baik oleh pihak yang sepatutnya menjalankan tanggungjawab. Walaupun ada tindakan yang dibuat oleh pihak berwajib namun ianya masih tidak memenuhi kehendak sosial masyarakat.

Jadual 5.12: Adakah Usaha Yang Dijalankan Oleh Pihak Bertanggungjawab Berkesan?

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
YA	114	45.6	45.6	45.6
TIDAK	136	54.4	54.4	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Jadual 5.12 pula merupakan soalan susulan kepada soalan pada jadual 5.11. Daripada 100% , 54.4% masyarakat tempatan menyatakan bahawa usaha yang dijalankan oleh pihak bertanggungjawab tidak berkesan dalam menangani masalah jenayah dan masalah sosial yang berlaku di pulau berkenaan. Sebanyak 45.6% pula menyatakan tindakan dan usaha pihak berwajib berkesan. Melalui temuramah yang dijalankan bersama En. Ali Akhbar B. Abd Rahman, wakil penduduk bagi persatuan RELA, dan JPAM beliau menyatakan permasalahan utama dalam menjalankan tugas keselamatan dan tugas sosial adalah kerana kekurangan tenaga mahir dan juga kekurangan kakitangan dan bukannya kerana ketidakcekpan dan juga tidak menjalankan tugas yang sepatutnya dijalankan. Menurut beliau lagi, contoh yang boleh diambil adalah dari kekurangan anggota polis di mana hanya terdapat seorang pegawai yang berpangkat Lans Koperal dan seorang Konstabel pada satu-satu masa.<sup>15</sup> Kekurangan kakitangan ini menyebabkan pihak bertanggungjawab amat sukar untuk mengawal keselamatan dalam kondisi terbaik.

---

<sup>15</sup> Temurah dilakukan pada 31 Oktober 2015, jam 10.00pagi di kampung pasir hantu pulau perhentian bersama dengan En. Ali Akhbar B. Abdul Rahman selaku pengurus RELA di Pulau Perhentian.

### **5.2.5 Mempergiat Usaha Mempromosi Pulau Perhentian**

Pelancongan pulau telah memberikan imej yang sangat berbeza dengan pelancongan di tanah besar terutamanya setelah Pulau Capri dibangunkan, dipromosikan secara meluas sebagai destinasi percutian oleh pihak Roma sejak 2,000 tahun dahulu. Ekoran daripada itu, tarikan pulau sebagai destinasi pelancongan semakin berkembang dengan sangat pesat.<sup>103</sup> Sehubungan itu, promosi pelancongan telah dilakukan oleh pihak kerajaan dari pelbagai peringkat. Contohnya promosi pelancongan yang dilakukan melalui Kementerian Pelancongan Malaysia adalah Malaysia Year of Festivals 2015 (MY Fest 2015). Kekayaan pelbagai budaya dan juga aktiviti pelancongan yang ada di Malaysia telah membaca kepada perlaksanaan idea MY Fest 2015 ini.

Kempen bertemakan “*Endless Celebrations*” ini bertujuan untuk menonjolkan dan meraikan kepelbagaian budaya, perayaan dan tempat-tempat yang sangat menarik yang banyak terdapat di Malaysia sebagai tarikan kepada pelancong. MyFest 2015 juga mensasarkan untuk terus meningkatkan momentum pertumbuhan industri pelancongan yang dicapai sepanjang pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2015. Promosi pelbagai perayaan di Malaysia, unsur-unsur kebudayaan dan kepelbagaian bentuk pelancongan ini akan terus dirangsang sebagai tawaran pelancongan di dalam kempen MyFest 2015 samada di peringkat domestik ataupun antarabangsa.<sup>104</sup> Acara pelancongan terbesar untuk tahun 2015 ini akan fokus kepada festival perayaan dan kebudayaan termasuklah acara yang bersifatkan kekeluargaan, membeli-belah, ekopelancongan dan banyak lagi.

Bagi pihak kerajaan Negeri Terengganu pula pelbagai usaha dan langkah telah dilakukan bagi mempromosikan industri pelancongan terutamanya industri pelancongan pulau di Terengganu. Antara pulau yang diberi penekanan adalah Pulau Redang dan Pulau Perhentian selaku pulau Taman Laut yang menjadi tumpuan pelancong. Pada tahun 2013, Pulau Perhentian telah dipilih berada di tempat ke 13 dalam senarai pantai terbaik dunia oleh Cable News Networks (CNN). Hal ini selari dengan promosi pelancongan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan.

Promosi ini melibatkan pelbagai peringkat samada peringkat dalam negeri atau luar negeri. Contohnya melalui pengiklanan di dalam buku dan jurnal pelancongan dunia yang sentiasa menjadi rujukan kepada para pelancong untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu tempat pelancongan. Promosi juga dilakukan dengan kemaskini capaian internet dan website khas untuk memprosi Pulau Perhentian. Di dalam *website* ini, dimasukkan promosi pelancongan seperti pakej pelancongan, aktiviti selam scuba dan pelbagai lagi aktiviti yang menarik minat pelancong untuk datang ke Pulau Perhentian.

Langkah promosi oleh kerajaan terutamanya sekitar tahun 2009, 2010 tampak berkesan dengan pengiktirafan oleh *The Lonely Planet Travel Book* sebagai tempat ke 5 pantai terbaik untuk kegiatan perkhemahan ‘*Hammock*’.<sup>105</sup> Pengiktirafan ini menjadi bukti langkah promosi pelancongan oleh pihak kerajaan berkesan hingga berjaya menarik minat media luar untuk turut mempromosikan Pulau Perhentian sebagai salah sebuah pulau tumpuan dunia terutamanya bagi

aspek keindahan pantai dan juga selam skuba. Kerajaan Negeri Terengganu bersama 10 agensi kerajaan dan 48 penggiat industri pelancongan (NGOs) telah menyertai *International Tourismus of Berlin* (ITB) pada tahun ini (2016) di German. ITB ini merupakan salah satu usaha agresif kerajaan dalam mengetengahkan industri pelancongan negara kepada pelancong Eropah. Terengganu telah diketuai oleh Timbalan Pengerusi II Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan, Tengku Zaihan Che Ku Abdul Rahman yang turut disertai oleh dua orang pegawai kerajaan negeri dan dua orang penggiat industri pelancongan.

Penglibatan itu merupakan penglibatan tahunan untuk membantu Kemneterian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia bagi mempromosikan tempat-tempat menarik di Malaysia. Beliau juga merupakan orang yang banyak bertanggungjawab mengangkat industri pelancongan di daerah Besut selaku Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Besut. Beliau begitu menekankan aspek pelancongan domestik seperti Pulau Perhentian dan Pulau Redang demi memperkasakan industri pelancongan di Terengganu selari dengan polisi kerjaan negeri yang telah di suarakan oleh Menteri Besar Negeri Terengganu.

“Menyahut seruan meneteri besar yang tidak mahu kerajaan negeri bergantung kepada pendapatan industri minyak dan gas, maka dengan penglibatan kerajaan negeri di ITB akan menjadikan sektor pelancongan ini akan bertambah kuat”<sup>106</sup>

Promosi yang dijalankan di peringkat antarabangsa ini turut melibatkan keseluruhan aspek pelancongan merangkumi aspek pelancongan pulau seperti Pulau Perhentian. Selain ITB banyak lagi medium *convention* dan penyertaan

seminar antarabangsa lain yang disertai oleh pihak kerajaan dalam mempromosikan pelancongan. Dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan, badan seperti *Tourism Malaysia* mengendalikan promosi di peringkat antarabangsa manakala agensi pelancongan negeri memainkan peranan di peringkat negeri masing-masing. Selain itu, peranan memberi perkhidmatan berkaitan pelancongan juga biasanya akan dikendalikan oleh syarikat-syarikat swasta mengikut kawasan atau destinasi yang terpilih.

Selain promosi di peringkat antarabangsa, promosi di peringkat komuniti setempat turut dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mendedahkan keunikan Pulau Perhentian kepada dunia sekaligus menarik minat pelancong domestik dan antarabangsa. Langkah yang paling ketara adalah melalui cara memanfaatkan sumber kebudayaan Perhentian dalam komuniti seperti Jadual 5.13.

Jadual 5.13 : Langkah Promosi Pelancongan dalam Komuniti Setempat.

	Langkah Promosi	Agensi Pelaksana
1	Untuk menggilap persembahan kebudayaan komuniti tempatan melalui latihan lanjutan oleh jurulatih bertauliah, rekabentuk pakaian dan lawatan pendedahan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JKKN Terengganu</li> <li>• SUKTRA Terengganu</li> <li>• Kumpulan kebudayaan Perhentian</li> <li>• Tourism Terengganu</li> </ul>
2	Menyediakan prototaip kraftangan tempatan untuk dihasilkan dan dijual oleh komuniti setempat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembaga Kraftangan Malaysia</li> <li>• PILA</li> <li>• Tourism terengganu</li> </ul>
3	Untuk menggalakkan komuniti tempatan untuk menawarkan perkhidmatan spa dan kesihatan kepada pelancong	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PPCEC</li> <li>• MAWSPA</li> <li>• Tourism Terengganu</li> </ul>
4	Menggalakkan program ‘homevisit’ untuk pelancong antarabangsa untuk mempelajari tentang budaya tempatan, pembuatan kraftangan, makanan tempatan dan kehidupan masyarakat nelayan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PILA</li> <li>• Tourism Terengganu</li> </ul>
5	Menggalakkan wanita tempatan menawarkan kelas masakan kepada pelancong antarabangsa.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PILA</li> <li>• Tourism Terengganu</li> </ul>

Sumber : Diubahsuai dari Kajian Penyusunan Semula Pulau Perhentian Sebagai Destinasi Eko-Pelancongan Perdana.<sup>16</sup>

---

<sup>16</sup> Langkah-langkah mempromosi Pulau Perhentian ini di peroleh dan diubahsuai dari Kajian Penyusunan Semula Pulau Perhentian Sebagai Destinasi Eko-Pelancongan Perdana dan melalui pertemuan serta perbincangan dengan Ahli Jawatankuasa Penduduk Kampung Pasir Hantu pada 31 Oktober di Dewan Komuniti, Pulau Perhentian.

Selain itu, pihak kerajaan turut perlu mengadakan kempen-kempen kesedaran kerjaya pelancongan yang dekat dengan akses komuniti setempat seperti kempen kesedaran kerjaya pelancongan di Kuala Besut (berdekatan jeti Kuala Besut). Kerajaan negeri melakukan kerjasama dengan MOTAC, Kementerian Pendidikan, Institusi-institusi Latihan (UiTM, TESDEC, Kolej Komuniti) dan penggiat-penggiat industri samada perhotelan, agensi pelancongan dan sebagainya. Kumpulan sasar pula adalah golongan belia tempatan daripada Pulau Perhentian sendiri, Kuala Besut, Jerteh, Kuala Terengganu dan juga sebahagian dari Kelantan.

### **5.3 Pelan Ekopelancongan Kebangsaan**

Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (PEK) telah dilaksanakan bermula pada tahun 1996. Pada 18 Jun 1996 Pelan Ekopelancongan Kebangsaan telah dibukukan dan menjadi penaduan penting dalam setiap urusan berkaitan pembangunan pelancongan yang dijalankan di Malaysia. PEK merupakan pelan yang telah diaturkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama World Wide Fund (WWF). Ekopelancongan ialah :

“Perjalanan dan lawatan yang dilakukan ke atas kawasan semulajadi untuk menikmati dan menghayati sifat-sifat semulajadi (termasuk sifat-sifat kebudayaan masakini dan masa lalu), yang menggalakkan pemuliharaan alam sekitar, membawa kesan yang rendah serta membolehkan penglibatan masyarakat tempatan di dalam aktiviti sosio-ekonomi yang positif.”<sup>107</sup>

Melalui PEK pelbagai bengkel dan seminar diadakan untuk memberi kefahaman kepada pengusaha pelancongan dalam memahami konsep pembangunan mampan disamping menjaga ekosistem sedia ada. Program penerangan berkaitan diadakan bertujuan meningkatkan kefahaman PEK yang bersistematik di samping meningkatkan kerjasama dalam kalangan pihak Kerajaan dan swasta yang terlibat dalam pembangunan ekopelancongan. Selain itu, ia juga bertujuan mendapatkan komitmen semua pihak untuk melaksanakan cadangan-cadangan Pelan Tindakan Ekopelancongan Kebangsaan dengan lebih cekap dan berkesan bagi tempoh dan jangka masa panjang.

PEK diwujudkan sebagai sambungan daripada kajian Strategi Pemuliharaan Kebangsaan (*National Conservation Strategy*) yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu. Kajian Strategi Pemuliharaan Kebangsaan telah mencadangkan supaya diadakan kajian yang lebih mendalam bagi mengenalpasti tempat-tempat yang berpotensi sebagai destinasi ekopelancongan. Sementara itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah bersetuju melantik WWF Malaysia sebagai juru perunding bagi menjalankan kajian Pelan Ekopelancongan Kebangsaan ini dalam tempoh masa setahun bermula Disember 1994 hingga Disember 1995.

Objektif utama PEK adalah untuk membantu Kerajaan diperingkat persekutuan dan negeri dalam perkembangan promosi ekopelancongan di Malaysia melalui pembangunan yang mampan dalam pengekalan warisan alam

semulajadi dan kebudayaan negara. Selain itu, PEK turut bertujuan mengenalpasti tempat-tempat tarikan ekopelancongan yang utama di Malaysia yang masih belum diterokai dan diberi penekanan.

PEK juga bertanggungjawab dalam menyediakan analisa mengenai kedudukan tempat-tempat pelancongan yang dikenalpasti, menyediakan cadangan strategi pembangunan, pelan tindakan serta polisi pembangunan ekopelancongan di negara ini dan menyediakan senarai serta cadangan pembangunan tempat-tempat yang berpotensi untuk dimajukan. Sehubungan itu, PEK merupakan antara titik tolak kepada sistem pembangunan terhadap ekosistem secara mampan dan terancang dalam mewujudkan keharmonian bagi alam sekitar dan proses pembangunan. PEK ini telah digunakan sebagai sumber rujukan asas dalam setiap aktiviti berkaitan pembangunan ekopelancongan.

### **5.3.1 Pemeliharaan Ekosistem**

Pemeliharaan dan pengurusan flora, fauna, ekosistem dan kawasan pulau dan kawasan pantai amat penting dalam menjamin kesinambungan keunikan biodiversiti pulau dan taman laut yang mengelilinginya. Pemeliharaan dan pengurusan termasuklah kualiti air sungai dan laut, kualiti air bawah tanah, kualiti udara dan tahap bunyi yang dibenarkan. Flora yang lazim terdapat di kawasan pulau ialah tumbuhan dari hutan pinggir pantai, hutan bukit berbatu atau bukit curam dan hutan paya bakau. Kesemua jenis hutan ini mempunyai kepentingan

tersendiri dalam memastikan ekosistem pulau dapat dipelihara dengan baik bagi mengurangkan kesan kejadian tsunami dan hakisan pantai.

Manakala, fauna yang biasa terdapat di kawasan pulau adalah seperti burung, hidupan marin, termasuk penyu, dan pelbagai spesis terumbu karang. Pembangunan yang dibenarkan perlu merujuk kepada peraturan dan undang-undang yang terpakai untuk memelihara dan melindungi spesis yang hampir pupus dan terancam. Ini termasuklah pengekalan sistem ekologi dan habitat seperti kawasan tanah tinggi, kawasan tадahan air, kawasan terumbu karang, kawasan pendaratan dan pembiakan penyu dan kawasan persisiran pantai.

Dalam melaksanakan aktiviti pembangunan di Pulau Perhentian, beberapa panduan harus diikuti iaitu menghadkan dan mengawal pembangunan fizikal di Pulau Perhentian supaya kualiti air laut tidak tercemar. Pembangunan aktiviti pelancongan dan rekreasi di kawasan air hendaklah bersesuaian dengan pemeliharaan kawasan batu karang berpandu garis panduan pulau-pulau peranginan. Selain itu, pembangunan aktiviti pelancongan di kawasan daratan dan di kawasan air hendaklah yang bersesuaian dengan pengekalan kawasan semulajadi.

Elemen kemampunan penting dalam merancang pembangunan pelancongan kerana kebanyakan destinasi pelancongan bergantung kepada keunikan sumber jaya sedia ada seperti persekitaran semula jadi, warisan sejarah dan kebudayaan komuniti setempat. Sekiranya sumber jaya ini musnah, sesebuah

destinasi pelancongan menemui kegagalan kerana tidak mampu menarik kedatangan pelancong. Persekitaran yang kondusif dan alam sekitar yang menarik menjadi pilihan para pelancong terutamanya bagi golongan pelancong yang memerlukan privasi dan ketenangan. Sehubungan itu, perlaksanaan pembangunan pelancongan yang mampan mampu menarik lebih ramai pelancong untuk ke Pulau Perhentian selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan.

#### **5.4 Pelancongan Mampan**

Pembangunan mampan merupakan salah satu agenda penting dalam PEK yang perlu diaplikasikan kepada semua bentuk pembangunan pelancongan yang dijalankan di Malaysia. Mengikut *World Commission on Environment and Development* (WCED) (1987) memberikan maksud pembangunan mampan seperti berikut:

*“Development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs.”*

Sementara itu, maksud pembangunan pelancongan mampan adalah:

*“Tourism which is developed and maintained in an area (community, environment) in such a manner and at such a scale that it remains viable over and indefinite period and does not degrade or alter the environment (human and physical) in which it exists to such a degree that it prohibits the successful development and well being of other activities and processes.”<sup>108</sup>*

Merujuk kepada definisi di atas, pembangunan mampan dan pelancongan mampan mempunyai persamaan dalam aspek memenuhi keperluan (individu atau

pelancong) dan penggunaan sumber jaya secara optimum seperti tanah, air, tumbuhan dan tarikan pelancongan lain. Bagi mencapai tahap kemampanan bagi dua aspek ini, sumber jaya pelancongan yang sedia ada perlu digunakan bagi memenuhi kepuasan pelancong. Walaupun begitu, penggunaan sumber jaya ini perlu melalui proses perancangan yang selari dengan PEK supaya dapat menyumbangkan kesan positif terhadap ekonomi, alam sekitar dan sosial serta dapat dinikmati oleh generasi masa hadapan.<sup>17</sup>

Istilah kemampanan pada awalnya digunakan untuk memberi penekanan kepada pengekalan sumber asli. Kemampanan bererti keupayaan untuk mengekalkan sesuatu; memastikan kewujudan; atau memanjangkan. Tetapi konsep awal kemampanan ini diperkembangkan lagi dengan mengambil teori ekologi sebagai dasar kepada pembangunan mampan. Kemudian ia diperkembangkan lagi untuk meliputi dimensi teknikal, pengurusan, ekonomi, sosial, kemanusian, kebudayaan, etika dan isntitusi.<sup>18</sup> Selain itu, pembangunan mampan tidak akan menggunakan sumber bumi melebihi keupayaan bumi untuk menjana sumber tersebut dan mengambil kira kesan ke atas alam sekitar dan aspek sosioekonomi komuniti setempat.

Oleh hal yang demikian, pembangunan mampan dapat memenuhi keperluan manusia dan melindungi kualiti alam sekitar. Pembangunan mampan

---

<sup>17</sup> Diubahsuai daripada Johan Afendi, Mohamad Zaki. (2012). *Perancangan Dan Pembangunan Pelancongan*. (2<sup>nd</sup> Ed.). Penerbit UUM Sintok.

<sup>18</sup> Diubahsuai daripada *Pelan Pembangunan Penduduk dan Pelancongan Lestari Pulau Perhentian*. April 2012. Universiti Malaysia Terengganu.

juga tidak hanya berfokus kepada isu alam sekitar sahaja sebaliknya turut mengambilkira tiga komponen utama iaitu pembangunan ekonomi, perlindungan alam sekitar dan pembangunan sosial. Ketiga-tiga komponen ini perlu dilihat dan diteliti dalam merancang sebarang program pembangunan pelancongan di sesebuah destinasi.

Sekiranya diamalkan sistem pembangunan secara mampan, akan lahir sikap dan amalan hidup yang seimbang, samada dari segi kemakmuran ekonomi dan keharmonian sosial bahkan membawa kepada perubahan positif dalam pemeliharaan alam sekitar. Namun, persoalannya mampukah pihak kerajaan mengadaptasi proses pembangunan mampan ini di Pulau Perhentian. Tahap kesedaran kepada semua pihak amat penting dalam memelihara khazanah alam sekitar tanpa mengganggu sistem sosial dan ekonomi masyarakat. Strategi dan proses pembangunan pelancongan mampan amat perlu diteliti supaya komuniti setempat di Pulau Perhentian akan dapat hidup secara lestari iaitu dapat memenuhi keperluan hari ini dan juga generasi akan datang.

## **5.5 Proses Pembangunan Pelancongan Mampan di Pulau Perhentian**

Proses pembangunan pelancongan tidak dari lari daripada impak negatif terhadap pelbagai aspek. Impak negatif ini terhasil ekoran aktiviti pelancongan yang dijalankan. Jika tidak dibendung ianya mampu untuk mengancam perkembangan sesebuah destinasi pelancongan dalam tempoh jangka masa panjang terutamanya destinasi yang melibatkan pelancongan sumber alam dan ekosistem. Hal ini kerana, sumber alam dan ekosistem adalah elemen yang sangat sensitif dan mudah berubah mengikut keadaan dan masa. Kerosakan sumber jaya, kesesakan, pencemaran yang berlaku akan mewujudkan persekitaran yang tidak selesa kepada pelancong dan juga komuniti setempat sesebuah destinasi pelancongan.

Sehubungan itu, terdapat garis panduan melalui Pelan Ekopelancongan Kebangsaan dalam membentuk pembangunan pelancongan mampan yang boleh digunakan dalam mengurangkan kesan negatif hasil dari proses pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian. Panduan ini merupakan panduan proses pembangunan mampan yang sering digunakan oleh pihak kerajaan dan swasta bagi melaksanakan tugas-tugas pembangunan pelancongan.

### **5.5.1 Had Daya Tampungan (*Carrying Capacity*)**

Had daya tampung digunakan bagi mengawal jumlah kemasukan pelancong ke sesebuah kawasan pada satu-satu masa. Ini memastikan kawasan yang dikunjungi terpelihara daripada kerosakan akibat aktiviti pelancongan.

World Tourism Organisation (1992) begitu menekankan konsep *Tourism Carrying Capacity* yang bermaksud:

*“The maximum number of people that may visit a tourist destination at the same time, without causing destruction of the physical, economic, socio cultural environment and an unacceptable decrease in the quality of visitors’ satisfaction.”<sup>109</sup>*

Dalam sains sosial, salah satu fungsi konsep ini adalah untuk mengukur setakat mana sumber asli dapat menampung populasi manusia di sesebuah destinasi pelancongan.

Jadual 5.14: Dimensi Utama Had Daya Tampungan.

Dimensi	Huraian
Fizikal	Menumpukan kepada ruang fizikal dan infrastruktur di sesebuah destinasi. Ia meliputi kuantiti dan kualiti penginapan, pengangkutan, bekalan air, tenaga dan sebagainya.
Ekologi	Menumpukan kepada kemampuan alam semulajadi seperti flora, fauna, tanah, air dan udara menampung kesan pelancongan. Ini sukar diukur terutamanya ekosistem yang sensitif.
Sosial	Menumpukan kepada kemampuan sosiobudaya di mana aktiviti pelancongan memberi kesan kepada komuniti. Kesesakan dan perubahan budaya merupakan contoh yang sesuai.
Ekonomi	Menumpukan kepada pengenalan aktiviti ekonomi yang baru tanpa meminggirkan aktiviti ekonomi tradisional komuniti. Ini menumpukan kesan pelancongan musiman kepada destinasi dan tenaga buruh.
Politik	Menumpukan kepada keadaan politik semasa, tampungan organisasi, kerjasama awam dan swasta dan penyertaan penduduk dalam membuat keputusan. ( <i>decision making</i> )

Sumber: Diubahsuai Daripada Mandke Pallavi (2000).<sup>110</sup>

Merujuk kepada Jadual 5.14 had daya tampung terdiri daripada 5 dimensi utama meliputi ekologi, fizikal, sosial, ekonomi dan politik. Penggunaan had daya tampung adalah sesuai untuk diaplikasikan di semua kawasan dan destinasi

pelancongan. Ini kerana setiap destinasi pelancongan itu mempunyai daya tampungannya sendiri terhadap jenis aktiviti dan pembangunan yang dilakukan. Walaubagaimanapun, teknik ini banyak diaplikasikan di kawasan yang dilindungi serta kawasan sensitif alam sekitar seperti Taman Negara, Taman Negeri, Taman Laut, hutan lipur, kawasan perlindungan haiwan liar, kolam takungan air dan sebagainya.<sup>111</sup> Kawasan yang mempunyai ekosistem yang berteraskan alam semulajadi amat sesuai menggunakan teknik had daya tampung ini seperti Pulau Perhentian yang telah diwartakan sebagai Taman Laut. Hal ini kerana, taman laut seperti Pulau Perhentian adalah amat sensitif terhadap sebarang bentuk pembangunan yang dijalankan.

Penentuan had daya tampungan sebenarnya mempunyai pengiraan sendiri dan perlu mengambilkira pelbagai dimensi seperti yang disebut dalam Jadual 5.7. Namun dalam konteks perbincangan ini kajian akan memfokus kepada kaedah yang telah dijalankan oleh kerajaan melalui PEK. Hal ini kerana pelan ini lebih tepat untuk digambarkan dengan situasi dan bentuk mukabumi bagi destinasi pelancongan di Malaysia. Untuk konsep Had Daya Tampung ini, melalui PEK telah mengemukakan formula bagi pengiraan had daya tampungan di destinasi pelancongan untuk digunakan di Malaysia iaitu:

$$\text{Keupayaan Had Daya Tampungan} = \text{Kawasan yang digunakan Pelancong}$$

---

Purata Piawaian Individu<sup>112</sup>

Kawasan yang digunakan pelancong dibahagikan dengan purata ruang piawaian individu (lazimnya diukur menggunakan meter persegi/individu). Walaubagaimanapun, piawaian individu berbeza antara manusia dan tempat. Sebagai contoh, pelancong merasa selesa berdiri bersama-sama 20 orang yang lain di sebuah kedai tetapi tidak di puncak gunung (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 1996).

Jumlah bilangan lawatan harian dibenarkan boleh diperoleh seperti kiraan berikut:

$$\text{Jumlah Lawatan Harian} = \text{Had Daya Tampungan} \times \text{Pekali Silih Berganti}$$

Di mana pekali silih berganti ditentukan dengan :

$$\text{Pekali Silih Berganti} = \frac{\text{Jumlah Masa Kawasan dibuka kepada pelancong}}{\text{Purata Tempoh Lawatan}}$$

Mengikut Pelan Ekopelancongan Kebangsaan yang telah digariskan, kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia berusaha mengaplikasi teknik ini dalam mengkaji had daya tampung di Pulau Perhentian. Status Pulau Perhentian sebagai Taman Laut dan bersifat mesra alam sekitar memerlukan pengawalan kegiatan pembangunan pelancongan secara serius.<sup>19</sup>

---

<sup>19</sup> Pengiraan Had Daya Tampung terhadap Pulau Perhentian ini diubahsuai dari model yang diperkenalkan oleh Johan Afendi Ibrahim dan Mohamad Zaki Ahmad, *Perancangan Dan Pembangunan Pelancongan*. (2<sup>nd</sup> Ed.). Penerbit UUM Sintok.

Terdapat tiga tahap destinasi pelancongan yang boleh diambil panduan dalam mengkaji had daya tampung seperti yang telah digariskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan (1996). Setiap destinasi pelancongan ini mempunyai had daya tampung mengikut pengklasifikasian tahap seperti jadual 5.15.

Jadual 5.15: Had Daya Tampungan Yang Digariskan Melalui Pelan Eko-pelancongan Kebangsaan.

<b>Tahap</b>	<b>Had Daya Tampungan yang Dicadangkan</b>
1	0 – 999 orang/tahun
2	1,000 – 99,999 orang setahun
3	100,000 orang ke atas setahun

Sumber: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan 1996.

Merujuk kepada Jadual 5.11, tahap 1 hanya boleh menerima tidak lebih 999 orang pelancong setahun. Sekiranya bilangan telah cukup dan bilangan bulan/tahun masih berbaki maka destinasi tersebut perlu ditutup dan dibuka semula pada tahun hadapan. Selalunya kawasan pada tahap 1 adalah kawasan yang amat dilindungi seperti taman-taman negeri yang kaya dengan sumber alam, flora fauna dan ekosistem yang menstabilkan alam sekitar. Dalam kes Pulau Perhentian, had daya tampungan yang dicadangkan adalah pada tahap 3 iaitu melebih 100,000 orang ke atas setahun. Pulau Perhentian mampu menerima dan menampung pelancong dalam kapasiti yang ramai namun masih amat perlu di kawal kerana dikhuatiri menjelaskan status pulau berkenaan sebagai pulau Taman Laut yang kaya dengan sumber alam dan hidupan lautnya.

Pengkaji turut menjalankan soal selidik terhadap komuniti setempat terhadap cadangan untuk mengawal kedatangan pelancong ke Pulau Perhentian dalam skala yang lebih kecil bagi mengekalkan keistimewaan pulau berkenaan sebagai pulau Taman Laut. Jadual 5.16 menunjukkan hasil yang diperolehi melalui soal selidik terhadap 250 responden yang terdiri daripada komuniti setempat.

Jadual 5.16: Adakah Anda Bersetuju Bahawa Kesan Negatif Ke Atas Sosial Masyarakat Boleh Dikurangkan Dengan Mengawal Bilangan Pelancong Ke Kawasan Anda?

	Kekerapan	Peratusan %	Peratusan Sah %	Peratusan Terkumpul %
YA	114	45.6	45.6	45.6
TIDAK	136	54.4	54.4	100.0
JUMLAH	250	100.0	100.0	

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Merujuk kepada Jadual 5.16, seramai 114 orang (45.6%) daripada 250 orang responden menyatakan mereka setuju dengan cadangan tersebut. Namun seramai 136 orang (54.4%) daripada responden menyatakan mereka tidak setuju dengan kaedah mengawal bilangan pelancong. Melalui pertemuan dengan En. Zainuddin B Mohammad selaku Ketua Kampung di pulau berkenaan beliau berkata, hampir separuh dari keseluruhan penduduk tidak bersetuju dengan konsep had daya tampung iaitu mengawal bilangan dan kemasukan pelancong. Hal ini kerana, penduduk tempatan sangat bergantung kepada aktiviti pelancongan. Kedatangan pelancong yang ramai akan membantu mereka

meningkatkan hasil pendapatan. Rata-rata penduduk tidak begitu mementingkan soal pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem sebaliknya lebih memilih untuk mengambil kesempatan dari sudut ekonomi hasil daripada aktiviti pelancongan.

Hasil soal selidik ini menunjukkan komuniti setempat masih belum bersedia menerima konsep had daya tampung. Sehubungan itu, pihak berwajib amat perlu memainkan peranan dalam menyampaikan dan menerangkan secara terperinci kepentingan konsep ini dalam menjaga ekosistem yang ada di pulau berkenaan. Hal ini kerana, kemasukan pelancong yang melebihi had daya tampung yang ditetapkan akan menjanakan kesan negatif terhadap sumber jaya alam semula jadi seperti kerosakan denai (*trail*), hakisan tanah, kerosakan habitat flora dan fauna serta kerosakan ekosistem sedia ada. Sekiranya kaedah had daya tampung ini dapat diaplikasikan secara menyeluruh, maka kesan negatif daripada proses pembangunan pelancongan akan dapat dikurangkan ke tahap yang paling minima seterusnya akan dapat meningkatkan lagi industri pelancongan negara.

### **5.5.2 Kod Etika Pelancong**

Kepelbagaian latar belakang pelancong ke sesebuah destinasi sudah pasti menimbulkan kepelbagaian dalam variasi perlakuan dan tindakan. Variasi dalam perlakuan dan tindakan pelancong amat mempengaruhi kegiatan pelancongan di sesebuah destinasi. Perlakuan pelancong yang baik akan menjadikan proses pelancongan berjalan dengan baik tanpa merosakkan sistem sosial, ekonomi dan alam sekitar sesebuah destinasi. Namun sekiranya perlakuan yang buruk

dilakukan oleh pelancong, ianya akan turut memberi kesan buruk terhadap proses pelancongan terutama dari aspek sosial, ekonomi dan juga alam sekitar.

Sehubungan itu, Kod Etika Pelancong amat penting dalam mengurangkan kesan negatif terhadap pembangunan pelancongan. Kod Etika Pelancongan merupakan garis panduan kepada pelancong dan pengusaha pelancongan mengenai aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan atau tidak boleh dilakukan di sesebuah destinasi pelancongan. Garis panduan yang dikemukakan dalam kod ini adalah bagi meminimakan kesan negatif dan memaksimakan kesan positif terhadap alam sekitar, dan sosioekonomi di sesebuah destinasi pelancongan.

Mengikut Saudara Seman B. Muda wakil daripada Koperasi yang merupakan salah seorang wakil yang diamanahkan untuk berurus dengan pihak MDB, kod etika berkenaan telah diwajibkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui pihak MDB supaya para pengusaha pelancongan di Pulau Perhentian meletakkannya di tempat strategik seperti di pintu masuk utama destinasi atau lokasi-lokasi tumpuan pelancong dalam bentuk brosur, risalah atau papan tanda. Kod Etika Pelancong yang telah diselaraskan oleh pihak kerajaan adalah seperti Jadual 5.17.

Jadual 5.17: Kod Etika Pelancongan.

No.	Kod Etika Pelancong
1	Menghormati keunikan bumi dan membantu memeliharanya.
2	Dilarang membuang sampah merata-rata dan tidak mengambil “cenderahati” dari kawasan alam semulajadi.
3	Lakukan perjalanan bermakna dengan meningkatkan usaha pemeliharaan.
4	Dilarang membeli produk yang diperbuat daripada haiwan atau tumbuhan yang dilindungi.
5	Pelancong perlu mengikut laluan yang ditetapkan, dilarang mengganggu haiwan dan merosakkan tumbuhan daripada habitat asal.
6	Mempelajari dan menyokong program-program berkaitan pemeliharaan dan organisasi yang melakukan program pemeliharaan.
7	Pastikan tapak perkhemahan dalam keadaan bersih sebelum meninggalkannya.
8	Dilarang melakukan pembakaran unggun api di tapak perkhemahan.
9	Sisa makanan yang dibawa perlu dibuang di tempat yang disediakan ataupun membawa keluar sendiri dari kawasan ini.
10	Dilarang memancing di kawasan Taman Laut.

Sumber: Kajian Lapangan 2015.

Kod etika pelancong ini adalah untuk mendidik para pelancong menghargai alam sekitar dan mengelakkan daripada kerosakan terhadap destinasi pelancongan. Terdapat banyak lagi kod etika yang dibuat bersesuaian dengan destinasi pelancongan yang dituju. Kebanyakannya lebih kurang sama cuma fokusnya berbeza sebagai contoh destinasi Taman Laut dan Taman Negara. Kedua-duanya mempunyai kod etika yang lebih kurang sama cuma fokusnya berbeza. Taman Laut seperti Pulau Perhentian memberi fokus kepada hidupan marin dan juga ekosistem sementara Taman Negara lebih berfokus kepada ekosistem melalui flora dan fauna. Sehubungan itu, dalam merealisasikan perlaksanaan kod etika pelancongan ini, semua pihak perlu bekerjasama. Sebagai contoh, di Pulau Perhentian masih banyak destinasi tumpuan yang tidak

diletakkan kod etika, menyebabkan pelancong bebas melakukan aktiviti tanpa adanya garis panduan.

Bagi pengusaha pelancongan pula, mereka perlu memberi penerangan kepada pelancong tentang kod etika yang telah digariskan dalam setiap aktiviti yang dilakukan oleh pelancong. Sementara itu, kod etika juga diperkenalkan bagi menggalakkan pihak kerajaan dan swasta memfokuskan penjagaan alam sekitar dalam pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian. Kod etika seperti Pacific Asia Travel Association (PATA) diperkenalkan sebagai garis panduan kepada negara-negara anggota dalam membangunkan pelancongan. Ianya lebih kepada pembangunan pelancongan yang tidak mengabaikan alam sekitar sebagai asas pembangunan pelancongan. Negara-negara yang ingin melakukan pembangunan pelancongan harus merujuk kepada kandungan kod etika PATA ini.<sup>20</sup>

### **5.5.3 Penilaian Kesan Sosial**

Penilaian kesan sosial merupakan proses untuk menilai dan menguruskan kesan daripada perlaksanaan projek, rancangan, program dan polisi ke atas penduduk.<sup>113</sup> Ianya turut dikenali sebagai alat perancangan yang digunakan bagi mengawal dan menyelaras sesebuah projek, program, perancangan serta perubahan polisi semasa dan akan datang. Secara umumnya, perlaksanaan Social Impact Assesment (SIA) di Malaysia wujud sejak Akta Kualiti Alam Sekeliling

---

<sup>20</sup> Diubahsuai dari Johan Afendi Ibrahim dan Mohamad Zaki Ahmad, *Perancangan Dan Pembangunan Pelancongan*. (2<sup>nd</sup> Ed.). Penerbit UUM Sintok.

1974 (Pindaan 1985) Seksyen 34A serta Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987 dikuatkuasakan. Ia terkandung dalam Laporan “*Environment Impact Assessment*” (EIA) mengenai pasti kesihatan dan keselamatan, sosial dan ekonomi serta estetik dan kebudayaan sebagai 3 aspek di bawah kemanusiaan.

Penggunaan teknik ini adalah menilai kesan kepada penduduk akibat sesuatu projek pembangunan oleh agensi awam dan swasta. Skop penilaian kesan sosial meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas projek atau program dilaksanakan. Sebanyak empat peringkat projek atau program meliputi perancangan dasar, pembinaan, operasi dan peninggalan. Perincian bagi keempat-empat peringkat ini seperti Jadual 5.18.

Pemboleh ubah (*variable*) bagi penilaian kesan terhadap sosial dapat dibahagikan kepada lima kategori utama iaitu ciri-ciri populasi, struktur komuniti dan organisasi, sumber politik dan sosial, perubahan individu dan keluarga dan sumber jaya komuniti. Sehubungan itu, penilaian kesan sosial ini adalah amat penting untuk dijadikan panduan dalam agenda pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian. Ianya adalah untuk menyelaraskan kegiatan pembangunan pelancongan dengan kesan terhadap sosial komuniti setempat. Keselarian unsur sosial dalam pembangunan komuniti amat penting dalam menjamin keharmonian kegiatan pelancongan supaya ianya dapat terus berkembang dan memberikan kesan yang positif terhadap negara.

Jadual 5.18 : Peringkat-peringkat Projek/Program Mengikut Penilaian Kesan Sosial dan Huraian.

Peringkat	Huraian
Perancangan Dasar	<p>Peringkat di mana projek/program belum dilaksanakan yang tiada kesan ke atas sosial.</p> <p>Melibatkan reka bentuk projek, penyemakan, komen penduduk, perlesenan, penilaian beberapa alternatif dan membuat keputusan.</p>
Pembinaan	<p>Peringkat perlaksanaan berlaku setelah diberi kebenaran daripada aspek undang-undang.</p> <p>Pelbagai aktiviti projek/program dijalankan dan menjanakan pelbagai kesan kepada sosial penduduk (positif dan negatif)</p>
Operasi	<p>Peringkat pembinaan projek telah siap dan beroperasi di mana penduduk merupakan sebahagian daripada projek tersebut.</p> <p>Mengambil kira komuniti daripada aspek ekonomi dan sosial jangka masa panjang.</p>
Peninggalan	<p>Peringkat di mana projek/program yang dilaksanakan akan tamat pada sesuatu masa.</p> <p>Memberikan kesan langsung dan tidak langsung kepada penduduk daripada aspek ekonomi dan sosial akibat pelaksanaan projek tersebut.</p>

Sumber: Diubahsuai daripada “*The Interorganizational Committee on Guidelines and Principles for Social Impact Assessment (1994)*” dalam Johan Afendi Ibrahim dan Mohamad Zaki Ahmad, *Perancangan Dan Pembangunan Pelancongan*. (2<sup>nd</sup> Ed.). Penerbit UUM.

#### 5.5.4 Piawaian Reka Bentuk

Piawaian reka bentuk merupakan salah satu langkah yang digunakan oleh pihak pemerintah dalam proses pembangunan terutamanya bagi destinasi pelancongan. Proses pembangunan pelancongan perlu mengikuti dan mengaplikasi piawaian reka bentuk yang telah digariskan bersesuaian dengan bentuk muka buka dan ekosistem sesebuah destinasi. Ianya antara lain bertujuan

meminimumkan kesan negatif pembangunan terhadap alam sekitar. Pembangunan pelancongan sesebuah destinasi atau produk pelancongan meliputi penyediaan pelbagai komponen kemudahan dan perkhidmatan kepada pelancong. Sebagai contoh, *English Tourist Board* mencadangkan beberapa kriteria yang perlu diambil kira oleh pengusaha semasa merancang dan membina kemudahan. Kriteria yang dicadangkan oleh *English Tourist Board* adalah seperti Jadual 5.19.

Jadual 5.19: Kriteria Piawaian Reka Bentuk Terhadap Pembangunan Pelancongan.

No.	Kriteria.
1	Menerapkan seni bina dan material tempatan bagi bangunan.
2	Mengambil kira ciri-ciri fizikal tapak dan menyesuaikan dengan reka bentuk.
3	Memikirkan ciri-ciri reka bentuk yang boleh meminimumkan penggunaan sumber dan tenaga. Contohnya, penggunaan tumbuhan sebagai teduhan dan meminimumkan penggunaan penghawa dingin.
4	Menggunakan teknik pembinaan yang boleh meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar.
5	Menggunakan material kitar semula sebanyak mungkin.
6	Menggunakan tumbuhan bagi tujuan landskap dan meningkatkan penggunaan hidupan liar.


Sumber: WTO, 1999.<sup>114</sup>

Piawaian reka bentuk kebanyakannya bersifat boleh ubah di mana garis panduannya berubah mengikut destinasi pelancongan yang hendak di bangunkan. Destinasi pelancongan yang melibatkan sumber alam dan ekosistem memerlukan garis panduan piawaian reka bentuk yang lebih teliti bagi mengelakkan berlakunya kesan negatif terhadap alam dan juga ekosistem. Dalam konteks pulau Taman laut, mana-mana pembangunan yang dibuat samada oleh pihak kerajaan, pengusaha (swasta) perlu merujuk kepada Laporan Tahap Tampungan serta Garis

Panduan Pembangunan atau lain-lain peraturan yang telah disediakan untuk pulau-pulau taman laut. Namun, dalam proses pembangunan pelancongan di destinasi taman laut, aktiviti pembangunan hendaklah tidak membahayakan alam semulajadi meliputi ekosistem sedia ada seperti terumbu karang, hidupan marin seperti yang tertakluk kepada peruntukan Syeksen 41 hingga Syeksen 45, Akta Perikanan 1985.<sup>115</sup>

Merujuk kepada garis pembangunan pulau taman laut tersebut, banyak perkara yang perlu dipertimbangkan oleh pengusaha dalam merancang pembangunan. Terdapat aspek yang perlu dinilai melalui aktiviti yang dibenarkan dan juga aktiviti yang tidak dibenarkan bagi meminimumkan kesan negatif terhadap ekosistem terutamanya ekosistem marin. Garis panduan khusus adalah seperti yang dinyatakan di dalam Bab 2 kajian ini. Bagi piawaian perancangan bangunan dan jalan di kawasan Pulau Perhentian pula, iainya mesti mengikut garis panduan seperti anjakan belakang, ruang legar, dan sebagainya. Anjakan belakang iaitu antara hujung bangunan dengan bangunan dengan mana-mana sempadan lot ialah 1.5 meter dan jarak antara hujung bangunan dengan hujung bangunan ialah 3 meter seperti Rajah 5.6. Aspek anjakan perlu disemak sama ada anjakan di kawasan pulau adalah sama dengan kawasan daratan.

Rajah 5.6: Anjakan Belakang/Ruang Legar (Kawasan Kediaman).




Sementara itu, dari aspek ruang legar (*clear space*) bagi kawasan yang tidak bersempadan dengan lorong belakang, ruang legar ialah 4 meter seperti Rajah 5.7.

Rajah 5.7: Ruang Legar Bagi Kawasan Kediaman.



Bagi bangunan yang mengadap rizab jalan utama, jarak antara garis bangunan dengan rizab jalan adalah 4 meter seperti Rajah 5.8.

Rajah 5.8: Jarak Antara Garis Bangunan Dengan Rizab Jalan (Kediaman).




Rizab dan lebar jalan pula perlu diikuti dalam proses pembangunan rumah penduduk. Rizab jalan utama dalam perumahan ialah 3.5 meter bagi jalan sehala seperti Rajah 5.9.

Rajah 5.9: Rizab dan Lebar Jalan.



Rizab lorong belakang pula ialah 3.5 meter seperti Rajah 5.10.

Rajah 5.10: Rizab Lorong Belakang/sisi.<sup>21</sup>



Garis piawaian reka bentuk ini perlu diaplikasikan oleh semua pihak atau pengusaha pelancongan di destinasi pelancongan Pulau Taman laut. Hal ini kerana ekosistem di Pulau Taman Laut adalah amat sensitif kepada sebarang perubahan berbentuk fizikal. Perubahan ini dikhuatiri akan meningkatkan kesan negatif pembangunan seterusnya akan merosakkan ekosistem sedia ada. Selain itu, terdapat beberapa langkah yang perlu dilaksanakan dalam menjaga proses pembangunan pelancongan yang stabil di Pulau Perhentian.

---

<sup>21</sup> Model Pembangunan Dan Piawaian Reka Bentuk Di Taman Laut Ini Berolehi Dan Diubahsai Dari GPP Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau Taman Laut, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia. (2011).

Jadual 5.20 : Penguatkuasaan Piawaian Bagi Pembangunan Pelancongan Fizikal Berasaskan Amalan Kemampanan Antarabangsa Di Pulau Perhentian.

	Langkah-langkah	Agensi Pelaksana
1	Memudahkan proses penyediaan bekalan 24jam, rawatan air kumbahan berpusat dan kemudahan untuk berpusat dan kemudahan untuk pengkomposan sisa organik dan lain-lain.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• TNB</li> <li>• SATU (Syarikat Air Terengganu)</li> <li>• Operator Resort</li> </ul>
2	Pembangunan masa hadapan tertakluk kepada piawaian yang ketat berdasarkan amalan kemampanan antarabangsa dalam pembangunan resort yang mampan termasuk kitar semula, pengumpulan air hujan, usaha penjimatkan tenaga dan sisa rawatan air yang efisyen.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPBD</li> <li>• Pihak Berkua Tempatan</li> </ul>
3	Memperkenalkan program anugerah tahunan bagi amalan kemampanan dalam pembangunan resort yang mampan dengan menawarkan ganjaran wang tunai dan lawatan teknikal yang dibayar sepenuhnya ke tempat-tempat yang menjadi contoh kejayaan antarabangsa.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tourism Terengganu</li> <li>• KETHHA</li> </ul>

Sumber : Diubahsuai dari Laporan Akhir Perhentian Ecotourism Plan 2015.

Rajah 5.11 : Program Kitar Semula.



Sumber : Kajian Lapangan 2015.

## **5.6 Kesimpulan**

Pembangunan yang pesat pada masa kini memerlukan tindakan, kawalan dan garis panduan yang kondusif bagi meminimakan kesan negatif terhadap destinasi pelancongan. Pihak penguasa dan badan bukan kerajaan perlu bersama-sama dalam melakukan tindakan dan bukannya menjalankan aktiviti pembangunan pelancongan di sesebuah destinasi pelancongan bagi mendapatkan hasil dan keuntungan semata-mata. Sudah sampai masanya, penilaian dibuat dari kesemua aspek terutama bagi mengekalkan sumber alam dan juga ekosistem sedia ada. Peningkatan kedatangan pelancong dan juga tahap kesedaran terhadap pengekalan ekosistem perlu berjalan seiring bagi mewujudkan suasana pelancongan yang harmoni. Setiap garis panduan yang buat melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia perlu dititikberatkan oleh semua pihak. Kawalan dan perlaksanaan undang-undang pula seharusnya lebih giat dan telus dijalankan oleh pihak berwajib.

Pelancong pula perlu diberi penjelasan dan penerangan agar mereka faham mengenai elemen-elemen yang berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem. Setiap aktiviti yang dilakukan mesti bersifat mesra alam dan seboleh mungkin mengelakkan dari merosakkan sumber alam yang menjadi identiti sesebuah destinasi pelancongan. Kerjasama dari pihak pelancong dan juga pengusaha akan mewujudkan keharmonian dalam proses pembangunan pelancongan yang seterusnya akan membantu pihak berkuasa merancang,

mengawal dan membangunkan kawasan pelancongan dengan lebih efisyen dan cekap.

Hasil kajian menunjukkan antara langkah yang boleh diperkasakan oleh pihak kerajaan adalah melalui medium pendidikan bagi menyedarkan komuniti tentang kebaikan dan keburukan pembangunan pelancongan maritim yang dijalankan di Pulau Perhentian. Elemen pendidikan akan membuka mata kepada komuniti dengan peranan yang dijalankan oleh kerajaan seperti konsep pembangunan mampan, pemeliharaan ekosistem, promosi pelancongan dan lain-lain lagi. Komuniti tidak akan mampu berdiri sendiri tanpa sokongan dan galakan daripada pihak kerajaan. Oleh hal yang demikian, dalam apa jua proses pembangunan pelancongan terutamanya dalam konteks Pulau Perhentian peranan kerajaan adalah teramat penting bagi mempromosikan aktiviti pelancongan.

## BAB 6

### 6.1 Kesimpulan.

Pembangunan pelancongan merupakan aspek yang sangat penting dalam meneruskan kebolehpasaran industri pelancongan negara. Pembangunan pelancongan yang dijalankan secara tidak menyeluruh akan memberikan kesan negatif terhadap pelbagai aspek seperti ekosistem, alam sekitar, sosial dan ekonomi masyarakat setempat. Perancangan pembangunan pelancongan merupakan kegiatan yang baru kepada sesebuah destinasi pelancongan maritim dan pulau. Kebanyakan pengusaha pelancongan samada kerajaan atau swasta kurang pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam mengemudi proses pembangunan pelancongan supaya ianya tidak merosakkan ekosistem sedia ada. Industri pelancongan pula merupakan sebuah industri yang rumit, rapuh (*fragile*) dan amat sensitif dengan perubahan persekitaran. Perancangan dan pembangunan yang bersepadu amat diperlukan bagi memastikan semua matlamat tercapai dan menguntungkan semua pihak samada pengusaha, penduduk setempat dan juga alam sekitar.

Status Pulau Perhentian sebagai salah sebuah Taman Laut menyebabkan proses pembangunan pelancongan perlu diteliti dari segenap aspek. Hal ini mewujudkan suasana pembangunan yang agak terkawal dan rumit. Setiap aspek perlu diambil kira terutamanya kepada ekosistem dan penduduk setempat yang telah sekian lama tinggal di Pulau Perhentian dan menjadikan aktiviti

pelancongan sebagai sumber utama pendapatan mereka. Kajian menunjukkan hampir kesemua penduduk di Pulau Perhentian terlibat dalam aktiviti pelancongan sebagai sumber pendapatan utama mereka.

Hasil daripada kajian, sebanyak 86.4% penduduk melibatkan diri dalam aktiviti perekonomian yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan. Hal ini menjawab persoalan dan objektif kajian iaitu adakah program pembangunan pelancongan memberi impak kepada penduduk setempat di Pulau Perhentian. Hasil kajian menunjukkan proses pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian sememangnya memberi impak kepada sosial dan juga ekonomi masyarakat setempat. Hal ini kerana, program pembangunan pelancongan terbukti meningkatkan taraf hidup dan aktiviti sosial masyarakat setempat memandangkan hampir keseluruhan penduduk melibatkan diri dalam aktiviti pelancongan.

Perlaksanaan program pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian telah banyak mendatangkan kesan positif samada dari sudut ekonomi dan juga sosial terhadap penduduk tempatan. Namun kesan negatif turut wujud secara tidak sedar ataupun wujud dalam jangka masa tertentu. Sehubungan itu tindakan susulan melalui pemeliharaan dan pemuliharaan terutamanya terhadap alam sekitar yang terkesan hasil program pembangunan amat perlu dilakukan oleh pihak berwajib bagi memastikan aktiviti pelancongan terus berlangsung dengan baik di Pulau Perhentian. Seperti juga di destinasi pelancongan lain, perancangan diperlukan bagi memastikan produk pelancongan yang ditawarkan di Pulau Perhentian dapat memenuhi permintaan dan kepuasan pelancong. Perancangan

